

## PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

---

---

**Bil. 22**

**Isnin**

**12 Julai 2004**

---

### K A N D U N G A N

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Encik Che Min bin Che Ahmad Adalah Wakil Rakyat  
Bagi Kawasan Parlimen Pasir Puteh (Halaman 1)
- Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)

**MENGANGKAT SUMPAH:**

- Y.B. Tuan Che Min bin Che Ahmad (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 21)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman  
Perumahan (Pindaan) 2004 (Halaman 22)

**USUL:**

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 129)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

Meningkatkan Taraf Profesionalisme Polis Dalam Tugas  
Penyiasatan Jenayah  
- Y. B. Chow Kon Yeow [Tanjong] (Halaman 129)

Masalah Perintah Perlindungan Interim Yang Tidak Diserahkan  
Kepada Pendera Kes Keganasan Rumah Tangga  
- Y. B. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] (Halaman 132)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 12 Julai 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**ENCIK CHE MIN BIN CHE AHMAD ADALAH WAKIL RAKYAT BAGI KAWASAN  
PARLIMEN PASIR PUTEH**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya dalam suratnya bertarikh 7 Julai 2004 telah menghantar surat perakuan daripada Hakim Pilihan Raya Mahkamah Tinggi Kota Bharu yang menyatakan Puan Kalthom binti Othman telah tidak dipilih dalam Pilihan Raya Umum bagi kawasan Pasir Puteh (P.28) dan yang sepatutnya dipilih ialah Encik Che Min bin Che Ahmad. Saya telah membaca perakuan itu.

Oleh itu, mengikut perakuan ini, saya mengisytiharkan Encik Che Min bin Che Ahmad adalah wakil rakyat bagi kawasan Parlimen Pasir Puteh. *[Tepuk]*

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:  
- Yang Berhormat Tuan Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh].

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat dapat memberi

sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi. Saya rasa bahagialah Tuan Yang di-Pertua pagi ini, fasal lima tahun lebih sudah di Parlimen ini, barulah ini pertama kali soalan nombor satu keluar. *[Ketawa]* Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, soalan saya nombor satu, Tuan Yang di-Pertua.

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan Pusat Penyelidikan Penyakit yang mampu mencipta vaksin dan ubat terhadap apa jua kuman dan bakteria yang menyebabkan sesuatu penyakit wujud dan merebak secara berleluasa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, penubuhan Institut Kebangsaan Produk-Produk Asli dan Vaksinologi atau dikenali sebagai IKPAV di bawah naungan Kementerian Kesihatan Malaysia telah diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 21 Mei 2003.

Fungsi IKPAV secara dasarnya adalah bertujuan untuk menyokong, menggalakkan dan menggandingkan usaha secara koordinasi dan konsolidasi bagi penyelidikan dan pembangunan perubatan herba dan juga vaksin.

Institut ini akan mempunyai infrastruktur yang lengkap bagi membolehkan kerja-kerja penyelidikan dan penghasilan vaksin bagi penyakit-penyakit terkini. IKPAV dijangka bekerjasama dengan *Biotechnology Starts-up* sehingga Fasa 3 iaitu perpindahan teknologi dengan penyusunan eksklusif dan juga dengan industri

berkaitan untuk pengeluaran dan pemasaran secara besar-besaran. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, sejak akhir-akhir ini, penyakit-penyakit ganjil kebanyakannya datang daripada negara-negara di sebelah Asia ini, JE, selesema burung, sampar ayam, kadang-kadang kita tidak faham, ini macam selesema burung. Selesema burung kena kepada ayam, ayam kita makan, manusia mati.

**Seorang Ahli:** Burung selamat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, burung yang selamat, ayam yang jadi mangsa, manusia yang mati. Ini yang kita tidak faham. Jadi, apakah pusat penyelidikan ini bekerja keras untuk mencari sebab musabab, apakah kerana negara-negara Asia yang diserang ini, kerana jenis pemakanan kita, orang-orang Asia ini hampir semuanya memakan makanan yang sama, maka berlakulah penyakit-penyakit yang ganjil ini. Kalau boleh kementerian dapat sedikit memberikan penjelasan, supaya dapat kita hindarkan, terutama rakyat kita dan negara kita pula hari ini oleh sebab kelancaran dan kejayaan Kementerian Pelancongan kita menarik ramai pelancong dan di antara pelancong yang ramai ini pun daripada negara-negara Asia, termasuk Timur Tengah, bukan daripada negara-negara Eropah ataupun Amerika, Amerika Latin dan sebagainya.

Jadi, bagaimana kita menjadi negara yang tidak ditakuti oleh pelancong-pelancong yang boleh kita lakukan supaya penyelidikan tentang penyakit-penyakit ini dapat direvolusikan dengan begitu canggih supaya dapat kita menjadi pusat bagi mengawal penyakit-penyakit yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

**Seorang Ahli:** Soalannya apa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Itulah soalnya.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tuan Yang di-Pertua, di sini kita ada dua institusi yang berlainan, yang pertama itu adalah berkaitan dengan IKPAV, ini adalah satu institusi yang membuat penyelidikan dan pembangunan perubatan herba dan juga vaksin dan kita harap kita dapat pasarkan hasil penyelidikan kita.

Dari satu segi lagi adalah kerajaan memang mengambil berat tentang menghadapi cabaran penyakit-penyakit berjangkit yang lain iaitu di negara kita ada

satu pusat penyelidikan penyakit berjangkit iaitu di bawah Institut Penyelidikan Perubatan iaitu IMR (Institute of Medical Research), di mana kita telah dan akan teruskan menjalankan kerja-kerja penyelidikan *biomedical* yang juga berkaitan dengan virus, bakteria dan parasit yang penting untuk manusia, ini adalah dua institusi yang berlainan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Dua tiga tahun yang sudah, kita telah diberitahu bahawa ada satu penemuan berkenaan dengan ubat bagi mengubati penyakit AIDS daripada pokok Bintangor yang terdapat di Malaysia dan saya hendak tahu bagaimana perkembangannya. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ubat-ubatan yang baru itu, kita perlukan masa untuk membuat *clinical trial*, iaitu percubaan klinikal dan sebagainya sebelum ia dapat ditentukan adakah ia berkesan untuk digunakan sebagai ubat untuk sesuatu penyakit itu. Sekian.

**2. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah kemungkinan harga padi dan subsidi dipertimbangkan untuk dikaji semula mengikut kos input semasa. Ini berdasarkan kadar subsidi tidak pernah berubah sejak 15 tahun yang lalu, sedangkan kos input pertanian melambung empat hingga lima kali ganda dalam masa yang sama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar input pertanian adalah di import dari luar negara, kerajaan sedar bahawa kos input pertanian telah meningkat dan menjejaskan pendapatan petani. Dalam hubungan ini, bagi menangani masalah tersebut, kerajaan menggalakkan petani mengusahakan sawah secara komersial dan berskala besar bagi mengoptimumkan penggunaan input serta meningkatkan pengeluaran hasil.

Kerajaan masih belum bercadang untuk mengkaji semula subsidi dan menaikkan harga padi memandangkan harga beras di negara-negara jiran adalah lebih murah. Kenaikan harga padi akan meningkatkan harga beras tempatan serta menggalakkan kegiatan penyeludupan dan seterusnya mendatangkan masalah kepada petani-petani memandangkan beras tempatan masih sukar dipasarkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, nasib pak tani malangnya selalu diancam dengan segala-galanya termasuklah serangan makhluk perosak, subsidi tidak berubah, kos semakin lama semakin meningkat, AFTA dan WTO pun di sebelah lingkungan sahaja dan berbagai-bagai pula, oleh kerana satu hari kelak mungkin skim subsidi baja ini pun akan dihentikan. Adakah kerajaan akan membuat satu *agricultural land reform*, dengan izin, atau reformasi tanah pertanian supaya tanah-tanah yang berukuran kecil dan tanah-tanah terbiar yang tidak produktif akan dicantum akan menjadi satu estet padi di seluruh negara dan petani-petani pula akan menjadi pekerja, atau pemegang-pemegang saham di dalam estet padi ini. Dengan itu barulah, kos input kita boleh jadi lebih rendah dan pengurusan pengeluaran padi akan jadi lebih *efficient*, dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang itulah amalan atau langkah yang diambil oleh kementerian sekarang ini iaitu kita dalam proses untuk mencantumkan semua sawah yang kecil atau kelompok yang kecil kepada kelompok yang besar di mana ianya dinamakan Projek Berkelompok. Di mana semua ini diuruskan oleh Jabatan Pertanian di kawasan bersama dengan pertubuhan peladang kawasan.

Jadi, dengan cara ini segala masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu dari segi kos input yang mahal boleh diatasi pada masa ini dengan secara *bulk purchase*, dengan izin. Kita membeli dengan secara banyak dan ianya telah dapat diadakan dengan mendapat harga *contractual*.

Terima kasih Yang Berhormat, memang ini yang kita juruskan dan seperti Yang Berhormat katakan memang kita menggalakkan supaya pesawah ini menjadi dengan izin, *worker* dan juga *shareholder* pada masa yang sama. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memandangkan pewujudan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini akan memberikan tumpuan yang lebih serius di dalam bidang pertanian, soalan saya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah mana-mana model ataupun contoh sama ada negara-negara Eropah, Timur Tengah ataupun di wilayah ini yang boleh kita jadikan asas ataupun kita sendiri yang akan menjadi contoh kepada negara-negara lain di dunia

dalam membangunkan pertanian dan industri asas tani ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan, kita memang sentiasa di dalam proses mencari cara-cara yang terbaik untuk:

- (i) meningkatkan hasil; dan
- (ii) menekankan dari segi *good agricultural practices* memandangkan tahun hadapan WTO sudah masuk di mana kita juga terikat dengan obligasi-obligasi di bawah WTO.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu daripada hala cara baru yang telah diperkenalkan oleh MARDI bersama dengan kementerian iaitu menggunakan satu model kita sendiri di mana kita juga menggunakan *research* yang ada untuk kita mengenalkan satu projek khususnya di bawah padi iaitu Projek 10 Tan.

Alhamdulillah sekarang ini telah mengeluarkan hasil yang memuaskan, pertamanya yang kita telah perkenalkan dinamakan dengan izin, *precision farming* yang kita cubakan di Tanjung Karang dan telah mengeluarkan hasil yang kita sasarkan iaitu 10 tan semusim dan kita akan menggunakan model ini di tempat-tempat lain khususnya di lapan jelapang yang lain. Kedua, sekarang ini kita pun memikirkan bahawa mungkin dengan kepakaran yang kita ada ini tidak juga mencukupi sebab kita mesti mengambil maklum juga dari segi kepakaran yang ada di luar Kementerian Pertanian. Oleh yang demikian Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah mewujudkan satu Majlis Penasihat kepada segala program pertanian termasuk pakar-pakar di dalam segala bidang termasuk kepakaran dalam bidang padi dan sebagainya. Terima kasih.

3. **Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk menggubal dasar pendidikan yang baru selaras dengan perkembangan dan tuntutan semasa di peringkat nasional dan antarabangsa.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum berhasrat untuk menggubal Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baru. Walau bagaimanapun, pada masa ini kementerian sedang memperkemaskan aspek pelaksanaan dan sistem penyampaian. Kerajaan adalah dalam proses mengemas kini Dasar Pendidikan Kebangsaan selaras dengan

keperluan semasa dan Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Ingin juga saya menyatakan di sini kepada Yang Berhormat, bahawa pada keseluruhannya dasar pendidikan utama negara tidak diubah dan masih menggunakan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada. Sebagai contoh kita masih mengekalkan dasar seperti mana yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu:

- (i) Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama;
- (ii) kurikulum kebangsaan yang memperuntukkan Bahasa Kebangsaan sebagai penghantar utama;
- (iii) kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama; dan
- (iv) memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Walaupun Bahasa Kebangsaan adalah bahasa penghantar utama, bahasa-bahasa ibunda dan etnik tidak dipinggirkan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam akta tersebut. Terima kasih.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dasar pendidikan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak diubah tetapi apa yang kita perhatikan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, beberapa pelaksanaan yang dijalankan oleh pihak kementerian nampaknya seolah-olah tidak dibuat penyelidikan yang begitu mendalam kerana apabila sesuatu pendekatan baru dibuat kita mendapati dalam pelaksanaannya banyak masalah yang timbul bukan sahaja di sekolah bandar tetapi juga di sekolah di luar bandar.

Umpamanya kalau kita mengambil isu pokok Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini kita perhatikan sekolah kebangsaan ini belum berjaya ataupun kita boleh mengatakan ia gagal untuk menjadikan sekolah perdana iaitu sekolah yang mendapat tarikan kepada semua penuntut pelbagai kaum, sedangkan kita percaya sekolah kebangsaan itu sepatutnya menjadi sekolah perdana dengan harapan ianya menjadi jambatan kepada perpaduan nasional ataupun integrasi nasional.

Begitu juga dengan soal bahasa, bahasa ibunda dan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Kita mendapati ramai pelajar-pelajar yang telah tamat tingkatan lima kadang-kadang telah masuk IPTA tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka begitu lemah. Saya mendapat surat daripada penuntut-penuntut ini untuk



mereka memohon kerja dan sebagainya, saya perhatikan apabila mereka menulis surat tentang biodata masing-masing, kelam kabut bahasa Inggerisnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Soalannya ialah setakat mana penyelidikan yang mendalam telah dibuat oleh kementerian bagi memastikan segala pendekatan dan juga pelaksanaan sistem baru itu dapat dijalankan dengan sempurna dan lancar. Itu soalnya, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kadang-kadang kita agak terkeliru. Banyak orang bercakap bahawa perlu atau tidak kita mengubah dasar atau mengubah sistem? Jadi, kita harus memastikan apa itu dasar? Kalau dasar, saya sebutkan di sini secara definisi Tuan Yang di-Pertua, dasar adalah sesuatu pernyataan hasrat dan nilai-nilai oleh kerajaan terhadap sesuatu fenomena, isu, perkara, keadaan atau masalah-masalah di dalam masyarakat dan usaha kerajaan secara komprehensif untuk menghadapi dan mengatasinya demi meningkatkan kebajikan umum – baik, itu dasar.

Jadi, dasar kita tidak ubah seperti mana yang saya sebutkan tadi. Kita tidak ubah, dasar tetap dasar dan juga saya memberitahu kepada pihak pembangkang sana, di dalam kempen pilihan raya dia kata kita hendak menukar dasar. Apa dasar yang hendak kita tukar? Tidak pernah pun kita mengatakan bahawa kita hendak menukar Dasar Bahasa Kebangsaan kepada bahasa Inggeris – dipolitikkan oleh pihak pembangkang di sana khususnya parti Pas.

Di dalam hal ini kita boleh bercakap mengenai dengan sistem. Sistem juga kita rasakan ianya tidak bermasalah hanya ialah kita melihat kepada setiap tahun terdapat peningkatan. Itu saya beritahu. Dalam hal apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa masalah soal pendekatan. Pendekatan kita sekarang pada setiap kali dan setiap masa ialah memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Misalnya, saya ambil mengenai pengenalan ICT. Kita juga tidak mahu penuntut-penuntut di luar bandar ketinggalan seperti mana setiap kali orang mengatakan kita ada *digital divide* ataupun jurang digital. Kita hendak menyempitkan jurang digital dan dengan sebab itu kita secara leluasa untuk melihat anak-anak di luar bandar ini tidak ketinggalan dalam kaedah bagaimana hendak menggunakan ICT itu.

Seperkara lagi ingin saya sebutkan mengenai dengan bahasa Inggeris yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Oleh sebab itu beberapa langkah telah pun kita ambil dengan harapan generasi kita di abad ke-21 ini dan jangan disalahfahamkan, kita tidak mahu lagi anak-anak kita *monolingual*, kita mahu mereka *bilingual* tetapi tidak melupai bahawa bahasa Malaysia tetap Bahasa Kebangsaan. Terima kasih.

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kita mendapati Kementerian Pelajaran mahupun di kebanyakan sekolah ramai guru mahupun pihak sekolah amat menitikberatkan peperiksaan sehinggakan ia telah membebankan anak-anak kecil kita di peringkat sekolah rendah lagi.

Kita tahu bahawa cara pengajaran kita perlu menanam minat kepada anak-anak kita untuk terus belajar, tetapi apabila kerajaan mengadakan dasar yang terlalu menitikberatkan peperiksaan di peringkat awal lagi iaitu di sekolah rendah, maka ibu bapa dan juga guru-guru semua mengejar markah, bukan mengejar ilmu. Mereka mengejar markah dan ini saya yakin dengan pengajaran penyusunan – *spoon feed our children* dengan izin, ia akan membunuh minat anak-anak kita untuk belajar. Adakah kementerian mengkaji sedalam-dalamnya bagaimana kita perlu menambahkan pelajaran di luar bilik darjah?

Pada masa ini, pelajaran semua bertumpu dalam bilik darjah. Belajar sesuatu teori tetapi tidak tahu praktikalnya. Tidak tahu penggunaan cara-cara teori itu. Oleh itu, untuk memastikan penyampaian dan pengajaran kita boleh menarik lebih minat di kalangan anak-anak muda kita, adakah kementerian mengkaji dan menggubal dasar yang sedia ada sekarang? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sudah jelaskan tadi mengenai apa itu dasar sebenarnya, tetapi apa yang diberi komen oleh Yang Berhormat mengenai dengan soal pengajaran dan pembelajaran, yang mana ia melibatkan soal penyampaian dan penerimaan murid-murid itu. Serta juga perkara kedua ialah persoalan persepsi kita. Sebenarnya memang kita adai. Saya akui bagi pihak kementerian masih terdapat beberapa kelemahan ini, yang mana kita senantiasa untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajarannya agar ia dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai dengan soal minat dan guru tadi, ialah kita juga daripada peringkat latihan perguruan senantiasa cuba mempertingkatkan agar guru-guru tadi menggunakan kaedah-kaedah yang terkini dalam pengajaran mereka. Begitu juga

dengan peperiksaan. Memang peperiksaan kadangkala kita salah lihat, apakah peperiksaan itu benar-benar untuk mengukur akademiknya ataupun mengukur seseorang murid itu. Yang ini juga boleh kita bahas secara panjang. Walau bagaimanapun, kami tetap ingin untuk mengimbangkan antara peperiksaan ataupun pencapaian akademik ini dengan pertumbuhan sahsiah anak-anak itu. Sebab itu kali ini kita akan menekankan juga soal-soal kokurikulum dan juga bidang kesukanan di kalangan murid-murid supaya ini dapat mengimbangkan pertumbuhan mereka sebagai seorang anak muda generasi Abad 21. Terima kasih.

4. **Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah penyelenggaraan Jalan Persekutuan yang diswastakan secara "*long-term contract*" selama 15 tahun menjejaskan fungsi asal JKR sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan jalan secara langsung sejak dari penubuhannya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastaan penyenggaraan Jalan Persekutuan secara *long-term contract* tidak menjejaskan peranan Jabatan Kerja Raya dalam aktiviti penyenggaraan jalan. Secara keseluruhannya, Jabatan Kerja Raya masih bertanggungjawab ke atas segala aspek penyelenggaraan Jalan Persekutuan yang merangkumi soal ketahanan, struktur jalan, struktur jambatan, cerun dan keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya. Syarikat konsesi hanya diberi tugas untuk melaksanakan penyenggaraan rutin berkala dan kerja kecemasan sahaja. Skop kerja penyenggaraan rutin meliputi kerja-kerja berikut:-

- (i) membaiki permukaan jalan seperti *path-hole*, jika ada;
- (ii) memotong rumput;
- (iii) membaiki bahu jalan;
- (iv) membersihkan dan mengecat perabot jalan;
- (v) membersihkan dan mengecat jambatan dan pembedung; dan
- (vi) membersihkan perparitan.

Skop kerja penyenggaraan berkala pula meliputi kerja membaharui muka jalan iaitu, *road service servicing* dan kerja-kerja kecil membaiki pulih jalan. Manakala skop kerja kecemasan meliputi kerja pembersihan dan penyediaan laluan sementara apabila terjadi bencana alam seperti cerun runtuh, jambatan runtuh, pembedung runtuh dan

pokok tumbang. Untuk penyelenggaraan bekalan berkala, JKR masih bertanggungjawab menyediakan program kerja yang sistematik untuk dilaksana oleh syarikat konsesi. Jabatan Kerja Raya juga bertanggungjawab bagi memperakukan bayaran untuk semua kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Jabatan Kerja Raya masih bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan yang di luar skop kerja syarikat konsesi seperti kerja menaik taraf jalan, penyelenggaraan jambatan, cerun, lampu isyarat, lampu jalan, menaik taraf persimpangan jalan dan jambatan serta meningkatkan tahap keselamatan jalan. JKR juga masih mempunyai peranan yang penting dalam menggubal Akta Jalan Persekutuan yang merangkumi aspek-aspek had berat kenderaan, gazet dan pembangunan tepi jalan.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Bagi penswastan sesuatu kerja di dalam jabatan kerajaan, sudah tentu kerajaan menghendaki satu penyelesaian yang terbaik kepada masalah-masalah ataupun projek yang dilaksanakan. Kita dapati penswastan yang dibuat bagi apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ada yang berjaya, ada yang tidak berjaya. Jadi saya di sini ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada penswastan yang dibuat oleh JKR ini berjaya dan apakah nilai kejayaan? Apakah kerajaan dapat mengurangkan perbelanjaan dengan memberi penswastan kepada syarikat konsesi? Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, yang pertama sekali kita menjalankan kerja-kerja dengan lebih cekap. Yang kedua, harga adalah lebih kurang daripada apa yang telah dibelanjakan oleh JKR pada masa dahulu. Jadi dua-duanya sedang dijaga oleh JKR dan saya percaya, ini kita dapat lebih hasil daripada apa yang dibelanjakan dahulu.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita mengucapkan terima kasih kerana kerajaan ataupun JKR telah pun banyak meningkatkan taraf jambatan-jambatan, jalan-jalan JKR dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan jalan raya di mana jambatan-jambatan yang kecil dibesarkan, yang sempit dilebarkan dan yang rendah ditinggikan sekadarkan saya dapati banyak jambatan baru apabila ditinggikan ia tidak *match* dengan aras jalan yang sedia ada, akhirnya kita bawa kereta seumpama naik *roller coaster*.

Bila saya semak dengan JKR, mereka mengatakan ini adalah *design* bagi memenuhi keperluan 100 tahun jangkaan jumlah air akan lalu di bawah jambatan setelah disemak dengan JPS. Soalnya, saya perhatikan yang besar bukannya ruang laluan air tetapi *girdlanya, beamnya*. Akhirnya, jambatan menjadi tinggi terutama jambatan-jambatan baru yang melintasi parit pada JPS. Di satu sudut, ia mungkin baik kerana seolah-olah ia menjadi satu *permanent* dengan izin, bebendul. Bendul jalan ataupun *harm* tetapi daripada sudut yang lain pula mungkin ia berbahaya. Adakah JKR mempunyai satu rancangan untuk memulihkan keadaan tersebut supaya ia tidak menjadi suatu ketidakselesaian kepada pemandu kenderaan yang seumpama naik *roller coaster* itu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membina jambatan baru, kita kena ikuti arahan-arahan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran, jadi mereka akan memberi paras ketinggian kepada jambatan itu oleh sebab kita mempunyai *hub* di beberapa tempat. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya mengambil perhatian apa yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

5. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan sesuai dengan Malaysia sebagai sebuah negara pelbagai kaum yang mengamalkan perkongsian kuasa, apakah rancangan kerajaan untuk melantik Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri daripada kalangan warganegara bukan Melayu/Bumiputera.

**Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu lantikan Perdana Menteri adalah dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas kuasa *prerogativenya* dan lantikan itu juga dibuat atas dasar bahawa ia mempunyai kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat – Ahli Parlimen kita semua dan biasanya menjadi amalan di negara kita ini ialah individu itu juga adalah ketua parti yang mendapat majoriti dalam Dewan Rakyat dan dia sendiri mesti menjadi Ahli Dewan Rakyat juga. Jadi itulah kedudukannya.

Tentang yang berkaitan pula dengan Timbalan Perdana Menteri, itu ialah *prerogative* Perdana Menteri untuk melantikkan dan tentulah juga mengambil kira yang individu berkenaan boleh membantu dan juga mendapat kepercayaan majoriti.

Berkenaan dengan hal yang berkaitan dan perkongsian kuasa ini, ini sudah menjadi suatu amalan kepada Barisan Nasional selama ini dan Barisan Nasional itu serta dasarnya mendapat sokongan majoriti daripada rakyat supaya mana yang dibuktikan melalui pilihan raya-pilihan raya diadakan daripada dahulu sampai sekarang. Kepimpinan yang dipilih itu bukanlah didasarkan kepada kaum ataupun fakta-fakta yang lain melainkan dasar-dasar yang telah pun diterapkan kerana dalam amalan kita ini, parti yang bertanding itu adalah parti-parti yang juga mempunyai penyertaan pelbagai kaum di dalamnya seperti Barisan Nasional.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum dan rakyatnya sebahagian besar dari kalangan bukan bumiputera, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat, adakah Yang Amat Berhormat bercadang mewujudkan satu jawatan Timbalan Perdana Menteri yang kedua untuk memperseimbangkan kedudukan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum. Saya faham juga tentang menurut Perlembagaan Persekutuan Perkara 43, peruntukan Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri yang terdiri dari Ahli Dewan Rakyat, tetapi tidakkah ini disebut keturunan dan agama Ahli-ahli di Dewan Rakyat tersebut. Tidakkah ini bermaksud bahawa Yang di-Pertua Agong berkuasa melantik Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri dari kalangan bumiputera atau bukan bumiputera. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempersoalkan *prerogative* Yang di-Pertua Agong. Apa Yang di-Pertua Agong lantik adalah berdasarkan kepada apa yang telah saya tetapkan tadi. Bagi Barisan Nasional, amalan yang kita jalankan selama ini diterima baik oleh semua pihak dan soal isu perkauman mengenai Barisan Nasional sebagai sebuah parti tidak menjadi isu yang menyebabkan apa-apa masalah kepada Barisan Nasional, bahkan Barisan Nasional dengan amalan partinya, dengan barisan kepimpinannya, dengan cara pengagihan kerusinya dan dengan cara bukan sahaja untuk bertanding dalam pilihan raya tetapi juga dalam Kabinet, Dewan Undangan Negeri dan sebagainya juga disenangi oleh rakyat sebab itu sokongan itu tidak pernah kurang daripada majoriti yang telah diberikan selama ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat sekarang memang mempunyai banyak inisiatif termasuk hendak mencegah rasuah kita mesti sokong, mesti bekerjasama untuk mencapai inisiatif-inisiatif ini. Walau bagaimanapun, dari segi Perlembagaan, dari segi pandangan Yang Amat Berhormat, walaupun biasanya di semua negara di dunia ini, Perdana Menteri atau Presiden dipilih dari golongan yang etnik yang terbesar sekali, itu biasanya. Tetapi dari segi Perlembagaan, sama ada Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri, apakah pandangan dan fahaman Yang Amat Berhormat mengenainya, memandangkan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi bahawa inilah negara yang berbilang kaum dan berbilang agama. Adakah kemungkinan pada satu hari kelak dari segi Perlembagaan orang yang bukan Islam pun boleh menjadi Perdana Menteri.

**Perdana Menteri:** Mengikut pandangan saya, kita adalah dilambangkan dengan apa yang saya lakukan mengikut yang telah diamalkan oleh parti saya selama ini, yang tidak juga dibantah oleh majoriti rakyat, bahkan menyokong parti. Jadi, saya tidak ada apa-apa cadangan untuk membuat sebarang perubahan kepada apa yang sedang berjalan sekarang. *[Tepuk]*

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dapat hadir pagi ini, untuk menerangkan perkara yang sangat penting yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita nampak rakyat yang pelbagai di negara ini mengalu-alukan dasar kerajaan yang ada sekarang kerana mengamalkan dasar yang disebutkan perkongsian kuasa di negara kita. Memandangkan kita nampak ada beberapa kaum kecil seperti kaum Orang Asli, kaum Orang Ulu di negeri Sarawak ataupun kaum-kaum yang lain lagi yang saya nampak belum juga ada peluang untuk diberi berkongsi kuasa dalam kerajaan sekarang ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan supaya penyertaan kaum etnik yang belum mempunyai peluang dalam kerajaan kita sekarang ini, boleh diberi peluang dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri. Sekian, terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan terus berusaha untuk memperluaskan penyertaan pelbagai kaum dalam kerajaan kita, dalam peranan-

peranan yang dapat ditentukan oleh parti kita dan yang kita anggap mendapat juga dengan itu menyumbang ke arah pembangunan negara kita melalui jawatan-jawatan mereka pegang. Selama ini yang kita laksanakan telah pun menunjukkan bahawa hakikat ini telah pun berkembang dari masa ke semasa.

6. **Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bilakah Kolej Komuniti yang telah lama diura-urakan untuk dibina di Parlimen Maran dilaksanakan dan berapakah kos pembinaannya.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Lanang bertarikh 12 Julai 2004, Yang Berhormat bagi Sri Gading bertarikh 13 Julai 2004 dan Yang Berhormat bagi Jerlun bertarikh 14 Julai 2004.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berhasrat untuk memperkembangkan dan memperluaskan lagi penubuhan Kolej Komuniti di seluruh negara dan sekarang status penubuhan tersebut masih lagi dalam proses kajian semula. Penubuhan Kolej Komuniti di sesebuah kawasan mengambil kira beberapa kriteria, antaranya ialah dari segi kepadatan penduduk setempat dan kepesatan kegiatan ekonomi setempat. Penubuhan Kolej Komuniti ini juga mengambil kira kawasan yang tidak mempunyai institusi-institusi yang lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sebagainya. Selain daripada itu, faktor tanah dan tapak pembinaan yang dianugerahkan oleh kerajaan negeri juga diambil kira dalam menentukan penubuhan sesebuah Kolej Komuniti.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Julai 2000 telah bersetuju untuk menubuhkan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen. Berikutan dengan itu, kerajaan telah menubuhkan 34 buah Kolej Komuniti di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pada 15 Januari 2003 kerajaan telah memutuskan supaya penubuhan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen dikaji semula memandangkan implikasinya dari segi kos, tenaga pengajar dan kesesuaian kursus mengikut keperluan masyarakat. Apatah lagi sekarang ini kita telah pun menambah kawasan Parlimen sebanyak 219 kawasan.



Daripada 34 Kolej Komuniti yang sedia ada, sebanyak lima buah ditubuhkan di Pahang iaitu Kolej Komuniti Kuantan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Maran, Kolej Komuniti Kuantan, Kolej Komuniti Paya Besar, Kolej Komuniti Bentong, Kolej Komuniti Mentakab dan juga Kolej Komuniti Rompin.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama penubuhan Kolej Komuniti ialah untuk memberi pendidikan dan latihan yang dinamik dan berkualiti kepada semua peringkat masyarakat bagi menyediakan mereka ke dalam kerjaya, memajukan kerjaya yang diceburi dan seterusnya meningkatkan tahap sosioekonomi komuniti setempat secara keseluruhannya. Ini dapat dilaksanakan dengan menyediakan laluan alternatif kepada lepasan menengah dan pelajar yang tidak berpeluang mendapat pendidikan formal atau mengikuti latihan kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional seperti perindustrian, perdagangan, pertanian, pelancongan, kesihatan dan sebagainya. Menyediakan pendidikan sepanjang hayat kepada individu dan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan, ini bersesuaian yang saya rangkumkan soalan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, *Bismillahir Rahmanir Rahim [Membaca sepotong Hadis dalam Bahasa Arab]* bermaksud: "Kalau kita hendak berjaya di dunia hendaklah kita berilmu, kalau kita hendak berjaya di akhirat hendaklah kita berilmu, kalau kita hendak berjaya kedua-duanya sekali hendaklah kita berilmu."

Seterusnya menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (*up skilling*) dan melatih semula (*reskilling*) untuk keperluan tenaga kerja setempat. Sehingga Disember 2003 *enrolmen* Kolej Komuniti yang mengikuti kursus sepenuh masa ialah 6,117 orang dan pada 3 Julai 2004 yang lalu seramai 997 graduan Kolej Komuniti telah pun tamat pengajian dan menerima sijil masing-masing. Bagi kursus pendek yang memberi penumpuan pendidikan sepanjang hayat, sebanyak 316 kursus yang telah dijalankan di semua Kolej Komuniti, yang telah disertai seramai 8,212 peserta. Ini menunjukkan bahawa penubuhan Kolej Komuniti telah mencapai matlamat penubuhannya. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada kerajaan kerana telah dapat membina lima buah Kolej Komuniti di Pahang. Saya timbulkan soalan Maran kerana untuk makluman, orang-orang di daerah ini telah lama menunggu pembinaan Kolej Komuniti ini. Kalau di Maran ini, Jengka adalah sebuah kawasan yang telah dikenali sebagai zon pendidikan, di mana sekarang hanya sebuah

sahaja pusat pengajian iaitu di UiTM Jengka dan akibat daripada penutupan salah sebuah agensi wilayah iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, maka pembangunan di kawasan ini agak terbantut dan di mana kalau kita lihat di kawasan Pekan Tajau ataupun Simpang Jengka yang dikenali sebagai cadangan tapak industri, telah tidak membangun dengan mengikut jadual.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebab itu harapan saya supaya kalau boleh pembinaan Kolej Komuniti di Maran ini dapat disegerakan kerana kalau tidak mungkin peluang-peluang untuk anak-anak di kawasan Maran, di kawasan luar bandar ini untuk belajar sudah tentu akan terbantut. Jadi, apakah langkah kerajaan ataupun cadangan kerajaan untuk membantu kerajaan negeri dalam membangunkan semula zon pendidikan ini terutamanya di Simpang Jengka yang telah pun dikenali sebagai kawasan industri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Kajian mengenai pembinaan Kolej Komuniti ini di peringkat akhir, insya-Allah, saya akan kemukakan satu kertas Kabinet kepada Kabinet untuk membuat persetujuan. Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat, saya akan mengambil ingatan tentang perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan syarat-syarat baru yang dikenakan oleh kementerian terhadap pengwujudan Kolej Komuniti ini seperti kepadatan setempat dan ekonomi dan juga melihat kepada sama ada institusi latihan yang lain yang diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini Beluran *fits the criteria* dan saya harap kementerian akan melihat keperluan Kolej Komuniti di Beluran. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, daripada 34 Kolej Komuniti yang telah diwujudkan dan seramai 6,117 penuntut yang telah masuk ke Kolej Komuniti ini, antara banyak pendekatan *courses* dan program yang diberi, apakah program yang dilihat sebagai satu program yang boleh memberi masa depan terhadap graduan-graduan Kolej Komuniti di kawasan-kawasan yang lain. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil contoh satu di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang, Kolej Komuniti menawarkan 17 kursus tetapi yang paling diminati ialah kursus Multimedia Kreatif ataupun Animasi. Di sini saya dapat melihat apabila seorang keluarga datang berjumpa saya yang mengatakan bahawa anak dia pada pandangan dia sudah *gone case*, maknanya, anak dia itu tidak pergi sekolah, ponteng sekolah dan sebagainya.

Tetapi selepas SPM dia pergi masuk Kolej Komuniti dan kali ini sebelum lagi pensyarah datang dia sudah tunggu dekat bilik kuliah kerana dia seronok dengan *hands on* ini tadi, dan dia boleh buat kartun dalam komputer melalui Multimedia Kreatif dan Animasi ini dan sampaikan ibu bapa mereka telah membuat kenduri kesyukuran kerana anak dia, kata dia: "Anak saya sudah jadi manusia!"

Selepas itu apabila telah lulus sijil ini mereka telah pun direntap terus oleh pihak swasta dan memberikan gaji yang maksimum sebanyak RM1,200. Di sini kita nampak bahawa setiap satu yang paling diminati oleh penuntut-penuntut kita sebagai *second chance* apabila mereka tidak dapat menunjukkan kecemerlangan dalam SPM.

Saya nampak kalau daripada sini, kita lihat bahawa kursus berasaskan komputer yang paling disenangi oleh penuntut-penuntut kita sebanyak 2,563 orang, kursus-kursus ini yang masih menunggu. Satu lagi ialah kursus Pembangunan Diri, ini ialah kursus pendek yang boleh melibatkan mereka.

Kalau kursus Kolej Komuniti yang lain ataupun sebelum itu ILP dan sebagainya kursusnya satu sahaja, *Brick Laying*, dapat sijil ataupun Membaiki Paip (*Plumbing*), satu sahaja mendapat sijil. Tetapi sekarang ini kita buat pakej baru, di mana dalam Kolej Komuniti kita bagi gelaran Sijil Penyenggaraan Bangunan (*Building Maintenance*).

Jadi, oleh kerana itu, seseorang itu apabila dipanggil untuk membaiki rumah, membaiki paip dia tahu, membaiki elektrik dia tahu, kalau rosak TV dia tahu baiki, kalau rosak penghawa dingin dia mengerti baiki, kalau rosak lantai dia boleh baiki, kalau rosak dinding, *brick laying* dia boleh baiki.

Jadi, di sini kita cantumkan (*intergratekan*) banyak kursus yang satu-satu sijil itu, kita *integratekan* menjadikan ia satu sijil sahaja iaitu Sijil Penyenggaraan Bangunan. Di sinilah kita lihat bahawa *packaging* seperti ini diminati oleh anak-anak kita. Sekian, terima kasih.

**7. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kedudukan terkini mengenai National Health Financing Authority (NHFA) dan Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan National Health Insurance Scheme.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara ini masih dalam kajian lanjut kerajaan. Nama sebenar serta tarikh pelaksanaannya masih belum ditetapkan

lagi. Ini kerana kerajaan perlukan lebih banyak masa untuk meneliti tatacara pelaksanaan serta isu-isu atau masalah yang dijangka berbangkit dalam pelaksanaan skim tersebut. Kerajaan juga memerlukan masa untuk mendengar serta meneliti pandangan dari pelbagai pihak termasuk pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau NGO supaya skim yang diwujudkan nanti akan dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat Malaysia dan untuk kebaikan negara. Sekian.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya rasa pun telah mengambil masa yang agak panjang. Ini umpamanya *national health financial authority* telah dikatakan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sekarang sudah lapan akan masuk kesembilan, jadi masih belum, masih memerlukan beberapa tahun lagi dan saya rasa ini adalah perkara yang perlu dipercepatkan, kalau kita lihat setiap hari ada orang meminta bantuan perubatan, pembayaran perubatan, jadi saya rasa ini adalah penting, mungkin bolehkah kementerian menubuhkan satu *council*, *medical council* yang akan ahlinya datang daripada semua bidang kepakaran supaya dapat mempercepatkan perbincangan ini, ini pun telah dicadangkan oleh MMA pada tahun 2000 agaknya, perkara ini sudah lambat, sudah beberapa tahun. Jadi ini saya rasa ini menggambarkan bahawa kementerian kurang cekap dalam urusan kementerian. Jadi apakah, adakah kementerian akan mempercepatkan perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi kita memerlukan masa yang panjang kerana kita hendak mencari satu skim yang baik untuk semua lapisan masyarakat dan kita kena faham juga tidak semestinya skim yang baru yang kita katakan itu adalah baik untuk negara kita dan kita juga kena faham dan kita juga hendak meneliti juga sistem yang sedia ada ini barangkali adalah yang terbaik untuk keadaan negara kita. Dan kita akan cari cara bagaimana kita dapat menambah baik lagi sistem yang sedia ada atau *supplement system* yang sedia ada untuk kebaikan semua. Semua alternatif ini kita akan meneliti dengan sedalam-dalamnya. Bagi Kementerian Kesihatan masa itu bukan satu kriteria yang kita akan utamakan, tetapi yang kita hendak utamakan itu adalah untuk mencari satu sistem untuk kebaikan kita semua. Sekian.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Untuk negara kita mencapai sebuah negara maju pada tahun 2020. Kita memerlukan sekurang-kurangnya 95 peratus

daripada masyarakat kita oleh dilindungi dengan sebarang insurans kesihatan dan keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, jawapan Setiausaha Parlimen yang berbunyi memerlukan satu masa yang panjang itu mungkin begitu subjektif bagi kami, satu jawapan yang objektif mungkin dalam masa 10 tahun atau 15 tahun masalah ini dapat diselesaikan. Mungkin dapat meletakkan kami berada dalam keadaan yang selesa.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah, jika kita mempunyai perancangan untuk mengadakan skim pembiayaan kesihatan kebangsaan ataupun *national health insurance* ini, boleh tidak beritahu kepada kami apakah badan yang dipertanggungjawabkan untuk melihat dari dekat pengawalseliaan, pengurusan dan pentadbiran badan ini. Jika ia berlaku adakah kemungkinan anak yang baru lahir dari perut ibu itu akan terus dilindungi oleh skim ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tadi, Yang Berhormat mengatakan kita harap sekurang-kurangnya 90 peratus rakyat Malaysia akan dilindungi oleh satu skim. Tetapi kalau kita tengok, skim yang sedia ada sekarang itu kita melindungi 100 peratus, semua rakyat kalau kita hendak dapatkan perkhidmatan kesihatan di negara ini, kita tidak kira yang ada, yang tidak ada, kita semua akan caj RM1.00 sahaja sebagai yuran untuk *registration* dan ini adalah untuk 100 peratus rakyat Malaysia.

Apabila kita tengok skim ini, kalau kita telah dapat melindungi 100 peratus rakyat Malaysia adakah lebih baik kita menambahbaikkan sistem yang sedia ada atau kita hendak mengadakan satu sistem yang baru itu yang kita mengatakan, kita perlu masa untuk mengkaji yang memadai keadaan kita dan juga memberi perlindungan yang sebaik-baik yang boleh dan untuk masa yang kita hendak tetapkan itu memang - bukan kita tidak hendak bagi dan kita cuma hendak beritahu adalah masa itu kita tidak boleh tengok masa sahaja untuk mengadakan satu masa supaya dalam masa ini kita pasti atau mesti mengadakan satu sistem. Bagi saya, saya rasa yang pentingnya bukan masa tetapi sistem yang kita akan wujudkan adakah sistem yang lama ada lebih baik, seperti yang saya katakan bukan semua sistem yang baru adalah lebih baik daripada sistem yang lama. Barangkali sistem yang lama itu yang telah diuji dengan masa itu adalah sistem yang terbaik sekali. Sekian.

**[Soalan No. 8 – Y.B. Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa] tidak hadir].**

**9. Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:-

- a) bagaimana kementerian mengenal pasti bangunan-bangunan warisan yang ada di seluruh Malaysia; dan
- b) apakah kriteria yang digunakan untuk mengklasifikasikan bangunan-bangunan persendirian sebagai bangunan warisan terutamanya bangunan yang terletak di luar bandar.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bangunan-bangunan warisan di seluruh Malaysia dikenal pasti melalui kajian lapangan dan juga inventori yang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti dan muzium-muzium negeri. Bangunan-bangunan diklasifikasikan sebagai bangunan warisan jika ia berusia 100 tahun atau mempunyai kepentingan dari segi sejarah sosial, budaya dan seni bina negara. Sebagai contoh, bangunan tersebut pernah didiami oleh tokoh-tokoh tertentu seperti pemimpin negara, tokoh agama dan lain-lain tokoh masyarakat atau di rumah tersebut pernah diadakan peristiwa penting dalam sejarah atau rumah tersebut mempamerkan seni bina dan hasil seni pertukangan serta seni ukiran yang sangat baik. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup untuk soal jawab.

*[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab lisan telah selesai]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Akta bernama suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa pegawai-pegawai agensi untuk melaksanakan fungsi-fungsi pencegahan, rawatan, pemulihan, penguatkuasaan, siasatan, risikan, langkah-langkah pencegahan khas,

perlucuthakan harta dan pentadbiran berhubung dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta penagih Dadah (Rawatan pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan) 1988 dan bagi perkara-perkara yang perlu atau yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' haji Noh bin Haji Omar ]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[8 Julai 2004]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya meminta Yang Berhormat dari kawasan Labuan, menyambung semula ucapan.

##### **11.08 pagi**

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung semula perbahasan saya tentang Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan di awal perbahasan bahawa kerajaan harus menyelesaikan dengan terdahulu masalah pinjaman perumahan yang melibatkan kakitangan kerajaan terutamanya kakitangan berjawatan rendah dan berpendapatan rendah seperti Pembantu Pentadbir, Kerani, Pembantu Pejabat, Pemandu dan juga Pekerja Rendah Am ataupun ringkasnya buruh.

Saya meminta kerajaan terutamanya JPA harus mengkaji semula dasar pengambilan pekerja dan juga dasar JPA berhubung kait dengan taraf jawatan yang telah ditetapkan oleh pihak JPA supaya ia tidak menjadi penghalang utama kepada kakitangan awam berpendapatan rendah berjawatan rendah daripada mendapat

pinjaman kerajaan ataupun hak mereka diketepikan untuk mendapat pinjaman perumahan daripada kerajaan.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya kerajaan melalui JPA, pekerja-pekerja yang berkhidmat lebih dari tiga tahun dalam mana-mana jabatan kerajaan di mana status jawatan mereka adalah kontrak ataupun sementara diserapkan atau disahkan sebagai kakitangan berjawatan tetap bagi membolehkan mereka ini menikmati kemudahan pinjaman perumahan kerajaan. Jika kerajaan ingin menolong rakyat terutamanya kakitangan kerajaan ataupun pegawai-pegawai kerajaan, sememangnya boleh dibuat Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai contoh, hari ini mana-mana kakitangan ataupun pegawai kerajaan yang berjawatan kontrak atau sementara tidak boleh mendapat pinjaman perumahan kerana status jawatan tidak tetap dan berpencen. Sebenarnya jika kerajaan ingin menolong masih boleh kerana untuk kakitangan yang tidak tetap dan berpencen, mereka dikenakan membayar atau dikenakan potongan EPF.

Kerajaan masih boleh memberikan pinjaman sebenarnya termasuklah kepada pemandu dan pekerja rendah kerana mereka ini membayar EPF di mana sekiranya mereka diberi pinjaman perumahan melalui potongan gaji sehingga sampai umur wajib bersara, masih lagi ada pinjaman perumahan yang tertunggak, maka kerajaan boleh menggunakan tabungan yang dipotong melalui EPF untuk melupuskan pinjaman perumahan kakitangan tersebut bilamana tempoh had umur bersara wajib telah sampai. Dengan demikian, semua kakitangan di pelbagai peringkat, baik daripada pegawai yang tinggi, menengah, rendah ataupun peringkat buruh sekalipun, tidak diketepikan hak mereka untuk mendapat pinjaman perumahan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru supaya kerajaan mengkaji semula had pinjaman perumahan yang sekarang ini untuk pekerja rendah, contohnya RM20 ribu dan saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh had pinjaman tersebut dinaikkan dan sekurang-kurangnya mengambil kira keadaan ekonomi hari ini, rumah PPRT pun dengan harga RM20 ribu tidak mungkin dapat disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah melihat rumah yang dibuat oleh Giat MARA dengan harga RM13 ribu lebih. Bukan sahaja ianya tidak sesuai didiami oleh warga PPRT itu sendiri, tetapi berbahaya kerana tiang yang diguna pakai dengan harga RM13 ribu lebih ini ialah tiang 4 kali 4 inci. Saya rasa kalau sesiapa duduk di rumah PPRT yang dibuat di bawah harga RM14 ribu ini, saya ingat kalau dia ada sakit



jantung, mengenangkan apabila atap rumah itu runtuh pun akan mempercepatkan proses kematian dia daripada menunggu dia mati secara natural.

Di sana sendiri kita boleh melihat bahawa sebenarnya hari ini kos pembinaan sudah mahal. Bermakna kerajaan harus sensitif dan peka dan harus mengkaji bahawa RM20 ribu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dengan kos bangunan sekarang ini hanya sesuai untuk reban ayam, bukan manusia lagi. Jadi, saya minta kerajaan kajilah perkara ini kerana ini melibatkan nyawa manusia dan kalau boleh saya mencadangkan supaya pinjaman minimum untuk kakitangan kerajaan, terutama mereka yang bekerja di bandar raya di Kuala Lumpur contohnya, mana ada lagi rumah bernilai di bawah RM60 ribu. *Flat* tidak ada lagi yang berharga RM60 ribu.

Sekurang-kurangnya untuk penghormatan kepada kakitangan kerajaan yang mencurahkan khidmat bakti mereka tanpa berbelah-bahagi kepada kerajaan, baik daripada peringkat yang paling tinggi hinggalah ke bawah. Saya ingat wajar kerajaan mempertimbangkan had pinjaman yang paling terendah untuk kakitangan kerajaan sekurang-kurangnya RM60 ribu untuk pinjaman perumahan.

Dengan demikian, saya yakin soal kakitangan awam kerajaan tidak dapat memiliki rumah, soal kakitangan kerajaan yang menjadi pemandu, pembantu pejabat dan sebagainya menjadi warga setinggalan, contohnya di Kuala Lumpur, tidak akan timbul lagi kerana dengan had pinjaman RM60 ribu, tidak kira apa status jawatan, kontrak ataupun tetap, kerajaan masih boleh memberikan pinjaman kerana mereka ini mencarum KWSP pada hujung perkhidmatan mereka ataupun bila tiba wajib bersara umur mereka, maka boleh digunakan wang EPF tersebut untuk *contra-off*, dengan izin, apa-apa juga baki pinjaman perumahan mereka. Dengan demikian, saya rasa tidak mungkin kakitangan awam kerajaan bermasalah untuk memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mencadangkan supaya kakitangan kerajaan dibantu oleh kerajaan, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan melihat juga bagaimana caranya untuk kita membantu kakitangan berpendapatan rendah daripada sektor swasta. Saya mencadangkan supaya satu dasar diperkenalkan untuk dipatuhi oleh bank-bank komersial.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mencadangkan supaya kerajaan menetapkan satu dasar supaya bank-bank komersial tidak menganiaya peminjam-peminjam yang terlibat dalam projek perumahan tergendala dengan mengenakan pelbagai denda dan kompaun.

Saya sendiri mengalami masalah ini di kawasan saya bilamana sebuah projek perumahan *mixed development, medium and low cost housing*, dengan izin, terbengkalai. Hampir seribu lebih peminjam datang mengadakan dialog dengan saya kerana mereka ini didenda atau dikompaun, malah bank membawa mereka ke mahkamah kerana gagal untuk servis pinjaman projek perumahan yang terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan bagaimana perkara seperti ini boleh berlaku di mana projek perumahan tersebut tidak siap, tetapi *final disbursement of end-financing*, dengan izin, telah dibayar oleh bank kepada pihak pemaju. Jika kita mengambil kira senario tersebut dalam konteks yang lebih ringkas memang tidak logik bank membuat pembayaran *final disbursement* untuk *end-financing* satu-satu pembelian perumahan sedangkan rumah tersebut tidak siap. Jadi, seakan-akan ada berlaku satu perkara yang tidak betul dalam proses pembayaran *end-financing* daripada bank kepada pemaju.

Saya meminta supaya kerajaan mengkaji semula Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini supaya bank-bank komersial ini disyaratkan sebelum membuat bayaran terakhir ataupun *final disbursement of end-financing* pada sesuatu pinjaman perumahan mestilah mendapat pengesahan daripada peminjam itu sendiri kerana adalah tidak wajar dan tidak patut, Tuan Yang di-Pertua, rumah tidak siap, bank yang memberi pinjaman membayar kepada pemaju, bilamana projek terbengkalai, bank hendak mendapatkan semula duit dan keuntungannya menyaman peminjam-peminjam yang tidak tahu hujung pangkal sama ada rumah tersebut siap atau tidak, tetapi oleh kerana kelalaian bank, *gross negligence* daripada pihak bank yang membayar bayaran terakhir kepada pemaju, peminjam yang dijadikan mangsa.

Jadi, kerajaan harus mengkaji. Kalau tidak, apa juga projek perumahan atau apa juga usaha kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat rumah dan sebagainya, jika perkara-perkara seperti ini kita remehkan, maka saya yakin berapa banyak projek perumahan yang terbengkalai...

**Tuan Liow Tiong Lai:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** ...maka sebanyak itulah jumlah besok rakyat kita....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** ..yang akan diisytiharkan muflis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bentong bangun.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Silakan.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya amat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat bagi Labuan bahawa supaya kerajaan mengenal pasti satu cara untuk memastikan peminjam-peminjam bank bagi projek-projek terbengkalai ini tidak teraniaya.

Mereka memang merupakan mangsa kepada projek-projek terbengkalai ini. Saya rasa sekarang sudah tiba masanya kerajaan perlu mengambil tindakan tegas untuk memastikan bahawa peminjam-peminjam bank di mana projek yang terbengkalai kalau boleh bank perlu "mengejar" pemaju perumahan tersebut dan bukan mangsa kepada projek terbengkalai ini.

Saya rasa sudah terlalu banyak perkara ini berlaku di negara ini dan kita sebagai wakil kepada penduduk-penduduk dan rakyat Malaysia ini kita rasa sudah tiba masanya kerajaan perlu mengambil tindakan tegas agar memastikan bahawa mangsa-mangsa perumahan terbengkalai ini tidak berlarutan. Satu tindakan tegas perlu diambil seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan tadi.

Setuju tidak Yang Berhormat bagi Labuan bahawa kalau kita mencadangkan kepada kerajaan agar bank mengambil tindakan terhadap pemaju dan bukan terhadap mangsa projek terbengkalai.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya memang bersetuju dan memang itu pun yang sepatutnya dibuat oleh pihak bank. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit memberikan bayangan. Saya membeli rumah, bank memberikan saya pinjaman, bila rumah itu siap, bagaimana rumah itu akan siap saya tidak tahu, kerana tugas saya membeli, kerana saya mahu beli. Tugas bank pula memberikan pinjaman dan pinjaman ini pula dibayar kepada pemaju secara progresif. Logiknya kita cuma menuntut pinjaman daripada si pembeli setelah rumah menjadi milik si pembeli dan bayaran keseluruhan untuk projek perumahan itu telah dibayar habis kepada pemaju.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan dan saya sungguh tertarik dengan isu yang telah di bawa oleh Yang Berhormat. Perkara yang berkaitan dengan pembayaran daripada pihak bank kepada pemaju dan sebagainya, ini memang begitu ketara akhir-akhir ini dan saya percaya mungkin berlaku kecuaiian ataupun ketidaktelusan daripada pihak bank tetapi pembayaran ini pada saya biasanya berlaku akibat sijil daripada arkitek yang menentukan peratus ataupun progres kesiapan sesebuah bangunan ataupun rumah itu.

Saya rasa sudah sampai masanya pihak kerajaan juga untuk mengambil tindakan tegas terhadap syarikat-syarikat arkitek yang mengeluarkan sijil-sijil mengenai *progres* ini supaya peminjam-peminjam ataupun tuan-tuan rumah ini dari segi hak mereka ini betul-betul dapat dijaga. Bagaimana dengan pandangan Yang Berhormat bagi Labuan?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Saya telah katakan tadi bahawa memang tidak wajar pihak bank berbuat demikian dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Setiu bahawa yang arkitek dan sebagainya yang mengesahkan pembayaran progresif ini, kadang-kadang nama sahaja profesional tetapi etika mereka tidak profesional. Kerana merekalah yang mungkin menjadi *culprit*, dengan izin, ke arah masalah di mana peminjam berdepan dengan pelbagai tuntutan terutamanya daripada bank, kerana penalti dan kompaun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya tegaskan di sini perkara ini bukan perkara baru. Ini telah berlarutan sejak zaman berzaman. Yang saya hairan kenapa pihak berwajib tidak melihat bahawa yang teraniaya ini adalah nasib rakyat yang selalu kita perkatakan, yang selalu kita ucapkan mesti diberikan pinjaman perumahan dan sebagainya, tetapi bila dalam bab mereka dianiaya oleh pemaju dan pihak bank tidak ada satu akta yang melindungi rakyat.

Apakah kita lebih mengutamakan nasib pemaju yang mengaut keuntungan selepas itu menganiaya pembeli dan bank ini memang sudah lintah darat kepada saya, bank ini tidak ada guna, Tuan Yang di-Pertua, *time* kita susah dia tidak tolong, bila kita senang berlari-lari dia hendak menolong kita. Ini memang budaya bank, itu makanya mungkin semasa krisis 1997 sepatutnya kita biarkan bank-bank ini lingkup, itu sahaja caranya, kerana hari ini bila dia sudah senang, dia tidak mempedulikan

dengan *merger* 10 bank lagilah susah, rakyat di peringkat akar umbi hendak mendapatkan pinjaman jangan mimpilah, Tuan Yang di-Pertua.

Itulah kerajaan kena mengkaji semua perkara, jangan kita bercakap tidak serupa bikin, jangan menanam tebu di bibir sahaja, mengatakan rakyat, rakyat, rakyat kita jaja ke hulu ke hilir semua rakyat, tetapi bila ada masalah melibatkan rakyat, tidak ada satu benda pun yang kerajaan peruntukkan bahawa rakyat ini adalah komoditi utama kita yang mana-mana pihak tidak boleh perlekehkan termasuklah bank-bank komersial ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya menyeru supaya akta ini diperketatkan lagi supaya nasib pembeli-pembeli projek-projek perumahan yang mana mereka ini adalah rakyat negara ini dan yang lebih menyedihkan berpendapatan rendah dan jika mereka bukan pegawai kerajaan berjawatan rendah di sektor-sektor swasta, nasib mereka harus kita lindungi dalam akta. Jika tidak ada akta yang melindungi mereka, percayalah pemaju dan bank ini akan membuat sambil lewa macam sekarang, Tuan Yang di-Pertua, 1,000 lebih orang di Labuan, baru 81,000 penduduk sudah ada 1,000 lebih orang yang menderita, bayangkanlah dengan jumlah penduduk 25 juta dalam Malaysia ini, entah berapa ratus ribu sebenarnya rakyat kita yang menderita gara-gara pemaju dan pihak bank. Mereka didenda, kompaun itu sudah satu hal tetapi dibawa ke mahkamah dan ada setengahnya sudah sampai ke peringkat hendak diisytiharkan muflis, rumah tidak siap lagi, berdosakah si peminjam ini, yang telah membayar deposit, gajinya telah ranap kena potong, selepas itu pula rumah tidak dapat, *lastnya* bank hendak mengisytiharkan dia sebagai muflis.

Jadi, perkara ini kita harus perhatikan dengan dekat, Tuan Yang di-Pertua. Kami ini nama wakil rakyat, itu makanya masalah rakyat cukup dekat dengan kami. Jadi, dalam proses kita menyokong Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini saya juga meminta supaya ianya jangan dibuat kajian dalam bentuk *piecemeal basis* di mana jika ada keperluan bawa, buat pindaan. Kenapa kerajaan tidak mengambil secara keseluruhan masalah yang ada ini dikumpulkan selepas itu buat satu kajian secara *holistic* tentang akta ini supaya pelbagai perkara, pelbagai isu yang telah dibangkitkan dapat dipinda dalam akta ini supaya pelbagai pihak *win-win situation*, pemaju tidak rugi, pembeli tidak rugi, semua nasib dan semua pihak terlindung. Jadi, saya menyeru, Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan memberikan perhatian yang serius tentang perkara ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan akta ini. Kebakaran rumah bukanlah satu fenomena baru. Ini adalah musibah yang tidak pernah kita undang. Ini adalah satu perkara yang tidak satu orang pun di atas muka bumi ini mahu ianya berlaku ke atas dirinya. Saya mungkin Tuhan hendak memberikan petunjuk sebelum pilihan raya sebuah rumah terbakar, tidak sampai setengah jam ranap sebuah rumah. Selepas itu sebulan selepas pilihan raya sebuah rumah lagi ranap, hangus dan bila saya berjumpa dengan pemilik rumah tersebut dia mengambil masa hampir 20 tahun mengumpul duit, menabung untuk memiliki rumah yang terbakar itu.

Jadi, untuk dia, membangunkan semula rumah setelah terbakar jawapannya, Tuan Yang di-Pertua, *next to impossible*, mustahil. Kalau hendak meminta bantuan Jabatan Kebajikan, orang kata keprihatinan Baitulmal dan sebagainya, saya ingat tiang pun tidak naik, Tuan Yang di-Pertua, tidak naik tiang, kerana hari ini hendak membuat rumah RM20,000 tidak cukup, rumah dia yang terbakar itu mungkin dia sudah membelanjakan, Tuan Yang di-Pertua, *for the last 20 years*, dengan izin, dia menyimpan duit mungkin RM60,000. Jadi, adalah mustahil.

Saya mencadangkan supaya kerajaan, kerana orang seperti ini nasibnya tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua, tidak ramai orang yang membakar rumah kecuali dia gila. Jadi, rakyat yang malang yang menerima musibah kebakaran ini tidak ramai jumlahnya dalam negara kita. Kalau dicatatkan peratus kejadian dalam masa sebulan pun saya ingat tidak banyak. Jadi, patut ada satu akta yang memastikan supaya jika berlaku kemusnahan rumah akibat kebakaran yang kita mengiktirafnya sebagai musibah yang tidak diundang, maka kerajaan harus menekankan bahawa bank-bank komersial contohnya harus menyediakan satu dana khas untuk membolehkan mereka ini membangunkan semula rumah tanpa memberikan pelbagai syarat yang menyulitkan sehingga mereka tidak mampu memiliki rumah.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan macam kes di Labuan baru-baru ini, dia ada anak 7 orang, rumah terbakar. Kalaulah misal kata dia hendak tunggu, dia cuma pemandu lori, sampai dia bongkok pun, dia tidak akan mampu buat rumah lagi. Sementara menunggu dia bangunkan rumah, dia hendak ke mana, tidak kan dia hendak menumpang, anak dia sudah muda, yang perempuan sudah dara. Itulah Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi SPNB kata, rumah wakil rakyat. Boleh! Tidak ada

masalah, saya boleh kumpul, takut isteri sayalah bimbang sahaja. *[Ketawa]* Fasal prihatin sangatkan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi .....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Assalamualaikum. Selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Labuan, terima kasih. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Labuan, ini isu yang berkaitan dengan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini, kita selalu menyebut mengenai sosial *obligation* kepada mereka yang berjaya, khususnya korporat-korporat dan individu yang berjaya supaya mereka ini, yang telah menjadi kaya, malah menjadi kaya raya, supaya mereka mengambil satu inisiatif untuk membantu pihak kerajaan, seperti yang pernah dicadangkan oleh pimpinan negeri Selangor, di mana orang yang berduit ini, yang kaya raya ini membantu pihak kerajaan supaya ada satu perasaan nilai murni daripada mereka. Bagaimana pandangan daripada Yang Berhormat bagi Labuan? Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Itulah tadi saya katakan, saya telah katakan bahawa kerajaan dan juga pihak-pihak yang terlibat harus mempunyai sifat keprihatinan yang tinggi dalam menangani masalah-masalah yang melibatkan mereka yang berpendapatan rendah dalam menangani masalah-masalah mereka yang sangat memerlukan bantuan dan pertolongan.

Saya ingin kembali semula kepada tajuk yang tadi melibatkan tentang musibah kebakaran. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya kerajaan menetapkan dalam Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, mendesak bank-bank komersial supaya mangsa-mangsa kebakaran ini diberikan keistimewaan untuk membangunkan semula rumah mereka yang terbakar dengan memberikan sedikit elemen kemanusiaan, menuntut bank-bank supaya tidak mengenakan kadar faedah yang tidak berpatutan dan memberikan pinjaman perumahan untuk membangunkan semula rumah-rumah

tersebut, tidak sama prosesnya seperti memproses orang biasa membuat pinjaman rumah.

Dengan demikian, rumah yang terbakar tersebut dapat dibangunkan dengan secepat mungkin dan mangsa kebakaran tersebut tidaklah menjadi setinggian ataupun menjadi pelarian di dalam kampung dan kawasan di mana dia tinggal. Kerana kita tidak mahu, kita pun telah bercakap tentang pendatang tanpa izin, kita tidak mahu warganegara kita sendiri menjadi pelarian di dalam negaranya hanya kerana kita kurang prihatin dengan nasib malang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerajaan boleh buat, kerajaan boleh buat. Kalau kerajaan boleh bantu bank sehingga bank hari ini boleh berjalan gagah, boleh tidak tengok orang, kenapa kita tidak beritahu bank hari ini, *"You do this"*. Saya terbaca Bank Simpanan Nasional punya laporan 2002, ini bank kerajaan, boleh rugi, dekat setengah bilion. Jadi, kalau misal kata bank-bank seperti ini kita tidak boleh kawal, kita tidak boleh beritahu dia apa patut dia buat kepada rakyat kita, kita tukar sahajalah taraf bank itu, tidak payah kerajaan kawal lagi, jadikan dia bank komersial. Senang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kerajaan punya banyak *avenue* untuk bantu rakyat, tidak ada sebab kerajaan kata tidak boleh tolong. Kita ada Bank Simpanan Nasional, kita ada Bank Pertanian, kita ada Bank Industri, kita ada Bank Pembangunan, semua ini bank-bank milik kerajaan yang boleh kita guna pakai, bantu rakyat jika bank-bank komersial ini telah besar kepala, tidak mahu tolong kerajaan. *But we created the rules, we created the procedures*, dengan izin, *now*, jika bank-bank komersial ini terima kasih mahu *cooperative* dengan kita, kita boleh buat dasar juga untuk dia terpaksa tolong kita, tertakluk kepada kerajaan, sama ada mahu atau tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebahagian daripada cadangan saya kepada kerajaan berhubung dengan kumpulan pinjaman perumahan. Selain daripada kakitangan awam berpendapatan rendah dan juga sektor swasta yang kita fikirkan cara mana untuk mereka ini boleh memiliki rumah sendiri, namun golongan yang kurang bernasib baik seperti golongan orang kurang upaya, ibu-ibu tunggal juga patut kita berikan perhatian yang serius. Jika di Labuan, Tuan Yang di-Pertua, yang penduduknya 81,000 orang saya katakan tadi terdapat banyak ibu tunggal yang perlukan bantuan perumahan, bayangkanlah jumlah mereka keseluruhan dalam negara, sudah tentu banyak.



Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun SPNB diberikan tugas dan amanah untuk menyediakan dana dan pinjaman kepada rakyat Malaysia yang ingin mempunyai rumah sendiri tetapi bekerja sendiri sebagai penjaja, pekedai runcit, nelayan, pemilik warung atau sebagainya, yang mana mereka ini tidak mempunyai *pay slip*, tidak mempunyai '*Form 'J'*', tetapi mereka berkemampuan untuk membayar balik pinjaman perumahan jika diberikan.

Hari ini salah satu di antara dasar, peraturan yang paling ke atas daripada mana-mana bank komersial untuk membuat apa juga bentuk pinjaman, '*Form 'J'*', baik peniaga atau individu, lepas itu kalau untuk individu yang bekerja dengan kerajaan ataupun swasta mesti ada *pay slip*, kalau tidak ada ini, tidak dapatlah membuat pinjaman. Jadi, nasib penjaja, peruncit, hendak pergi bank komersial sudah tutup, memang tutup sudah. Sudah tutup. Walaupun dia ada geran, hendak pinjam RM10 ribu, tidak ada semua ini, tutup. Jadi, di mana mereka ini hendak meminta bantuan? Mereka ini yang jelas golongan rendah, berpendapatan rendah, ada yang mungkin miskin.

Itu makanya saya menyeru apa juga agensi kerajaan selain daripada SPNB, Bank Pembangunankah, Bank Pertaniankah, Bank Industrikah, Bank Simpanan Nasional, terutamanya, harus mereka bentuk satu pinjaman, khusus untuk golongan yang tidak ada '*Form 'J'*' dan tidak ada *pay slip* ini, yang rata-rata mereka ini adalah rakyat Malaysia, bukan pelarian, bukan pendatang tanpa izin, bukan imigran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan seperti yang saya katakan tadi kepada SPNB, yang mana sebelum ini mengilhamkan rumah mesra rakyat, yang kita semua telah pun terpegun dengan konsepnya supaya proses pinjaman ke arah merealisasikan apa yang dinamakan pinjaman perumahan mesra rakyat ini tidak *rigid* dan haruslah cepat pemprosesannya. Jika tidak, wal hasil balik asal. Samalah juga macam masalah bank-bank komersial menyulitkan rakyat yang memang sudah susah untuk mendapat pinjaman.

Jadi, jika sekiranya peraturan yang direka cipta oleh SPNB itu nanti *rigid* dan menyulitkan, elemen menolong sudah tidak ada, itu samalah seperti kata pepatah, tangan kiri kita sorong, tangan kanan kita tarik. Ha! Ini samalah. Orang kata, sandiwara semasa, kata tolong sebenarnya tidak hendak tolong, jangan tidak tolong sahaja.

Jadi saya menyerulah oleh kerana *Executive Chairman* SPNB baru ini orang yang berjiwa rakyat, saya tahu dan yakin beliau akan melihat dengan lebih teliti polisi SPNB yang baru supaya rakyat di peringkat akar umbi betul-betul dapat menikmati apa yang dinamakan sikap keprihatinan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kenal Pengerusi SPNB yang baru ini kerana beliau juga pernah bercerita dengan saya, beliau orang susah. Seperti yang saya katakan pada hari Khamis yang lalu, bahawa susah-susah orang senang, tidak sama susah-susah orang susah. Jadi susah-susah orang senang ini, dia kata dia susah, dia tutup pintu, dia masih boleh makan burger, boleh makan *steak* tetapi susah-susah orang susah, orang kampung ini, dia hendak makan nasi dengan telur pun *wallahu alam bissawab* mungkin makan nasi dengan air putih sahaja, jangan perut kosong.

Jadi sekarang ini insya-Allah dengan adanya Pengerusi Eksekutif yang baru ini mungkin nasib rakyat melalui SPNB akan terbela. Jika tidak, saya tidak tahu lagilah fasal dahulu Pengerusi SPNB yang lama pernah menceritakan bahawa Pengarah Urusannya tidak memberikan kerjasama yang baik bilamana melibatkan untuk membantu rakyat, itulah sebabnya Rumah Program Mesra Rakyat tidak berjalan sampai hari ini. Jadi jika itu puncanya, saya mencadangkan kepada Pengerusi Eksekutif yang baru, cadangan daripada kerajaan pecat sahaja Pengarah Urusan tersebut. [*Tepuk*]

Saya juga ingin meminta kepada kerajaan sebagai akhir daripada isu Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini, bahawa setelah kita mengambil kira nasib kakitangan kerajaan, sektor awam dan juga nasib mereka yang tidak mempunyai sebarang jawatan dan pekerjaan tetap tetapi mempunyai kemampuan untuk mendapat pinjaman perumahan.

Yang terakhir sekali yang ingin saya cadangkan kepada kerajaan supaya bila menggubal akta ini di masa akan datang, hendaklah diambil kira nasib rakyat yang bernilai 25 juta ini bahawa mereka ini sebenarnya wujud dalam pelbagai peringkat, bukan satu golongan tetapi pelbagai golongan. Jangan kita mengkaji suatu undang-undang hanya melihat nasib tiga golongan tetapi ada tujuh golongan lain lagi yang tidak terlihat oleh kita kerana mungkin mereka ini tidak *significant* dari segi *physical appearancenya* dengan izin. Tetapi mereka inilah sebenarnya jumlah besar yang ada di negara kita. Seperti sahabat saya daripada Ketereh pada hari Khamis yang lepas sehingga beliau marah bila mana dikacau oleh Yang Berhormat bagi Seputeh kerana

memang benar dan jelas di tempat beliau, di tempat saya pun ada yang susah ini, memang banyak. Yang hendak meminta bantuan perumahan ini bukan sedikit, yang mengidam, yang mempunyai keinginan untuk memiliki rumah sendiri ini bukan sedikit banyaknya – banyak! Cuma mereka tidak tahu cara mana?

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tahniah Yang Berhormat bagi Jerai, saya sudah cadangkan sebagai Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat sedikit pandangan dari Yang Berhormat bagi Labuan. Kita tengok di Putrajaya, sekarang Putrajaya sudah dapat ketua baru, tahniah kerana menang tidak bertanding. Di Putrajaya dibina satu kawasan pentadbiran yang baru dan kita dapat lihat rumah-rumah untuk pegawai-pegawai kerajaan pun dibina sedemikian rupa dan mereka boleh berkhidmat di dalam kawasan-kawasan yang agak dekat dengan tempat mereka bekerja. Jadi ini mengurangkan kos perbelanjaan mereka, kos perjalanan mereka dan mungkin di sebelah tengah hari mereka boleh balik ke rumah untuk makan nasi bersama dengan keluarga mereka. Berbanding dengan di ibu kota sekarang ini ibarat macam burung, terbang pagi balik malam. Kadang-kadang anak besar macam itu, emak bapa pun tidak tahu, tahu-tahu sedar-sedar anak sudah bernikah.

Jadi adakah dengan peruntukan ini juga akan membolehkan kerajaan terutama sekali menyelesaikan masalah perumahan di kawasan-kawasan bandar supaya jangan hanya orang-orang yang berada, orang-orang yang kaya sahaja dapat hidup dalam kawasan bandar sedangkan yang berpendapatan rendah dan juga miskin ini terpinggir dan mereka terpaksa datang jauh untuk bekerja.

Jadi apakah cadangan Yang Berhormat, dengan adanya pinjaman ini, mungkin perancangan-perancangan daripada pihak perancangan kawasan bandar dan luar bandar ini menyusun semula supaya rumah-rumah kos rendah dan sederhana ini dibina dalam kawasan bandar dengan secara lebih elok, reka bentuk yang moden dan sebagainya, ini akan mengindahkan ibu kota kita.

Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya daripada Jerai ini? Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya kerajaan boleh teruskan bentuk perancangan perumahan tersebut di bandar-bandar terutamanya di Kuala Lumpur. Hari ini kita lihat di Kuala Lumpur ada satu flat Jalan Pekeliling yang dimiliki oleh Dewan Bandaraya dan disewakan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Saya pernah mendengar Yang Berhormat bagi Putrajaya selaku Pengerusi Perhubungan UMNO melahirkan rasa kesal beliau kerana rumah tersebut sebenarnya pada sekarang ini sudah tidak sesuai didiami oleh keluarga tersebut kerana masa konsep perumahan tersebut diperkenalkan, ia mungkin menjurus kepada *bachelor* tahun 60'an ataupun untuk keluarga yang cuma suami isteri tanpa anak tetapi hari ini mereka sudah beranak pinak dan tinggal di sana sudah 30-40 tahun. Jadi flat yang ada dua bilik itu memang tidak sesuai.

Tetapi yang kita takutkan seperti Yang Berhormat bagi Jerai katakan tadi, saya takut besok bila kerajaan bercadang dibangunkan semula, elemen berkongsi dengan pemaju akan timbul dan saya yakin dan pasti bila mana yang membangunkan itu besok adalah swasta, yang berkongsi dengan DBKL atau sebagainya, elemen keuntungan akan menjadi subjek utama dan keutamaan untuk memberi semula kepada mereka yang ada dan tinggal sekarang ini kemungkinan tipis. Kenapa? Kerana jika keuntungan yang dijadikan landasan untuk membangun semula rumah-rumah ataupun flat-flat yang boleh ataupun mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan berjawatan rendah ini dibangunkan dalam bandar raya, jika mengambil kira kos sebenar, rakyat tidak akan mampu kecuali ada elemen subsidi daripada kerajaan yang ingin betul-betul menolong dan memastikan mereka ini mampu memiliki rumah ataupun flat terutamanya dalam konteks bandar raya.

Jadi saya berharap supaya pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi, dapat dipertimbangkan oleh kerajaan supaya golongan berpendapatan rendah, golongan orang susah ini, golongan yang jawatannya tidak tinggi ini, tidak hanya diklasifikasikan lokasi tempat mereka tinggal dan hidup itu di pinggir dan di luar bandar sedangkan mereka juga mungkin menyumbang ke arah pergerakan ekonomi, aktiviti di dalam pusat bandar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada bercakap tentang mangsa kebakaran, saya lupa hendak menyebut, saya mendesak supaya kerajaan pastikan bank-bank komersial beri bantuan. Saya juga menyeru kepada SPNB, mungkin SPNB merupakan salah satu *avenue* tercepat dan termudah untuk membantu mereka yang menjadi mangsa kebakaran ini diberikan bantuan perumahan serta-merta untuk membina semula rumah mereka supaya mereka tidak menjadi keluarga yang terhuyung-hayang mencari tempat tinggal. Bagus kalau ada rumah sewa, kalau tidak ada rumah sewa, satu masalah. Kalau ada rumah sewa pun gaji mereka jauh lebih kecil daripada harga rumah sewa, lagi satu masalah. Jadi, saya minta supaya kerajaan melihat perkara ini dan perhalusi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, yang terakhir sekali yang ingin saya minta kerajaan memberikan perhatian, mungkin kerana dalam perbincangan ini saya banyak menumpukan tentang seperti yang rakan-rakan saya sebutkan pada hari Khamis lalu mengenai nasib pegawai-pegawai kerajaan yang berpendapatan rendah, berjawatan rendah.

Saya sudah pun mencadangkan kepada kerajaan supaya kalau boleh sebenarnya untuk menjaga imej kerajaan, kita jangan bincangkan nasib kakitangan kerajaan ini sehinggalah ke peringkat pemandu lori dan pekerja rendah kerana ia adalah aset kerajaan. Kerajaan harus mencari jalan bagaimana mereka harus diberikan peluang untuk memiliki pinjaman perumahan. JPA jangan menjadi penghalang kepada nasib mereka yang berpendapatan rendah hanya kerana jawatan mereka berstatus kontrak dan sementara.

Jadi kalau boleh saya mendesak supaya kerajaan janganlah membiarkan, baik pembangkang atau kami di *backbencher* ini, berkali-kali membawa isu tentang nasib kakitangan kerajaan berpendapatan rendah, berjawatan rendah kerana mereka ini tidak diberi peluang untuk mendapat pinjaman. Kalau komersial adalah mustahil tetapi kerajaan tidak patut mewujudkan perkataan "mustahil" kerana apa juga taraf jawatan yang dipanggil pegawai kerajaan ini dalam konteks aset maka mereka ini adalah aset kerajaan, termasuklah pemandu dan penyapu sampah yang bergelar PRA – Pekerja Rendah Am dalam kerajaan – *they are the assets of the government*, dengan izin. Jadi jangan kita jadikan mereka ini isu perbincangan, perbuatan kerana ia akan mencemarkan imej kerajaan. Biarlah kita bincangkan nasib mereka yang berada di sektor swasta, nasib mereka yang tidak mempunyai Form J dan *pay-slip*. Ini wajar

kerana mereka tidak ada sesuatu badan khas yang memperjuangkan nasib mereka, terkecuali kami ini yang menjadi wakil rakyat kepada mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merumuskan dalam ucapan saya ini bahawa saya menyokong Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 dan mendesak kerajaan supaya melihat empat golongan ini. Pertama, golongan kakitangan kerajaan berpendapatan rendah dan berjawatan rendah, satu golongan, harus terkandung dalam akta; kedua, kakitangan rendah berpendapatan rendah sektor swasta juga harus dinyatakan dengan jelas bentuk dan perlindungan hak-hak mereka sebagai peminjam di dalam akta; yang ketiga, golongan yang berpendapatan rendah tidak berjawatan tetapi bekerja sendiri sebagai nelayan dan sebagainya juga harus dinyatakan bentuk yang boleh dan tidak boleh ditolong kepada mereka di dalam akta ini, termasuklah perlindungan mereka.

Ini merangkumi golongan-golongan yang saya katakan tadi – golongan kurang upaya, ibu-ibu tunggal harus ada dalam akta tersebut bahawa mereka ini disebut dengan nyata bahawa wajib kepada agensi-agensi kerajaan seperti SPNB, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian, Bank Pembangunan yang namanya “pembangunan”, Bank Industri dan sebagainya, membantu golongan ini kerana di peringkat bank-bank komersial mereka ini tidak akan dapat ditolong selagi bank-bank komersial meletakkan keuntungan sebagai teras perniagaan mereka atau berorientasikan keuntungan sebagai wadah perjuangan mereka maka nasib ini tidak akan dapat dibela melalui bank-bank komersial.

Dan yang terakhir, saya katakan tadi bahawa harus digubal dan dimasukkan dalam akta tersebut supaya nasib pemilik rumah yang menerima musibah kebakaran dinyatakan bahawa mereka ini harus ditolong tanpa diberikan pelbagai bentuk masalah untuk mendapat pinjaman terutama melalui SPNB, Bank Pembangunan, Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional yang rugi lebih setengah bilion ....

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, yang akhir pun ada lagi yang hendak mencelah, Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Okey, tak mengapa, saya bagilah.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan hujah-hujah Yang Berhormat bagi Labuan. Hebat Yang Berhormat bagi Labuan ini. Boleh jadilah dia menang begitu tinggi jika dia bertanding, *[Ketawa]*

kalau cukup pencalonan, kalau tidak .... *[Ketawa] [Disampuk] MKT?* Kalau tidak, kemarau panjanglah dia.

Di negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, sumber kewangan yang terbesar ialah bank – ada Along, ada ceti haram, ada itu, ada ini tetapi sumber halal yang terbesar ialah bank. Bank ini pula diperuntukkan oleh Bank Negara dan kerajaan menyarankan supaya bank-bank ini membantu, menolong. Perkataan “menolong”, “membantu” ini ialah disasarkan kepada golongan yang tidak berada, golongan yang lemah, golongan yang susah. Itu sepatutnya. Takkan hendak tolong golongan yang sudah senang. Perkataan “tolong” itu tidak betul jika dimaksudkan kepada golongan yang senang, macam Dato’ misalnya, tidak layak masuk dalam golongan yang patut dibantu. Ini bezanya. Lainlah saya agaknya golongan yang boleh dibantu.

Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Labuan, cakap terus-terang di Dewan yang mulia ini, mana bank yang bantu golongan yang memerlukan ini dalam negara kita, bank mana, you namakan. Semuanya memandang sepi peranan yang patut dimainkan oleh bank untuk membantu, dan golongan yang patut diberi bantuan ini mengeluh, mengeluh, mengeluh dan melahirkan perasaan keluhan ini kepada kerajaan. Kerajaan ada dasar tetapi dasar kerajaan tidak pernah, boleh saya ulang sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, ‘tidak pernah’ dihormati oleh bank. Kalau dia yang menjadi sumber kewangan boleh membantu tetapi membantu tidak menjadi keutamaan kerana macam Yang Berhormat bagi Labuan kata, bank mementingkan ringgit dan sen dan keuntungan, seolah-olah keuntungan, kekayaan, faedah mesti dibolot oleh mereka dan orang lain tiada hak untuk menerima.

Saya ingat Yang Berhormat bagi Labuan, *[Menoleh ke arah Yang Berhormat bagi Labuan di bahagian belakang beliau]* anda hebat pagi ini, menyuarakan kehendak golongan yang ramai yang memang memerlukan bantuan dan pertolongan. Golongan sasarannya ialah orang yang tidak berada, yang susah, yang daif. Tetapi kepada golongan ini mudah sahaja bagi bank, “Mana kertas kerja you, mana cagaran you?”, mudahlah jawapan itu. Ini budak darjah tiga pun boleh jadi MDnya, GMnya, tidak jadi hal, “engkau tidak ada kertas kerja, engkau tidak cagaran, engkau tidak ada ..... tolak”. Ini masalah antara kita dengan bank.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas keizinan saya mencelah, mencelah ini kerja yang paling sedap, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mencelah ini tidak boleh lama-lama sangat, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Okey, mencelah pun tidak boleh lama, sekejap sahaja. Okey, terima kasih banyak-banyak.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan di awal ucapan saya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa bank-bank komersial yang hari ini telah pun *downsized*kan setelah *merger* menjadikan 10 buah bank sahaja, memang tidak menolong golongan rendah, berpendapatan rendah, memang tidak menolong. Saya pun tidak tahu di mana silapnya polisi kewangan kita ini. Bila mereka tersepit seperti pepatah, "melepaskan anjing tersepit", kita lepaskan dia semasa krisis ekonomi kewangan 1997. Bila kita sudah tolong dia, bab dia hendak tolong kita dia mula pula pakai kungfu dan taichi tak hendak tolong, terutama kepada golongan rendah. Ini memang betul, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang Yang Berhormat bagi Sri Gading katakan, sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh katakan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, semuanya sama bahawa bank-bank komersial ini sepatutnya biarkan mereka ini lingkup sahaja, biar semua bank milik kerajaan barulah mungkin mereka sedar "langit itu tinggi, lautan itu dalam". Kalau tidak bab besar kepala macam sekaranglah. Saya percaya bab pinjaman-pinjaman itu jangan lagi cakaplah. Yang namanya golongan rendah, tidak usah golongan rendah, peniaga bumiputera sahaja, pinjaman sebanyak RM5,000 pun hendak geran tanah. Along pun tidak pakai geran tanah, itu makanya Along ini berleluasa – hentam 20 *percent* sebulan dapatlah pinjam RM5,000 – RM5,000 tinggal RM4,000, RM1,000 dipotong terlebih dahulu *but* proses mendapat pinjaman cepat, mangsa rakyat, kerajaan membuat dasar, buat dasar, dasar semua tidak menyenangkan rakyat, mengayakan bank, tauke-tauke bank, *shareholders* bank. Pilihan raya kita berkejar minta rakyat, ini masalah kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangatlah dengan sahabat saya daripada Sri Gading bahawa kerajaan sebenarnya harus menggunakan kuasa kerajaan memastikan bank-bank komersial ini mesti ada elemen perikemanusiaan kepada mereka untuk memberikan bantuan dan pertolongan kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah, yang berjawatan rendah yang saya katakan tadi. Janganlah banyak soal, sudah *confirm* dia ada kedai runcit berniaga 10 tahun



bermakna dia boleh berniaga tapi apabila hendak minta *Form J*, manalah dia larat hendak bayar untung. Dia bukan dikira untung sejuta sebulan atau setahun pun. Memang tidak ada. Kadang-kadang bank ini mengenakan prasyarat untuk membuat pinjaman tidak masuk akal. Jadi, saya minta, Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan kaji semua perkara ini dan pastikan supaya ianya di masa akan datang memudahkan dan menyenangkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah yang demikian saya berharaplah, ini betul-betul permintaan saya kepada kerajaan, janganlah kami yang berucap berjam-jam dan membahaskan soal akta ini keluar air liur, kata orang, kering tekak hanya bagus untuk dibaca dalam *Hansard* sahaja. Selepas itu tindakan yang berwajib kementerian dan sebagainya tidak ada. Janganlah jadikan kami ini sebagai pelakon teater di dalam Dewan Rakyat ini. Kita tidak mahu jadi pembangkang, selepas berucap berlari keluar minta publisiti ambil gambar, esok keluar di *Star* dan sebagainya. Kita wakil rakyat Barisan Nasional ini tidak ada macam itu. [*Tepuk*] Kita ikhlas dalam memperjuangkan nasib rakyat, nasib pegawai kerajaan yang di sebelah sana itu. Kita ikhlas kita bukan hendak pancing undi, tidak, tapi biarlah mereka menilai apakah kami ini betul-betul luhur dan ikhlas dalam memperjuangkan nasib rakyat di negara ini. Ini yang saya minta kerajaan lihatlah, berhentilah bagi kami ini jadi pelakon-pelakon. Kami tidak mahu jadi pelakon, itulah seperti ada seorang sahabat saya katakan, "*Tatkala saya masih menjadi Hang Tuah, jangan minta saya jadi Hang Jebat*".

**Beberapa Ahli:** Ooh!

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Jadi kami di sini ini masih Hang Tuah, Barisan Nasional ini tetap Hang Tuah tapi jangan minta kami jadi Hang Jebat. Kerana Hang Jebat *ciplak* sudah ada di sana. Kalau Hang Jebat betul keluar di sini susah jadinya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Kepong ini tidak sabar-sabar, sabarlah dahulu. Isu rakyat banyak lagi, sahabat-sahabat saya banyak tidak bertanya lagi, hah!

Jadi, saya bukannya tidak hendak bagi peluang untuk Kepong, tetapi saya ada banyak lagi, tunggulah kalau kawan-kawan kalau dia hendak cakap lagilah, barulah saya kata *goodbye*. Kalau ada saya kena layan dahulu kerana kami ini majoriti di Parlimen 199, bukan calang-calang anak. Jadi kami inilah suara rakyat yang sebenar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Akhirkah Yang Berhormat? 4 kali akhir Yang Berhormat...*[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Memanglah, Tuan Yang di-Pertua, orang hendak mati ini pun sebelum nazak itu macam-macam dahulu, tidak sampai, orang hendak baca Yassin, dia sihat balik, biasalah kan? Proses kehidupan macam itu, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyerulah dan meminta kepada Kerajaan akta ini adalah satu akta yang penting yang benar-benar melibatkan rakyat di peringkat akar umbi. Nasib rakyat telah pun kami laungkan sejelas-jelasnya dibantu dengan para sahabat saya daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, tolonglah sahabat-sahabat di sebelah kiri saya yang bertanggungjawab mengkaji dan mereka cipta Rang Undang-undang ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Lihatlah golongan yang kurang pendapatan dan berjawatan rendah. Saya bagi lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua, Sri Gading. Saya hendak berhenti nanti.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tertarik, Tuan Yang di-Pertua, kalau pakai istilah Bagan Datok, 'saya terpanggil', dia punya bahasa itu. Ini falsafah yang Labuan kemukakan amat mengghairahkan sayalah. *[Ketawa]* Jangan jadikan saya Hang Jebat waktu saya jadi Hang Tuah. Fuh! Ini dalam ini .....

**Beberapa Ahli:** Ya....hebat, hebat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan ...masa dia cakap tadi apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hang Lekir dan Hang Lekiu duduk di mana, Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hang Lekir dan Hang Lekiu dia di sebelah kiri dan sebelah kanan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tatkala saya menjadi Hang Tuah jangan minta saya jadi Hang Jebat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tatkala saya jadi Hang Tuah jangan minta saya jadi Hang Jebat. Dalam maksudnya ini tetapi setahu saya dalam sejarah

Hang Jebat ialah pembela kepada kezaliman. Jadi, kira-kira antara Hang Tuah dan Hang Jebat. Jadi kalau Labuan menjadi Hang Tuah saya jadi Hang Jebat. *[Ketawa]* Kalau ambil istilah Hang Jebat itu pembela kepada kezaliman dalam sejarah hikayat Hang Tuah. Dalam ceritanya begitu apabila Hang Tuah difitnah, maka Hang Tuah dihukum bunuh, tetapi Datuk Bentara menyembunyikan dia. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Soalannya Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hang Jebat yang tidak tahu usul periksa ini merasai bahawa saudaranya ini telah dizalimi, maka itu dia mengamuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Banyak sangat Hang Tuah, Hang Jebat, nanti ada yang minta jadi Puteri Gunung Ledang pula, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Siapa nak jadinya? Ini Ampang boleh jadi *[Ketawa]* Ampang boleh jadi Puteri Gunung Ledang, boleh main drama begitu sebenarnya. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab sedikit, saya huraikan. Apabila saya kata 'tatkala saya menjadi Hang Tuah, jangan biarkan saya jadi Hang Jebat' dua-dua maksud itu baik. Hari ini kami ini jadi wakil rakyat Barisan Nasional yang tidak mahu melontar batu sekuat-kuatnya ke rumah kaca supaya pecah. Walaupun kami tahu di dalam itu banyak terowong. Kita tidak mahu jadi pembangkang, kita mengkritik untuk memastikan supaya pembangkang tidak ada ruang untuk mengkritik kerajaan. Biar kami mengkritik kerana jika kami mengkritik, kami luhur dan ikhlas. Mereka mengkritik mencari populariti politik, berbeza. Perjuangan, wadah kami dengan mereka tidak sama. Jadi hari ini walaupun kami sebenarnya tahu bahawa berlaku sedikit kezaliman yang melibatkan akta di mana nasib rakyat miskin tidak terpelihara tetapi kami masih lagi bercakap sebagai Hang Tuah tetapi setelah bercakap sebagai Hang Tuah sekian lama, tidak juga diperhatikan, maka seperti kata Sri Gading, Hang Jebat yang tidak tahu Hang Tuah sebenarnya tidak mati dibunuh akan bangun memberontak. Ini yang kita tidak mahu, kami ini dua-dua memperjuangkan rakyat.

Jadi, itulah, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kenapa saya berkata demikian, kerana setiap kali balik ke kawasan apabila ditanyakan sudah. "Dato', kami punya permohonan rumah sudahkah Dato?" "Yang tanah kami hantar fotostat geran sudah? Oh, sudah. Berapa kali 'sudah' hendak beritahu orang kampung, Tuan Yang di-

Pertua? Inilah makanya saya katakan tadi, saya minta terutama SPNB yang mana rumah mesra rakyat tersebut tergantung-gantung sampai sekarang ini, saya minta disegerakan proses pengeluaran pinjaman ini.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Silakan sahabat saya, Yang Berhormat Ketereh ini.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah.

*[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Saya harap Yang Berhormat kekal sebagai Hang Tuah kerana saya tahu dalam sejarah Hang Tuah, Hang Jebat jadi mengamuk kerana adanya watak seperti Patih Karma Wijaya. Patih Karma Wijaya adalah suatu watak yang duduk di dalam istana, kerjanya bodek, fitnah, menyebabkan istana jadi tidak efisien, dengan izin. Apabila istana tidak efisien, panglima-panglima seperti kita ini jadi marah, apabila panglima sudah marah, negara jadi huru-hara!

*[Ketawa]*

Persoalan yang ingin saya timbulkan di sini ialah SPNBkah, bankkah, jangan jadi watak seperti Patih Karma Wijaya *[Tepuk]* sebab kalau watak-watak ini ada, kami Hang Tuah sekalian bersama empat sahabat akan mengamuk, bukan sahaja istana yang akan runtuh tetapi pembangkang juga akan runtuh. Terima kasih. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja seperti yang saya katakan tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ingat drama tadi, ingat drama itu panjang lagi.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tidak, tidak, bukan, Tuan Yang di-Pertua, ini terakhir ini selain daripada Hang Tuah, yang terakhir, kami tidak mahu terus-menerus menjadi pelakon teater kerana kami bukan pelakon teater. Kami adalah pejuang nusa, rakyat dan bangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sabak Bernam tadi bangun Yang Berhormat, hendak berikah?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Bagi lagi, bagi, bagi...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Hang Tuah dari Labuan. Saya merasai diri saya mempunyai semangat Hang Tuah dan juga Hang Jebat setelah bicara ini. Ini Hang Tuah ini baru balik tiga hari daripada Sabak Bernam bersama dengan rakyat. Isu yang dibangkitkan bersama rakyat ialah bila agaknya isu perumahan SPNB ini akan selesai. Agaknya Hang Tuah daripada Labuan ini bolehkah memberikan satu bentuk tempoh supaya kita dapat bercakap dengan rakyat bila isu ini akan selesai kerana Yang Berhormat Hang Tuah dari Putrajaya pun ada di sini. Terima kasih.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya seperti yang saya katakan tadi hanya Jauhari yang mengenal manikam. Saya memang kenal Pengerusi Eksekutif SPNB yang baru kerana beliau bos saya.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Yang saya cadangkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tapi tadi tidak cakap awal-awal Yang Berhormat. Kalau cakap awal-awal senang.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** .....tidak, tidak sudah bagi tahu. Saya sudah isytihar bos saya ini sepanjang jalan sudah. Dalam ucapan kalau beliau hari ini Laksamana Hang Tuah saya akan duduk di antara Jebat, Kasturi, Lekiu dan Lekir.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Disampuk]* Ha. Tidak, tidak, Karma Wijaya itu sebelah sana itu. Sebelah sana. Jadi kita bagilah tempoh tiga bulan, 100 hari untuk SPNB keluar kenyataan rasmi tentang bila masalah pertamanya rumah mesra rakyat ini dahulu yang cukup popular di kepala kami sejak taklimat awal diberikan, tidak menjadi-jadi lagi boleh dimulakan pembangunannya. Jangan taklimat lagi, kita tidak mahu taklimat lagi, taklimat sudah cukup sudah. Tidak payahlah panggil kami makan lagi tidak payah, kita sudah makan. Kami sudah banyak makan sudah. Sudah makan tidak payah makan. Kita bagi 100 hari bermakna sebelum sidang belanjawan

September nanti kita yakin dan percaya SPNB sudah keluarkan dasar pelaksanaannya berhubung kait dengan rumah mesra rakyat. Jika September tidak ada juga Yang Berhormat Keteher kita 'tereh' SPNB cukup-cukup.....

**Beberapa ahli:** *[Ketawa] [Tepuk]*.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** .....dan ruang untuk terah pun banyak masa itu. Persidangan UMNO ada, boleh 'tereh', sini sebulan-bulan kita boleh 'tereh'. Jadi saya mesti lindungi bos saya daripada kena 'tereh' saya akan minta beliau hari-hari telefon, hantar SMS supaya beliau kaji semula kelemahan-kelemahan pengurusan SPNB supaya tidak berulang lagi dan tidak dibahaskan di Dewan yang mulia ini lagi, mengkritik kelemahan-kelemahan SPNB tetapi sebaliknya kita memuji ketangkasan dan kecekapan Pengerusi Eksekutif SPNB yang baru kerana mengeluarkan pinjaman perumahan mesra rakyat. Dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong.

**12.15 tgh.**

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi memang saya dengar semua itu cerita dengan Hang Jebat, Hang Tuah ini memang saya tertariklah. Saya pun ingin menjadi Hang Tuah ataupun Hang Jebat yang kecil-kecil ini. Tuan Yang di-Pertua, perbincangan saya ini adalah tertumpu kepada apakah punca dan juga apakah permasalahan yang sedang dan akan dihadapi dalam dasar perumahan negara ini kalau langkah-langkah yang sepatutnya tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21 Mei yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah mengatakan bahawa pihak kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk memastikan para pemaju perumahan mempunyai modal yang cukup sebelum mereka memulakan sesuatu projek. Tujuannya ialah supaya mereka tidak bergantung kepada kutipan wang ringgit secara dengan izin *upfront* daripada pembeli rumah. Dengan kata lain Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan kita mengamalkan konsep bina dahulu jual kemudian yang boleh memanfaatkan kedua-dua pihak iaitu pembeli dan pemaju. Mungkin konsep ini boleh menyelesaikan ataupun mengurangkan masalah-masalah yang kita bincang di dalam Dewan yang mulia ini yang berkaitan dengan bank, peminjam dan sebagainya.

Namun begitu kita dapati para pemaju merupakan pihak industri yang begitu pantas menyangsikan cadangan konsep tersebut sedangkan pihak kerajaan masih sedang dalam proses mengkaji kemungkinan masalah ini. Di mana terdapat laporan akhbar yang menyatakan badan industri ini iaitu Real Estate and Housing Developers Association ataupun REHDA yang menyatakan ramai ahli mereka tidak menyokong cadangan bina dahulu jual kemudian. Dasar mereka mengikut laporan media iaitu kerana mereka khawatir sekiranya dasar bina dahulu jual kemudian dilaksanakan maka kos pembinaan akan melambung. Harga rumah akan melambung dan juga risiko kepada pihak institusi kewangan dan pinjaman juga akan meningkat. Adalah semua ini munasabah Tuan Yang di-Pertua.

Dalam pada itu adakah akta dan undang-undang perumahan kita yang mantap dan menyeluruh untuk memberi perlindungan kepada kedua-dua pihak iaitu antara pembeli dan pembekal. Siapa yang lebih untung. Adakah akta dan perundangan yang sedia ada lebih mementingkan pemaju dan bukannya untuk rakyat jelata yang majoriti adalah pembeli rumah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik teks ucapan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sampaikan di Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2001 dalam satu persidangan berkaitan penempatan manusia iaitu dengan izin *The 25<sup>th</sup> Special Session of The General Assembly For An Overall Review And Appraisal of The Implementation of Outcome of The United Nation Conference On Human Settlement* ataupun 'Habitat II'. Yang Berhormat Menteri telah berkata bahawa di Malaysia kita telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan:

- (i) Rancangan induk organisasi .
- (ii) Dasar perumahan nasional.
- (iii) Lebih banyak dasar kebangsaan mengenai perancangan bandar dan desa yang menyeluruh.
- (iv) Lebih banyak pelan bertindak yang setimpal dengan rancangan-rancangan pembangunan negara kita.

Yang Berhormat Menteri juga berkata bahawa untuk menyokong matlamat kita dalam membekalkan infrastruktur fizikal dan sosial dalam pelaksanaan dengan izin, *The Habitat Agenda*, Malaysia telah memperkenalkan program-program untuk membekalkan perumahan bagi rakyat jelata. Ini termasuklah dasar setinggian sifar, program perumahan rakyat bersepadu bagi pemindahan pendudukan setinggian, di mana sejumlah 51,800 unit rumah pangsa kos rendah akan di bina di kawasan bandar

besar menjelang 2005. Rumah-rumah pangsa tiga bilik ini akan disewakan kepada pihak yang layak dengan kadar bulanan yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, eloklah sekiranya kita dapat kaji semula rancangan-rancangan tersebut dan tinjau semula sama ada kita telah menepati janji-janji kita. Elok juga jika kita dapat tinjau semula sama ada Dasar Perumahan Nasional seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tiga tahun lalu sedang dilaksanakan dengan lancar. Di samping itu, elok juga jika kita dapat meninjau kenapa para pemaju perumahan kita begitu menyokong cadangan bina dahulu jual kemudian yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah akta-akta perumahan kita telah usang dan tidak sejajar dengan kehendak semasa. Adakah akta-akta perumahan kita sudah menyeluruh dan mencukupi, namun sasarannya masih boleh diperbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memetik daripada dasar perumahan berkaitan pakej *stimulus economy* bagi sektor hartanah yang telah diumumkan pada 11 Mei 2000 yang lalu. Di sini ada langkah yang ke 60 dasar tersebut telah menyedar bahawa kerajaan akan melaksanakan dengan izin *home ownership for the people* ataupun HOPE, di mana para pembeli baru dan pemilik kali pertama bagi perumahan berharga RM100 ribu ke bawah akan diberikan sama ada subsidi ataupun bayaran tunai ke atas pinjaman perumahan mereka.

Kedua, para pembeli rumah siap dan para pembeli kali pertama bagi rumah yang berharga RM100,000 dan RM180,000 akan diberikan pelepasan cukai ke atas pembayaran riba bergantung pada tahun taksiran yang tertentu. Pengumuman dasar tersebut adalah bagi rumah-rumah yang dibeli dalam tempoh 1 Jun 2003 sehingga 31 Mei 2004.

Tuan Yang di-Pertua, setelah setahun pelaksanaannya eloklah jika Dewan ini diberikan maklumat terkini mengenai pelaksanaan pakej *stimulus economy* bagi sektor perumahan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Muar bangun.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Puchong. Tadi dinyatakan tentang perancangan kerajaan mengenai pelaksanaan baru dasar-dasar pemilikan perumahan. Saya hendak tambah satu



perkara untuk diberi pertimbangan ataupun maklum balas daripada Yang Berhormat bagi Puchong.

Tentang pemilikan rumah yang sedia ada, yang mana pelaksanaannya pada hari ini apabila satu pemilik rumah hendak melupuskan hartanya dijual kepada satu pihak satu lagi memakan masa yang cukup panjang, yang sampai ke satu peringkat masyarakat menerima hakikat bahawa permohonan-permohonan seperti ini akan ditolak dahulu – secara dukacita mengatakan permohonan ditolak dan kita akan merayu. Mengapakah proses perpindahan pemilikan perumahan ini tidak dilihat semula kerana kelewatan perpindahan akan juga menjejaskan rangsangan ekonomi yang akhirnya pihak-pihak tertentu akan meluluskan juga perpindahan tersebut? Mengapa tidak ada penawaran dan penerimaan kelulusan segera perpindahan hak milik tanah ini ataupun rumah dilakukan dengan segera supaya unsur-unsur seperti dakwaan berlakunya rasuah, tuduhan tidak berlaku, dan secara tidak langsung ia dapat merangsangkan lagi ekonomi negara kerana adanya perpindahan pemilikan tanah? Saya minta penjelasan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Puchong. Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Memang saya bersetuju bahawa proses penangguhan ataupun kerenah untuk mengurangkan transisi yang tertentu itu akan menjejaskan kegiatan ekonomi yang setakat ini sedang berkembang dan sebagainya. Ini juga mungkin kerana terdapat sesuatu kemungkinan besar akta-akta ataupun perundangan yang sedia ada, yang boleh menjejaskan kelicinan untuk menyelesaikan sesuatu transisi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya sambung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Pusat akan hanya fokus kepada pembinaan perumahan kos rendah bagi yang berpendapatan rendah. Oleh itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menolak cadangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membolehkan golongan berpendapatan tinggi membeli rumah-rumah kos rendah dan disewakan semula kepada mereka yang miskin. Ini adalah satu keputusan yang munasabah dan bijaksana. Namun begitu, barangkali harus kita terlebih dahulu menangani masalah dengan izin, *mismatch* yang wujud di antara pembeli dan pembekal dalam hal perumahan kos rendah.

Menerusi kajian didapati beberapa aspek perumahan kos rendah ini masih boleh diperketat lagi untuk membawa kesan lebih baik kepada industri berkenaan. Aspek-aspek itu termasuklah proses permohonan, peruntukan dan kelulusan bagi pemohon rumah-rumah kos rendah.

Di samping itu para pemaju juga harus diberikan kelonggaran supaya mereka boleh menepati obligasi sosial masing-masing. Salah satu masalah ialah sungutan daripada pemaju bahawa pihak-pihak berkuasa sering lambat semasa membekalkan senarai pemohon-pemohon rumah kos rendah. Sering juga kita mendengar bahawa para pemaju terpaksa memberi subsidi pembinaan rumah kos rendah sedangkan para pembeli yang mendapat untung apabila mereka menjual unit kos rendah itu sejurus mereka diberikan kunci rumah.

Di samping itu kita mendapati rumah kos rendah sederhana ataupun dengan izin, *low medium cost housing* juga bersaing hebat dengan rumah kos rendah. Ada pembeli yang tertanya-tanya kenapa membeli rumah kos rendah, sedangkan dengan beberapa ribu ringgit lebih anda boleh membeli sebuah rumah kos rendah sederhana di lokasi yang lebih menarik? Masalah ini pasti menjadi lebih pincang kerana pihak kerajaan telah merancang untuk membina sebanyak 131,300 unit kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ke-8.

Sektor perumahan kos rendah sederhana merupakan satu topik yang harus diberi perhatian khususnya kerana sebilangan besar penduduk negara kita berada dalam sektor sederhana. Kawasan saya di Puchong pun begitu terutama daripada kakitangan kerajaan. Kita harus maklum bahawa banyak rumah kos rendah yang tidak terjual terletak di lokasi yang tidak menjamin peluang pekerjaan bagi penduduk. Malah terdapat juga satu gejala baru di mana rakyat yang telah membeli rumah kos rendah iaitu di bawah RM42,000 juga tidak mampu membeli rumah berharga RM100,000 ke atas. Merekalah golongan yang tersepit di kawasan bandar.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya kita memberikan “hembusan” baru kepada Dasar Perumahan Negara Nasional kita. Sudah banyak kita mendengar dasar-dasar cebisan iaitu *ad hoc* yang telah dibincangkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Labuan dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading sempena pindaan akta yang bakal dilaksanakan untuk meliputi, *let's say*, *service department* ataupun pangsapuri, perkhidmatan dan juga sektor-sektor lain ataupun perumahan-perumahan lain seperti *commercial building*, dengan izin, ke bawah Akta Pemaju

Perumahan ataupun menyalurkan bidang kuasa keluaran *Certificate of Fitness* (CF) daripada pihak kerajaan kepada badan-badan profesional.

Kesemua ini adalah tindakan *ad hoc* yang tidak holistik, yang datang secara pecah-pecahan, secara cebis-cebisan - kita cuma melihat gejalanya dan bukan mengatasi pada akar umbi. Selagi kita terdengar projek perumahan kos rendah dibina dengan subsidi atau tidak dijual, selagi kita mendengar projek pangsapuri perkhidmatan terbengkalai, walaupun bayaran *progresses* sebanyak 90% telah dibayar oleh para pembeli dan banyak lagi, maka selagi itulah kesemua ini bermaksud kelemahan pelaksanaan dasar masih berkekalan.

Barangkali untuk maju ke hadapan harus kita mengamalkan satu pendekatan yang menyeluruh ataupun holistik dari segi pelaksanaan Dasar Perumahan Negara dan meliputi pindaan-pindaan undang-undang tertentu secara holistik. Sudah lama kita berbahas tentang masalah perumahan. Jangan kita disalah anggap bahawa pihak kerajaan kurang mampu menyelesaikan masalah rakyat.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong Akta Kumpulan Simpanan Perumahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong.

**12.39 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan membincangkan dengan seberapa ringkas yang boleh, mungkin dalam setengah jam masalah-masalah yang timbul kerana perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi, "Pelakon" yang utama Dewan ini Yang Berhormat bagi Labuan memang tidak menumpukan perhatian kepada isi kandungan di dalam rang undang-undang ini - ada dua perkara. Ini ialah untuk memberi kuasa kepada menteri dan yang boleh beliau membenarkan pembayaran balik ataupun bayaran yang kena dibayar kerana pinjaman yang telah diberikan daripada wang Kumpulan Wang yang dibayar terus kepada mana-mana orang dan kemudian diberi kuasa juga kepada menteri untuk membenarkan pembayaran ke dalam akaun hasil disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali saya hendak menanyakan jumlah wang yang disediakan untuk pinjaman. Ini memang satu perkara yang peri mustahak

kerana kita mahu melihat dan saya pada hari Jumaat yang lepas bersama-sama Ketereh yang merupakan satu jambu gajus. Ketereh jambu gajus tu.

**Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, di Putra itu hendak tahu Ketereh juga. Dia bangun pula. Putrajaya.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Labuan bangun.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong, saya ingin minta penjelasan dan juga ingin menjelaskan bahawa bukan saya tidak tahu rang undang-undang hendak memberi kuasa kepada Menteri dan sebagainya. Itu kita dah tahu dah. Kita dah baca dah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya telah mengatakan bahawa ia relevan dalam kerajaan menggubal dan membuat pindaan akta walaupun ia berhubung kait dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk mendapatkan dana RM245 bilion dan sebagainya. Apa yang saya katakan melalui perbahasan ialah lanjutan daripada kuasa Menteri yang akan dibuat dalam pindaan akta tersebut harus memberi manfaat kepada rakyat jelata pelbagai peringkat.

Jadi, bersetujukah Yang Berhormat bahawa sebenarnya bukan saya tidak tahu hendak bagi kuasa Menteri sebab ia telah tertulis – *It's a written statement* dalam akta, dengan izin, cuma saya hendak tahu bersetujukah Yang Berhormat bilamana Menteri diberi kuasa melalui akta tersebut, maka nasib rakyat harus dipelihara dan diutamakan. Minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan kuasa yang begitu besar dan wang yang begitu banyak, kita perlulah memastikan bahawa semua ini dilaksanakan, dikuatkuasakan dengan betul, tepat, bersih dan jitu. Itu memang saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri ataupun Menteri *the bond* yang *diissue* ini, cara-cara *bon* yang *diissue* untuk mendapatkan RM20 bilion ini bagi maksud skim-skim perumahan yang pada hari Jumaat yang lalu saya pun ada menyebutkan mengenai skim pembayaran perumahan secara Islam mengikut prinsip syariah Al-Bai Bithamin Ajil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** 'Bithaman' bukan Bithamin, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bithaman Ajil. Al-Bai Bithaman Ajil dan saya berharap Yang Berhormat dapat terangkan kepada kita semua, apakah yang dimaksudkan dengan skim tersebut dan seterusnya dengan adanya skim pinjaman perumahan ini dah dipinda lima kali. Lima kali. Ini kali yang kelima sejak tahun 1976 - kali yang pertama, 1978, 1979 dan 1990 yang keempat dan ini yang kelima dan juga ada pinjaman perumahan harta kedua yang diperluaskan kepada semua jenis pinjaman dan dengan kadar keuntungan atau faedah 4% setahun atau 6% setahun. Dan dengan skim-skim tersebut, apakah jumlah yang akan dianggarkan untuk pinjaman-pinjaman tersebut dan kaedah untuk bayaran balik itu memang penting.

Ini adalah kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat, satu contohnya di dalam Rancangan Malaysia Kelapan daripada 2001 hingga 2005, pada tahun yang lepas jumlah peruntukan RM120 bilion itu renggeh. Renggeh kerana mungkin direlas oleh pelaksana-pelaksana yang mungkin terlalu cekap ataupun terlalu tidak cekap. RM120 bilion bukan jumlah yang kecil dan saya berharap dengan RM20 bilion ini pun tidak akan direnggeh begitu sahaja. Renggeh ini di Ketereh itu, ia memang budak-budak jahat mengambil dengan sepenuhnya buah-buahan.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong ini dua tiga kali sebut Ketereh ini sebab minggu lepas kami bersama dalam RTM tetapi dalam TV itu Yang Berhormat tidak dapat bercakap panjang. Disebut tadi 'renggeh'. Apa maksud perkataan 'renggeh'? 'Renggeh' itu bahasa Kelantan. Yang Berhormat ini daripada Kelantan? Boleh jelaskan 'renggeh' itu apa sebenarnya? Ramai orang tidak tahu. Saya faham.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya faham. Memang faham, saya tahu itulah - tinggal sedikit-sedikit sahaja lagi buah-buahan di pokok yang direlas oleh budak-budak jahat itulah.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Satu lagi perkataan 'relas' itu, orang ramai tidak faham juga 'relas' itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Relas itu.... hmm. Sama ada membuang kulitnya atau mengambil seluruhnya. Ha, la ni ada peragut-peragut atau pencuri-pencuri ekonomi yang 'relas'kan semuanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat boleh bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak, tak, tidak bertugas. Tidak boleh bertugas di Dewan Bahasa – susah. Saya lebih satu dekad yang lepas membuat aduan mengenai penggunaan ‘persiaran’.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ketereh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Sebenarnya ada kesilapan. Yang Berhormat bagi Kepong ini sebenarnya berasal dari Kelantan. Perkataan ‘relah’.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Relas.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** ‘Relah’ ini dalam bahasa Kelantan – ‘peekong’. Peekong ini maknanya ambil kayu, kemudian baling. Itu namanya ‘relah’. Yang Berhormat bagi Kepong gunakan relah ini untuk perkara lain. Silap sebenarnya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak silap - ‘r e l a s s’.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong, panjang sangat. Apa kena mengena dengan rumah ini, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, tidak, tidak. Itu rumah. Mengenai rumah. ‘Relas’ itu Ketereh, bukan ‘relah’. Memang masalah dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya ucap pendek sahaja. Itu di sini pun ada – persiaran – ‘P e r’ itu mengandungi siaran radio dan TV. Itu ‘pesiaran’ tetapi di jalan itu dipanggil ‘p e r s i a r a n’. Saya pun buat teguran lebih satu dekad tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka mungkin kerana sebab-sebab tertentu, tidak dapat mengambil perhatian. Di seluruh negara ‘persiaran’ menjadi satu perkataan yang diterima. Memang satu kelemahan di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita bukan setakat ‘persiaran’ sahaja, perkataan-perkataan lain yang hendak mengagungkan, memartabatkan bahasa kita tetapi sehingga sekarang tidak dapat berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali itu, saya sebutkan begitu perlunya kita menjimatkan wang seperti RM20 bilion bon yang disebutkan tadi kerana Tuan Yang di-Pertua, dengan RM120 bilion tadi sudah renggeh dan ditambahkan RM40 bilion pada tahun lepas dan kemudian bulan ini ditambah RM10 bilion lagi. Pelaksanaan projek bernilai RM8.5 bilion ini di seluruh negara termasuk Fasa Kedua

Lebuh Raya Pantai Timur itu datangnya daripada RM10 bilion yang ditambahkan kepada Rancangan Malaysia Kelapan dan sebab itulah saya berharap semua ini dapat dijalankan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun menyeru supaya pihak Kementerian Kewangan dengan adanya skim perumahan ini kita pun mengambil pusing mengenai perkara-perkara yang walaupun tidak disebutkan di dalam rang undang-undang ini tetapi penting. Saya setuju dengan Ketereh dan juga Yang Berhormat bagi Labuan kerana kita mesti melibatkan perkara-perkara yang lain juga. Misalnya, banyak projek termasuk skim perumahan ini, pemaju-pemaju yang dilantik kadangkala tidak begitu berkemampuan dan projek-projek dilaksanakan tidak mengikut Standard Specification For Building Works (Brick Work, Soil Drainage) 1989 dan juga Uniform Building By-Law 1984, semua ini kalau kita perhatikan kebanyakan tidak mematuhi spesifikasi-spesifikasi dan standard-standard yang saya sebutkan tadi sebab kita boleh tengok di dalam projek-projek yang dilaksanakan di seluruh negara, Standard Specification For Building Works banyaklah kalau kita tengok, ini satu contoh sahaja.

Di projek 'Padasod' di Jinjang Utara, kawasan sayalah. Mungkin sekarang tidak ada di kawasan Ketereh, di lain masa depan mungkin ada timbul juga. Di Kota Bharu memang ada, jadi bandar raya tidak lama lagi. Uniform Building By-law 1984, semua ini saya tidak ada masa untuk sebutkan semua perkara, tetapi di dalam itu kita boleh nampak. Kalau pergi ke Taman 'Padasod' sekarang kita nampak dari segi asas, *foundation* dari segi pembangunan, dari segi tangga, lif, lantai, bekalan elektrik, bekalan air, kemudahan bomba, keretakan dinding, kebocoran, kontrak jual beli, pampasan dan penyelenggaraan yang kurang sempurna, termasuklah Yang Berhormat bagi Kota Bharu yang peguam utama di Dewan ini.

Saya berharap dia membantu kita semua, pembeli-pembeli rumah ini, sebab kita ada perjanjian jual-beli. Mana merapunya - kena skim perumahan perjanjian jual beli tetapi hampir sekarang tidak ada pindaan ke atas undang-undang kita, Yang Berhormat 'Menteri Parlimen' pun tahu semua pindaan dibuat, tetapi apakah peranan peguam di dalam projek-projek bukan main lagi. Bukan main peranan mereka ini. Saya tidak tahulah sama ada dia hendak jaga pemaju ataupun pembeli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu Bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Batu mana ada tangga.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya mencelah ini kerana hendak mengelakkan Yang Berhormat bagi Kepong daripada terus merapu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi sebenarnya berada dekat di hati sayalah kerana sebagai seorang yang pernah terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan kelulusan pelan-pelan *layout*, dengan izin, dan juga Uniform Building By-law, Peraturan Undang-undang Kecil Bangunan di peringkat pelaksanaan majlis-majlis perbandaran dan majlis daerah ataupun pihak berkuasa tempatan. Setuju pihak DAP atau tidak Yang Berhormat bagi Kepong bahawa jika saya katakan polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan terutamanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Jabatan Kesihatan dan Pekerjaan dan sebagainya menepati cita rasa dan aspirasi pengguna-pengguna terutamanya rakyat yang akan menggunakan ataupun mendiami rumah ataupun bangunan yang dibina.

Apa yang berlaku seperti yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong sebentar tadi adalah lebih kepada pelaksanaannya. Jadi, peranan dan tanggungjawab majlis-majlis tempatan perlu diberikan satu garisan ataupun satu bahagian yang lebih utama di dalam memastikan pelaksanaan kepada dasar-dasar yang sememangnya tidak ada kesilapan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Tangga Batu ini sebut yang betul juga, kita mesti ada garis panduan kepada 148 pihak berkuasa tempatan kerana tambah pula kita mesti adakan pakar-pakar yang cukup kesemua 148 pihak berkuasa tempatan, kadangkala kita ada orang-orang yang pakar sehingga pihak majlis pun tidak dapat membuat satu keputusan yang wajar dan tepat dan yang bersih. Itulah masalahnya di negara kita. Mungkin Yang Berhormat akan mencadangkan supaya kita ada pilihan raya bagi semua kerajaan tempatan supaya kita dapat mengatasi masalah yang disebutkan oleh Tangga Batu atau batu yang tidak bertangga.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Yang Berhormat bagi Kepong, apakah asas-asas yang menyebabkan Yang Berhormat kata 141 pihak berkuasa tempatan kita tidak mempunyai kepakaran di dalam bidang bangunan ataupun pelan bangunan ini.



**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu senang sahaja, pergi ke mana-mana, Ampang Jaya, di cerun bukit ada runtuh, Highland Tower pun runtuh, dan dekat Highland Tower, Kondominium Antarabangsa pun runtuh juga. Kalau ada pakar yang cukup mengapa hal malapetaka ini berlaku, mengapa bencana ini dapat berlaku kalau ada pakar yang cukup. Adakah kerana penguatkuasaan tidak ketat ataupun ada kongkalikung atau apakah. Itu masalahnya. Yang Berhormat tadi kata dia sangat peka kepada Uniform Building By-law 1984, dan saya berharap beliau dapat menyaksi dengan sendiri kerja pembinaan di seluruh negara. Adakah dengan izi, *reinforce request* di sini saya baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tumpu kepada Speaker.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya tahu. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *“All the bricks must be of uniform size and structurally sound, cement mortar in proportion of 1:3 should be used for bonding the brick work. The joints have to be build in such a way that the enforcement get sufficient cover and is also prevented from corrosion.”*

Ini tiga ayat sahaja di sini. Cubalah Yang Berhormat bagi Tangga Batu tengok mana ada ikut spesifikasi, tidak banyak yang mengikut dan ini pun susahlah, kita adakan undang-undang ataupun undang-undang kecil tetapi susah hendak mematuhi *[bercakap ke arah Yang Berhormat bagi Tangga Batu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat berbualkah apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada Yang Berhormat bangun, Ketereh bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ketereh pula baiklah.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ketereh sudah membina satu jambatan baru dari Ketereh ke Kepong dan semacam ada jambatan persahabatan sebab saya tengok dalam isu-isu yang di bawa oleh Kepong ini, tetapi sebab Ipoh Timor tidak ada agaknya, selalunya adalah in line dengan pandangan kita dan kalau beliau memberi kritik pun, kritik itu adalah kritik yang membina (*constructive opposition*). Saya yakin atas dasar itulah Yang Berhormat dipilih menjadi Timbalan Pengerusi PAC, tahniah. Tetapi semasa Ipoh Timor tidak ada, kalau Ipoh Timor ada tidak berani.

Penjelasan yang saya hendak pohon mengenai strata title, satu benda yang penting kepada kita ialah soal strata title. Kita buat rumah tinggi macam Yang Berhormat Kepong kata, di Kepong berlakulah, di Ketereh memang tidak ada sebab Ketereh ini kampung, insya-Allah, sepuluh tahun lagi ada. Strata title ini adalah satu perkara yang sangat penting kepada pemilik rumah terutama rumah pangsa, rumah kos rendah ataupun pangsapuri mewah. Yang menjadi masalah kita telah ada by-law yang meletakkan supaya setiap bangunan yang siap mesti pemaju menyediakan strata title.

Tetapi perkara ini tidak berlaku, dan setakat ini tidak ada tindakan tegas daripada pihak yang berkuasa walaupun ada peruntukan sedemikian. Apakah Yang Berhormat bagi Kepong ingin mencadangkan dalam cadangan nanti bahawa perkara ini mesti dilaksanakan dengan segera kerana ini menyebabkan pemilik itu hilang haknya kerana tidak ada *strata title*. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita pernah bincangkan hal ini Yang Berhormat bagi Ketereh pun saya setuju kita mesti mengambil tindakan yang lebih tegas, berkesan supaya undang-undang yang diluluskan di Dewan yang mulia ini dapat dikuatkuasakan dengan berkesan. Ini memang perlu, bukan sahaja menguatkuasakan rang undang-undang Geran Strata ini bahkan juga Dasar Perumahan Nasional yang secara menyeluruh perlu digubalkan untuk meliputi semua bidang, semua aspek di dalam bidang perumahan di negara ini dan biasanya Tuan Yang di-Pertua, dengan projek perumahan rumah pangsa, flat dan kondominium ini, apabila pihak pemaju sudah siapkan projek dan mendapatkan CF (Sijil Kelayakan) dan bayar wang kepada Ukurtanah untuk ukur dan menebuskan geran ibu daripada bank, mereka mestilah mendapat geran strata, supaya penghuni-penghuni dapat geran dan mempunyai hak dengan sepenuhnya. Kalau tidak ada geran strata, mereka tidak mempunyai hak, segala pengurusannya dibuat oleh pihak pemaju. Selepas mendapat geran strata, mereka boleh menubuhkan syarikat pengurusan untuk menguruskan semua penyelenggaraan dan sebagainya. Dan tambah pula kalau tidak mempunyai geran strata, kalau mereka hendak jualkan unit mereka, mestilah membayar kalau tidak silap saya 10 peratus dari harga jualan.

Inilah merupakan satu perkara yang perlu kita mengambil perhatian di seluruh negara kerana sesetengah pemaju tidak memohon. Kalau mereka setiap bulan mengutip wang penyelenggaraan, wang kos pengurusan, wang tunai, kalau kutipan itu

cekap dia dapat banyak, kalau ada 2,000 unit di situ dia dapat banyak, satu unit RM120 cuba bayangkan wang tunai yang diambil dan pengurusan itu tidak semestinya cekap, dan wang ini setiap bulan dimasukkan di dalam bank.

Kalau ia mendapat geran strata bagi penghuni-penghuni, jadi tidak ada sumber wang dah. Tetapi ini bukan semua itu dibuat dengan mendapat wang keuntungan, kadangkala di dalam sesuatu projek perumahan itu, ada perosak ada vandel dan sebagainya juga, ada juga kerana menganggap pihak pengurusan itu tidak cekap, tidak mahu membayar, ini timbullah akibat daripada projek-projek perumahan untuk rumah pangsa, kondominium dan flat-flat kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada geran strata, saya hendak sebutkan mengenai CF kita ini, Sijil Kelayakan untuk menduduki. Sekarang pihak kerajaan, pihak Kabinet telah membuat keputusan untuk membatalkan, dan terserahkan tanggungjawabnya kepada pihak jurutera dan arkitek dan saya hendak tahulah macam mana kita dapat mengawal selia memantau pihak jurutera dan pihak arkitek ini. Sebab di dalam budaya ini pembinaan di negara ini, saya nampak pihak arkitek, pihak jurutera kadangkala mengikut kehendak pemaju sahaja, pemaju ini dia hendak untung sahaja dia tidak kira. Kalau ada *Highland Towers* yang runtuh dia tidak kisah itu 20, 30 tahun kemudian, dia hendak untung sahaja dan ada sesetengah jurutera dan sesetengah arkitek dia ikut kehendak dan kemahuan pemaju sahaja dan macam mana pihak kerajaan dapat memantau keadaan sedemikian?

Sebab itulah hari ini saya hendak bangkitkan masalah ini kepada Lembaga-lembaga Jurutera dan Arkitek yang beribu pejabat di Kompleks Kerja Raya Malaysia kita, Lembaga Jurutera dan Lembaga Arkitek. Dan saya hendak berjumpalah dengan Presiden Lembaga ini seperti Presiden Lembaga Jurutera kita, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ir. Dr. Zaini, saya hendak jumpa dialah untuk membincangkan macam mana dia dapat memantau kelakuan dan kecekapan jurutera dia yang beribu-ribu di negara kita ini. Dan saya ada banyak contoh, bukan sahaja di Taman Fadason saya, di Selayang pun ada, di Seri Gombak tengok ada blok-blok rumah pangsa di situ yang dipanggil Pinggiran Batu Caves lebih satu dekad telah dibina di siap sedia dan didiami oleh bekas setinggan dan di situ kita nampak lantai itu retak, lantai bukan retak juga, sudah runtuh dan saya pun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, dia tidak gunakan batu di situ, itu simen.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya terpanggil untuk berdiri ini kerana Yang Berhormat bagi Kepong menyentuh lembaga, yang saya sendiri anggotai iaitu Lembaga Jurutera Malaysia. Jadi, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong bertanya itu seolah-olah mempertikaikan kewibawaan Lembaga Jurutera Malaysia. Yang Berhormat bagi Kepong tahu atau tidak bahawa semua pelan-pelan bangunan yang perlu *disubmit* kepada pihak berkuasa tempatan, majlis-majlis daerah atau majlis perbandaran perlu mendapat pengesahan daripada jurutera profesional, jurutera yang berwibawa yang akan bertanggungjawab terhadap setiap pelan dan perancangan dan apa juga bentuk pembangunan yang akan disediakan untuk sesebuah tempat.

Begitu juga apabila pelan itu *disubmit*, dihantar ke pihak majlis berkuasa tempatan, pelan ini akan juga dikaji oleh tujuh *Technical Department*, dengan izin, Jabatan Teknikal yang terdiri daripada Tenaga Nasional Berhad, Perbadanan Air Setempat, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pembetulan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga Pejabat Daerah dan Tanah Tempatan .

Jadi, Yang Berhormat bagi Kepong apabila kita bercakap tentang sesuatu yang melibatkan perkara-perkara kejuruteraan ini, ia tidak lari dan tidak dapat tidak kita terpaksa menggunakan kira-kira sehingga ke dua *decimal point*. Dan kira-kira inilah yang menunjukkan sesuatu perancangan itu dapat dilaksanakan mengikut Peraturan-peraturan ataupun Undang-undang Kecil yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Jadi saya nampak apabila pihak kerajaan, Kabinet menetapkan bahawa Sijil Layak Menduduki ataupun CFO itu boleh dikeluarkan oleh pihak jurutera profesional ini, maka segala pertanggungjawapan dan amanah itu terletak di bahu jurutera dan ini sekali-kali akan ditanggung sepenuhnya secara profesional oleh siapa juga yang menandatangani pelan-pelan bangunan dan pelan-pelan pembangunan itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya seronok dengan penjelasan ataupun yang minta penjelasan daripada Tangga Batu ini dan saya pun berharaplah salah satu ahli Lembaga kita di sini Tangga Batu boleh menjadi orang yang membawa mesej kita kepada Lembaga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat, hendak sambungkan ataupun hendak habiskan, sambung petang?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mesti tidak lama, kalau sambung petang pun saya tidak lama. Ya, ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey. Ahli-Ahli Yang Berhormat waktu sekarang ialah jam 1.00 tengah hari. Dewan yang mulia ini di tangguh sehingga jam 2.30 petang, Dewan di tangguh.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dewan bersidang semula. Yang Berhormat bagi Kepong.

**2.32 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, elektronik ini memang mengambil masa sedikit. Tambah pula di Parlimen kita, Dewan ini ada *broadband*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat pergi Kepong baru balik. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yakah? Saya bukan pergi ke Kepong. Saya pergi ke Perlis, baru datang sini kerana ia *broadband*. *Broadband* ini memang lewat sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan mengenai kerja yang kurang sempurna mengenai Taman 'Parason', rumah pangsa atau *flat* di Taman 'Parason' dan juga baru saya sentuh mengenai rumah pangsa Pinggiran Batu Caves di Taman Seri Gombak. Saya nampak Yang Berhormat bagi Tangga Batu belum sampai lagi, tetapi dia berminat dengan rumah pangsa Pinggiran Batu Caves ini yang dibina lebih satu dekad - 15 tahun dahulu, kalau tidak silap saya, ini satu projek perumahan untuk penempatan semula setinggan di kawasan itu. Kemudian, pihak pemaju belum lagi memohon untuk mendapat geran strata.

Ini bermakna pengurusan rumah pangsa ini adalah bergantung kepada pihak pemaju dan pengurusan ini tidak sempurna juga sama ada pengutipan sampah-sarap ataupun pengurusan untuk elektrik, air dan sebagainya sering kali ada rungutan-rungutan oleh para penghuninya. Yang teruk sekali ialah rantai retak dan runtuh di Blok H, rumah pangsa Pinggiran Batu Caves itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun itu bukan kawasan saya kerana Ahli Parlimen ini mewakili semua rakyat Malaysia bila kita berikrar dan bersumpah, kita memelihara semua rakyat. Di sini saya pun ada tulis dan e-mel, sekarang kita sudah canggih dengan *broadband* dan sebagainya. E-mel kepada Majlis Perbandaran Selayang, tetapi setakat dia hantar surat kepada jurutera yang bertanggungjawab untuk projek itu sahaja, tetapi nampaknya tidak ada jawapan.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada sebutkan mengenai begitu canggihnya jurutera sekarang sampai *point decimal 2* – 0.00, begitu tepat sekali sehingga retak, runtuh dan sebagainya. Kalau tidak ada *decimal*, mungkin tidak retak lagi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** “Retak” itu jambatan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh! Jambatan. Tetapi lantai rumah pangsa ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Tidak, tidak, saya memang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya, kes yang dibangkitkan ini, siapakah yang bertanggungjawab?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pemajulah, pemaju rumah pangsa Pinggiran Batu Caves itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat hendak...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pun tidak begitu faham siapa yang bertanggungjawab sebab Yang Berhormat bagi Tangga Batu kata tadi *engineer* yang bertanggungjawab dan Sijil Kelayakan (CF) pun dibatalkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, nanti siapakah yang akan memberi jawapan terhadap permasalahan ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak apa, tidak apa, ini memang ada berkaitan dengan kumpulan wang kerana RM20 bilion ini banyak, besar jumlah itu. Takut dia renggeh sahajalah. Kemudian bila kumpulan wang ini diberi kepada penyewa, kakitangan

kerajaan, memang dia hendak beli rumah pangsa juga – kondominium, *flat*, rumah pangsa, banglo, *semi-detached* dan sebagainya.

Kalau kerja pembinaan di bawah kawalan jurutera, kawalan arkitek dan sebagainya tidak sempurna, mereka akan menghadapi kesusahan. Jadi, pihak Menteri Kewangan mesti bertanggungjawab.

Beberapa minggu yang lepas, saya pernah bangkitkan soalan mengenai senarai dan jumlah aset syarikat kerajaan, *Government Link Company* (GLC), tetapi sampai sekarang jawapan bertulis tidak sampai kepada saya lagi. Saya hendak memberi peringatan sahajalah.

Peringatan yang kedua ini mengenai penggunaan dana ataupun kumpulan wang yang RM20 bilion ini dengan sempurna dan salah satu cara untuk menyempurnakan kerja pembinaan, sebab ada rungutan-rungutan. Walaupun Yang Berhormat bagi Putrajaya belum lagi sampai ke tahap itu, tetapi ada rungutan-rungutan bahawa ada projek yang terbengkalai.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum lagi terbengkalai. Dia baru sahaja dilantik itu. *[Ketawa]* 6,000 pengundi sahaja. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Hello!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Orang lain 60,000 atau 70,000. Dia satu per enam sahaja itu. *[Disampuk]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini tidak ada kena-mengena dengan pinjaman perumahan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak kena-mengena. Itu kerja pembinaan ada kena-mengena.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tangga Batu, Tangga Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan Yang Berhormat bagi Putrajaya itu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tidak, saya hendak mencelah sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak mencelah sedikit.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya nampak Yang Berhormat bagi Kepong ini memang tidak cekap dari segi matematik ataupun *arithmetic*. [Ketawa] Enam daripada 60,000 bukan satu per enam, itu satu per.... [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Satu per sepuluh!

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Itu satu per sepuluh! 6,000 daripada 60,000.

**Seorang Ahli:** Dia doktor kulit! [Ketawa]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Jadi, dia sudah merapu, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Dia doktor kulit!

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Dia janji tadi hendak cakap sekejap sahaja. Dia sudah merapu pergi ke GLC, pergi ke birokrasi dan sebagainya.

**Seorang Ahli:** Nyaris kalah kat Kepong! [Ketawa]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Jadi, Yang Berhormat bagi Kepong ini bercakap-cakap ini fikirlah dahulu macam Ahli Parlimen kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Kita bercakap kita fikir dahulu. Dia ini sudah bercakap baru fikir, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. 1/6 pun cukup teruk, sekarang 1/10 lagi teruk. [Ketawa] Saya beri dia muka sedikit tetapi Yang Berhormat bagi Tangga Batu tidak mahu. Oh! bukan tidak faham, sengaja tidak mahu beri muka sedikit pun tidak ada, sebab dia *decibel* ini, macam itu sudah. Kalau dua *decibel* kemudian lantai runtuh, kalau tidak ada *decibel* tidak jadi runtuh juga. Itu masalah jurutera kita itu, doktor pun ada yang 'kambing hitam' jugalah, saya mengakui, bukan jurutera sahajalah.

Di sinilah saya berharap pihak Lembaga Jurutera Negara dapat memantau keadaan semua projek pembinaan sama ada projek awam ataupun swasta supaya kerja ini dapat disempurnakan dan sampai sekarang lebih satu dekad banyak projek termasuk rumah pangsa Pinggiran Batu Caves menghadapi masalah. Betul juga Tuan Yang di-Pertua kata siapa yang bertanggungjawab? Betul juga kerana sampai sekarang, saya pening kepala, bingung juga siapa yang bertanggungjawab? Seperti Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu, dia tidak boleh bertanggungjawab tetapi bila dia menjadi Menteri Pembangunan Usahawan itu, hendak berjumpa dia susah, dia punya *private secretary* alasan itu 1,001.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak ada soalan lainkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada, memang banyak dan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukit ataupun Gunung Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Gunung! *[Ketawa]* Dari Gunung Jerai saya boleh melihat Kepong dan juga nampak penyakit-penyakit kulit yang berada di kawasan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong supaya pihak jurutera ini mengawasi tetapi adakah Yang Berhormat sedar juga kadang-kadang kelewatan birokrasi dari segi hendak mendapatkan *Certificate of Fitness*, ini dengan izin. Kadang-kadang ada rumah sudah siap tetapi kerana kelewatan ataupun kekurangan pegawai-pegawai kerajaan menyebabkan mendapat *Certificate of Fitness* ini kepada pembeli-pembeli yang telah mulai membayar *installment* bulanan mereka. Ada juga kadang-kadang memakan masa sampai enam bulan, di mana benda itu sudah siap tetapi tidak dapat diselesaikan. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat supaya perkara ini dipercepatkan, mungkin sebagai doktor Yang Berhormat kurang faham, tetapi sebagai Ahli Parlimen mungkin arif tentang ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang bukit – Gunung Jerai ia bukan gunung semata-mata dia lebih sedikit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat kena faham, bukit ketinggiannya 1,000 gunung lebih daripada itu. Macam Yang Berhormat ini bukan 'kutih' sebagai pongsu sahaja *[Ketawa]*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ukur semula di Jerai itu kita nampak tidak sampai gunung, tambah pula Dewan Serbaguna dijadikan kedai baja. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, celahan itulah, saya pun hendak memberikan bayangan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Jerai tadi dia sudah ketinggalan zaman, dua tiga minggu yang lepas itu Kabinet sudah

membuat keputusan tidak mahu CF, kerana CF itu susah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Hendak mendapat CF itu memang susah, kalau dapat pun tidak guna juga, lantai pun retak dan runtuh juga. Ini masalah dengan CF kita ini dan Kabinet hendak memberi tanggungjawab semata-mata kepada arkitek dan jurutera.

Disinilah saya mencadangkan supaya pihak kerajaan membentangkan satu kertas putih di sini untuk menerangkan bagaimana kita menyelesaikan masalah kualiti rumah, masalah CF dan sebagainya, sebab telah dimansuhkan CF ini, macam mana kita dapat garis panduan untuk kawal seliaan kepada semua kualiti pembangunan ataupun rumah di seluruh negara ini. Kita perlukan satu kertas putih supaya semua Ahli Parlimen di sini dapat merenung, mengupas dan juga menelaah semua yang dicadangkan oleh pihak Kabinet untuk sama-sama menjamin kesempurnaan pembinaan rumah di negara kita.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, pihak Menteri Kewangan mesti juga berhubung dengan pelbagai kementerian dan jabatan. Yang pertama, bekalan air, kadangkala paip yang digunakan, dia ada spesifik, paip yang khusus bukan sebarang paip plastik dan sebagainya boleh digunakan. Tetapi kadangkala rumah-rumah pangsa, flat pun kita nampak paip-paip tidak mengikut spesifikasi dan bekalan air mestilah dipertingkatkan di semua kawasan perumahan, bekalan elektrik mestilah disempurnakan juga. Kadangkala pemasangan wayar itu, dawai itu tidak sempurna, tidak mengikut spesifikasi pula dan juga kita nampak ada kalanya kawasan perumahan sepatutnya Telekom dengan dia punya kabel itu sudah masuk, cukup untuk semua pengguna.

Ini bukan sahaja kita hendak menggunakan telefon bimbit sahajalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Itu tidak ada kena mengenalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak ada kena mengena, *no connection*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu saya nampak ada kacau sedikit.

*[Ketawa]* Berkecamuk sedikit.

**Seorang Ahli:** Tidak ada kena mengena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa kacau Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia kacau, saya hendak bercakap mengenai kabel di kawasan perumahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang tidak ada kena mengena.

**Seorang Ahli:** Ini duit punya hal. Ini hal air, kabel, api ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang tidak ada kena mengena.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana tidak ada kena mengena kita hendak menyempurnakan..

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ini duit punya pasal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Fahamkah itu bil.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan ganggu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Gangguan ini susahlah, kalau gangguan telefon pun macam itu, gangguan Dewan pun macam itu, hah! banyak gangguan, kita perlukan kabel Telekom masuk ke rumah..

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Apa kena mengena dengan kabel Telekom, bil faham tidak?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Pagi pun telefon. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita hendak menaikkan kesempurnaan, taraf pembinaan untuk rumah-rumah. Ini masalah perumahan, apa gunanya kita siapkan rumah, kabel tidak ada, hendak menggunakan telefon pun tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat pinjaman tidak ada masalah ya?

**Seorang Ahli:** Pinjaman okeylah, Kepong semua dapat pinjaman.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Point of Order..*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada masalah..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Point of Order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha! Peraturan Mesyuarat .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa peraturan pula?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tertinggal buku *Point of Order* tetapi ....*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah itu Yang Berhormat, yang mana satu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Buku tertinggal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, Yang Berhormat duduk, cepat cari Peraturan Mesyuarat baru bangun sekali lagi. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau tidak boleh Point of Order minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, sebagai orang lama dalam Dewan, Yang Berhormat patut faham dan arif apabila kita membahaskan sesuatu bil, perkara yang tidak berkenaan dengan bil ini tidak perlu dicakapkan, kerana ini membuang masa dan wang rakyat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dua hari dah, pihak Yang Berhormat di situ termasuk Yang Berhormat bagi Jerai buang banyak masa, itu boleh. Kalau saya menyentuh bahan yang relevan pun tidak boleh.

**Seorang Ahli:** Tidak ada, tidak ada kena mengena dengan bil.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kerana Yang Berhormat parti pembangkang, kami ini kerajaan. *[Ketawa]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat yang mana satu, Yang Berhormat?

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Peraturan Mesyuarat 44(1)

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah itu 44(1)?

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** 44(1) menyebut, "*Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat .....*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. Setakat ini tidak nampak dia berdegil-degil. Tidak ada! Tidak nampak. *[Ketawa]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Dia menyebut perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara yang kita bincangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat duduklah. Cukup, cukup, teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana tidak ada kena-mengena? *[Ketawa]* Kita bincang mengenai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan kerana hendak beri pinjaman kepada kakitangan kerajaan termasuk Yang Berhormat Menteri Parlimen, kita mesti memastikan perumahan itu sempurna. Kalau perumahan tidak mempunyai bekalan elektrik yang baik, bekalan air yang baik, kemudahan bomba yang kurang dan juga tidak ada *broadband*, macam mana sempurna? Kalau pinjaman itu memang tidak baiklah itu. Tidak baik. Saya hendak tolong Yang Berhormat sahaja, lain kali dapat pinjaman, kita hendak perumahan yang sempurna.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat pusing kuat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa masalah? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan bahawa kita perlu apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak, pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan mestilah mengambil pusing apa yang kita bangkitkan di sini, walaupun kebanyakan daripada pihak *backbenchers* itu menyebutkan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, tetapi kita memberi peluang kepada mereka kerana mereka pun bangkit perkara-perkara yang penting untuk perumahan. Sama-samalah kita memperbaiki keadaan industri pembinaan rumah di negara ini kerana kita hendak menyaksikan semua projek disiapkan dengan lebih baik supaya peminjam-peminjam wang dari Kumpulan Wang ini dapat menikmati perumahan yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekalilah. Satu kali akhir, bukan seperti Yang Berhormat bagi Labuan, berapa kali akhir, tidak muktamad. Saya satu kali sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, bon RM20 bilion ini mestilah digunakan dengan baik, jangan tinggal ringgit sahaja, jangan.

Yang kedua, saya berharap pihak kerajaan dan pihak Kementerian Kewangan dapat memujuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya .....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Dia sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kepong, sebab itu bila saya bangun, dia mesti beri. Yang Berhormat sebut banyak kali perkataan '*rengget, rengget, rengget*', saya ingat ramai orang tidak faham. *[Ketawa]* Saya ingat ramai Ahli Parlimen, ramai pegawai hendak tulis, hendak beritahu Menteri pun payah. Saya tolonglah, sebab dia sahabat dan dia cakap pun banyak menyokong kerajaan daripada menyokong DAP.

'*Renggeh*' sebenarnya, bukan '*rengget*'. '*Renggeh*' ini maksudnya daripada banyak, dia jadi pupus, dia jadi kurang. Orang Kelantan kata renggeh. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Kepong ini, dia tidak dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik, dia guna Kelantan, sebab dia daripada Kelantan. Terima kasih.

'*Renggeh*', tetapi saya hendak ingatkan, ini Dewan Parlimen Malaysia, bukan Dewan Undangan Negeri Kelantan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada soalanlah, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Betul, betul, bukan Kelantan. Betul, betul. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya! Peringatan itu baik juga daripada Yang Berhormat bagi Ketereh, tetapi Yang Berhormat bagi Ketereh hari ini dia mesti faham, bahasa kaya kerana ada banyak jenis loghat, termasuk Kelantan, kalau tidak ada, itu bosan dan jemu. Mesti ada. Kedah pun ada. Bila kita kata air, dia kata 'ayak'. *[Ketawa]* Kedah, itulah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya bersetuju tetapi hendak minta penjelasan. *[Ketawa]* Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong, di Kedah apabila kita kata bela, pelihara, tetapi di Kelantan kalau kata 'bela', Yang Berhormat tolong jelaskan apa maksudnya? *[Ketawa]* Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cuma kita daripada semua kawasan, termasuk Kelantan, kita beri nasihat kepada Kedah juga, bila kita sebutkan perkataan-perkataan, kita mesti jaga sopan santun kita. Lebih sopan sedikit kerana ini salah satu asas Rukun Negara. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat, penjelasan. Saya bukan apa, supaya Yang Berhormat faham dan saya memperingati, macam orang Kedah kalau pergi ke Kelantan, macam ada seorang pegawai tukar ke Kelantan, dia kata kita di Kedah ini bela banyak lembu, supaya lembu-lembu ini akan memberi

keperluan ekonomi kepada orang-orang kampung. Tetapi kalau bahasa Kelantan, bila kita kata 'bela', Tuan Yang di-Pertua, dia maksud lain.

Jadi, saya ingat Yang Berhormat, Yang Berhormat pakar bahasa, guna bahasa daerah, *[Ketawa]* Yang Berhormat tolong perelaskan. Saya bukan kata apa, Yang Berhormat hendak sangkutkan dengan Rukun Negara fasal apa? Tidak ada kena-mengena Rukun Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukup, cukup. Kesopanan dan kesusilaan. *[Ketawa]* Sememangnya bahasa ini kalau ada loghat banyak, itu menunjukkan bahasa itu hidup. Jangan kita hendak jadi *purist* sangat, hendak *purist* sangat pun susah juga, ikan pun tidak boleh hidup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah Yang Berhormat, kita balik kepada asalnyalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang teguran Tuan Yang di-Pertua pun betul juga, kita mesti beri peluang kepada orang yang hendak membincangkan perkara yang relevan. Saya sebutkan Dasar Perumahan Negara secara menyeluruh dan masalah geran strata, saya telah sebut tadi, pengurusan rumah pangsa, kondominium dan flat-flat, lembaga jurutera dan arkitek, kita mesti beri peringatan, kalau tidak, tidak dilaksanakan dan peranan peguam pula.

Peguam ini seperti doktor juga, 'kambing hitam' banyak juga, dia memihak pemaju dan sambil memihak pembeli. Mana ada peguam sedemikian, termasuk Yang Berhormat Menteri Parlimen. Dia tidak kisah hendak memihak semua orang. Pembeli itu mesti ada peguam sendiri, pemaju mesti ada peguam yang berlainan, itulah caranya. Tetapi di Malaysia, emmm...punah semua. Semua projek terutamanya peminjam-peminjam projek yang ada kena-mengena peminjam kumpulan ini mestilah memastikan semua projek mengikut spesifikasi kerja binaan dan undang-undang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak, pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat memberitahu Dewan ini jumlah wang yang digunakan untuk para peminjam bagi Kumpulan Wang ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak berucap? Baiklah, sila. Selepas Yang Berhormat, pihak kerajaan boleh jawab.

**2.59 ptg.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tentang permohonan kerajaan untuk menggunakan bon sebanyak RM20 juta ini untuk kebaikan rakyat dan juga kakitangan kerajaan. Memang orang selalu berkata, 'Rumahku, Syurgaku', jadi kalau rumah tidak tentu arah, rumah bocor kiri kanan, rumah pun tiang reput, bumbung pun tunggu angin lebih sedikit, dia terangkat, hendak syurga macam mana?

Jadi inilah yang kita harus fikir bersama sebagai penggubal undang-undang di Dewan yang mulia ini, kita harus memberi banyak nasihat kepada pihak kerajaan, pandangan kepada pihak kerajaan supaya kerajaan memahami apa yang kita lakukan ialah untuk kebaikan rakyat. Kadang-kadang kita terpaksa berkorban diri untuk rakyat, berkorban masa untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang politik, kadang-kadang hidup kita ini lebih masa kepada rakyat daripada diri dan keluarga, kerana ini amanah dan tanggungan. Apabila kita dipilih oleh rakyat, maka kita kena berkorban untuk rakyat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh tanya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Bah, bah. [Ketawa]

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pinjaman bon RM20 bilion ini kalau boleh diteruskan untuk jangka panjang, sebab ini untuk membalas jasa baik rakyat Malaysia yang telah memberi mandat yang besar kepada kerajaan dalam pilihan raya baru-baru ini sehingga di Kelantan pun hampir-hampir tumbang kerajaan negerinya.

Jadi dengan adanya kepercayaan rakyat ini, juga sokongan dan dukungan pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan untuk membalas jasa baik mereka. Mungkin dengan cara ini kerajaan dapat menepati sasaran bahawa memberi perumahan kepada setiap keluarga yang ada dalam negara ini untuk memiliki rumah



sendiri. Masalah ini telah dibincangkan berhari-hari. Memang dari pihak penyokong-penyokong kerajaan telah memberikan banyak pandangan yang membina untuk diguna pakai oleh kerajaan dan juga kementerian. Isu dan masalah ketiadaan serta ketidakcukupan rumah ini berlaku di seluruh negara bukan sahaja di bandar-bandar bahkan juga di luar bandar.

Jadi Yang Berhormat mungkin ingin menyarankan kepada kerajaan bahawa peruntukan yang sebegini harus ditambah untuk memastikan bahawa setiap manusia yang berkeluarga di muka bumi negara kita ini mendapat rumah idaman mereka masing-masing. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pandangan yang cukup jauh ke hadapan. Pandangan seorang wakil rakyat yang bergelumang dengan rakyat. Pandangan seorang wakil rakyat yang kadang-kadang kepala angin juga. *[Ketawa]* Kita bersetuju bon RM20 bilion ini memang untuk jangka masa pendek tidak mencukupi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan kita kena perbanyakkan, kerana manusia ini Tuan Yang di-Pertua, beranak lebih banyak daripada mati. Kadang-kadang dalam satu hari berapa meninggal? Macam dalam kawasan saya, kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada. Tetapi yang beranak ini tiap-tiap hari pasal aktiviti orang kampung ini kekurangan *[Ketawa]* macam di Kuala Lumpur, ada beza.

Kalau kita lihat adik-adik di belakang yang menjadi tetamu kita hari ini, mereka juga memerlukan rumah untuk masa hadapan mereka. Mungkin sekarang mereka belum memikirkan kerana mereka masih belajar.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Pahat bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila, sila.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Bila kita bercerita berkenaan dengan rumahku syurgaku, biasanya yang ditekankan ialah berkenaan dengan pembentukan dan pembinaan rumah itu sendiri. Jadi adakah Yang Berhormat bagi Jerai sedar bahawa dari segi pembinaan rumah yang juga melibatkan faktor-faktor kesihatan, faktor-faktor persekitaran yang sempurna dari segi kesihatan juga memainkan peranan untuk merealisasikan rumahku syurgaku. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat, beliau ini seorang doktor perubatan, dia lebih faham. Memang kalau kita hendak buat rumah, bila kita kata rumahku syurgaku ini Tuan Yang di-Pertua, kita duduk selesa. Tetapi kalau di rumah kena pakai kain, singlet pun tidak boleh pakai, hangat, jadi hendak kata syurga macam mana? Kalau mai hujan macam saya kata tadi, rumah kita sudah bergoyang dan sebagainya, hendak syurga macam mana? Tetapi maksudnya syurga itu adalah keindahan Allah Taala akan bagi di akhirat kelak, tetapi bidalan "Rumahku Syurgaku" itu adalah satu benda yang kita perlu melihat apabila kita membuat dan meluluskan sesuatu. Macam hendak bina sebuah rumah, rumah itu biarlah sesuai. Kalau jurutera hendak buat rumah kos rendah, dia *design* rumah itu, cuba arkitek itu dia pi duduk dalam rumah itu sat barang semalam dua, tengok keadaan berkuap tidak berkuap, bilik air macam mana keadaannya supaya kita memahami. Kadang-kadang kita *design* itu memang elok, nampak elok tetapi bila rumah itu siap, keadaan tidak sesuai.

Macam dahulu, kerajaan buat rumah kos rendah, bilik dua sahaja; untuk ibu bapa dan untuk anak. Tetapi bila kita melihat tentang konsep Islam, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, bila kita bercakap pasal konsep Islam Yang Berhormat biasa bersuara, dia kena ada tiga bilik Yang Berhormat; ibu bapa sebilik, anak lelaki sebilik, anak perempuan sebilik.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tengok kerajaan fikir sampai macam itu. Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sila. [*Ketawa*]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Timbalan Pengerusi Tetap. Saya amat berminat apabila Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tentang "Rumahku Syurgaku" ataupun lebih dikenali di negara kita ini dengan "*Baiti Jannati*".

Yang Berhormat bagi Jerai, dari fahaman saya, rumahku syurgaku ini mungkin dari segi fizikalnya sahaja ataupun dari pandangan saya tentang apa Yang Berhormat bagi Jerai cuba jelaskan sebentar tadi, rumahku syurgaku ini kalau kita fokuskan kepada rumah itu, ia lebih kepada pembangunan fizikal dan rohani rumah tersebut. Bermakna lebih kepada pengisian kepada rumah; rumah dan isi kandungannya. Kalau dalam bahasa Inggeris, *house* itu rumah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan yang

kita sebutkan di sini, rumahku ini ialah *is my home*. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai tentang pendapat saya ini? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu pendapat seorang wakil rakyat yang matang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya hendak ganggu sedikit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ketepikan permintaan penjelasan daripada kawan-kawan Yang Berhormat ya. Saya hendak tahu sama ada ucapan Yang Berhormat ini panjang lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya ucapkan ini demi untuk rakyat, bukan untuk saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya nampak Yang Berhormat hanya tunggu bila kawan-kawan minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Ketawa]* Bukan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meneruskan ke matlamat, tetapi kawan-kawan saya ini akan menentukan saya sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan. Kalau saya tidak bagi laluan, susah saya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan buat keputusan, tidak benarkan mereka minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini pasal syurga Yang Berhormat, rumahku syurgaku. Macam kita kata syurga bawah tapak kaki ibu. Tetapi kalau kita angkat tapak kaki ibu, mana nampak, gelap. Tetapi untuk mendidik supaya mereka ini menghormati ibu, sayang kepada ibu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini langsung tidak kena-mengena dengan pinjaman perumahan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kerana ada Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya kelmarin, seorang ibu datang menangis hadapan saya, dia tidak ada rumah. *[Ketawa]* Dia ada enam orang anak. Seorang ibu yang menjaga enam orang anak. Enam orang anak tidak boleh menjaga seorang ibu, dia menangis, saya sedih. Suami tidak ada, umur sudah tua.

**Seorang ahli:** Kalau muda?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau muda saya bawa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ketereh bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Macam mana saya tidak bagi laluan Tuan Yang di-Pertua, ini semua Timbalan Ketua dan Naib Ketua Bahagian. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut terpanggil untuk bangun apabila Yang Berhormat bagi Jerai menyebut soal seorang ibu tunggal dengan anak yang ramai datang memberitahu tidak ada rumah. Saya juga menghadapi masalah yang sama, bukan sama, lebih lagi. Kawasan saya kawasan kampung, orang miskin ramai, ibu tunggal ada 1,832 orang. Yang muda tidak ada langsung, semua yang tua. Penjelasan yang saya pohon ialah, saya mendengar daripada pengumuman Kementerian Kewangan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membina rumah mesra rakyat. *Design* Rumah Mesra Rakyat ialah sekurang-kurangnya tiga bilik seperti mana Yang Berhormat bagi Jerai sebut tadi, sesuai dan *ideal*, bentuknya cantik, syaratnya longgar pada peringkat awal, RM100 juta dibahagi dengan 40,000, harga rumah ialah RM40,000 sebuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tadi ...

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Saya mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat fasal tidak ada rumah, bukan bilik kurang, bukan kerana tidak ada bilik.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Saya datang ke situ, saya datang ke situ, saya akan datang, akan sampai, perjalanannya agak jauh, Ketereh jauh. RM100 juta dibahagi dengan RM40,000 kita dapat 2,500 buah rumah. Masalahnya sekarang bukan soal tidak ada duit, masalahnya sekarang bukan soal tidak ada wang, soal yang ada sekarang ialah rakyat yang sedang menunggu ini ialah soal yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*delivery system*".

Bagaimanakah Yang Berhormat bagi Jerai bercadang untuk menyelesaikan masalah SPNB ini, yang telah berjanji begitu lama, rakyat menunggu. Di kawasan saya ada 40 orang menunggu; 40 orang yang dapat borang, yang tidak dapat borang banyak lagi, untuk membina Rumah Mesra Rakyat, yang mana modalnya RM40,000, bayar RM23,000 hanya bayar RM100 sebulan, tetapi janji tinggal janji, itu maksud saya. Bolehkah Yang Berhormat tekankan dalam cadangan Yang Berhormat ini supaya SPNB mesti melaksanakan janji Rumah Mesra Rakyat ini dengan kadar yang segera supaya kita boleh kembali ke kawasan dengan dada yang lapang, janda tidak lagi menyerbu kita. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sabar Yang Berhormat, sabar. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, tetapi tidak mengapa, kita percaya penuh. *[Menyampuk]* Sekarang ini kerajaan telah melantik Ahli Yang Berhormat bagi Putrajaya sebagai *Executive Chairman*, Pengerusi Eksekutif, Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak jaga masalah ini. Yang Berhormat dah dengar dah ni, cukup banyak dah, tiga hari dah. Kalau Yang Berhormat tak boleh selesai, aniaya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Sebagai *Executive Chairman*, insya-Allah saya percaya penuh, dengan pengalaman yang ada, saya jangka dalam masa setahun Yang Berhormat boleh selesaikan masalah ini. Bukan susah, Yang Berhormat panggil wakil rakyat-wakil rakyat yang ada ini, panggil pegawai-pegawai yang ada ini, buka buku, tengok dasar, kalau tak betul ubah dasar, asalkan matlamat itu menguntungkan rakyat, tidak merugikan kerajaan, alhamdulillah jalan. Benda ini bukannya susah sangat. Benda ini terpulang kepada kita, kalau kita hendak menyusahkan, jadi susahlah. Macam Tuan Yang di-Pertua, dia bagi laluan, senanglah saya, kalau dia tidak bagi susahlah saya. *[Ketawa]* Ini biasa!

Jadi Yang Berhormat kita sebagai orang yang berpengalaman sudah tentu selepas ini dia akan masuk ke pejabatnya, akan panggil semua pegawainya, khabar: "Aku dah tak tahan dah telinga, kiri kanan penjuror Parlimen ingin melihatkan rakyat mendapat Rumah Mesra ini, jadi hangpa kena buat, you kena buat dan Parlimen pula bersetuju dan akan bersetuju untuk meluluskan RM20 bilion untuk pegawai kerajaan". Jadi timbang balas dia ada. Tengok, kerajaan fikir hendak beri rumah kepada orang-orang dalam golongan ini, jadi Yang Berhormat bagi Ketereh jangan susah hati. Kita percaya penuh Yang Berhormat Pengerusi Eksekutif baru ini akan .... *[Yang*

*Berhormat bagi Lenggong bangun]* nak minta penjelasan pula dah? Oh! Nak keluar, ingat hendak minta penjelasan! *[Ketawa]*

Minta maafalah. Saya pun terkejut juga Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak minta penjelasan pada saya, rupanya kawan itu hendak keluar, tidak mengapalah, sila.

Jadi di sini saya juga mencadangkan, selain daripada peruntukan bon kepada rumah pegawai-pegawai kerajaan ini, apa halnya dengan rakyat yang tidak bekerja dengan kerajaan, yang susah, yang berniaga kecil-kecilan, pak tani, nelayan, penoreh getah yang pada masa kini menunggu rumah untuk ditiup angin ataupun ribut yang kuat. Apakah halnya nelayan-nelayan yang hidup di siring-siring pantai, di mana pantainya sudah terhakis, Tuan Yang di-Pertua, rumahnya separuh tiang sudah masuk dalam laut, separuh lagi hanya bertahan di bumi. Mereka ini menangis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Bolehkah saya bertanya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sebetulnya Tuan Yang di-Pertua, tadi belum jawab orang sudah bertanya tetapi tidak mengapalah, saya tanya yang lain pula. Apakah Yang Berhormat berkeyakinan bahawa, cuma sebelum itu saya ada kekeliruan sedikit, tadi rakan kita Yang Berhormat bagi Labuan kata bagi tiga bulan untuk Pengerusi baru, bos dia untuk menyelesaikan masalah, manakala Yang Berhormat pula bagi satu tahun. Mana satu yang betul, tiga bulankah atau satu tahun? Apakah Yang Berhormat berkeyakinan dengan Pengerusi yang baru ini daripada wakil rakyat ini apabila mendengar "eksekutif" ini bertanya ada kuasa, ada *power*. Jadi dengan pelantikan ini Yang Berhormat berkeyakinankah masalah perumahan ini akan selesai dalam jangka waktu yang singkat ini? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bila pihak kerajaan melantik seseorang itu sudah tentu pihak kerajaan mempunyai keyakinan, pihak Perdana Menteri sudah memberi keyakinan. Dalam jangka masa setahun itu ialah dan Yang Berhormat bagi Labuan? Dari Mambong?

**Seorang Ahli:** Labuan, Labuan. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kinabatangan, bagi tiga bulan. Jadi Yang Berhormat *Chairman* ini ambil jalan tengah antara tiga bulan dengan

setahun, bagilah elok-elok. *[Ketawa]* Jadi tidak ada masalah tetapi matlamatnya mesti sampai, matlamatnya sampai. Ini saya hendak tengok adik-adik ini semua *[Menarik perhatian Ahli-Ahli Dewan kepada murid-murid sekolah yang duduk di Public Gallery]* tengok macam mana wakil rakyat kerajaan membela rakyat di kampung, rakyat yang susah. Adik-adik balik cerita di kampung tengok Ahli-ahli wakil rakyat ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan beri ceramah. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, mereka ini adalah ...

**Dato' Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tengoklah, tiga Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Donald:** Sri Aman.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Memberi laluan kepada Yang Berhormat bagi Kalabakan]*

**Dato' Abdul Ghapur bin Salleh:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata pinjaman-pinjaman diberi kepada orang-orang yang mempunyai pendapatan, tetapi ada juga yang tidak mempunyai pendapatan. Jadi Yang Berhormat ada katakan tadi kita boleh beri pinjaman, boleh percepatkan asal tidak merugikan. Saya fikir kalau kerajaan takut rugi, macam mana kita hendak bantu nelayan-nelayan, orang tidak berpendapatan tetap ini? Tentu sekali orang-orang begini akan diberi rumah mungkin secara percuma, kalau tidak macam mana mereka boleh mendapatkan rumah. Minta pandangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju Yang Berhormat bagi Kalabakan. Sebenarnya memang itulah, maknanya yang saya cakap tadi Yang Berhormat bagi Kalabakan, hak RM20 bilion bon ini adalah untuk pegawai-pegawai kerajaan dan mereka berupaya membayar balik pinjaman daripada potongan gaji dan sebagainya. Bila saya masuk tadi tentang golongan yang hidup melarat di

tepi pantai, di bukit-bukau, di kawasan-kawasan yang kadang-kadang menumpang rizab-rizab jalan, menumpang rizab-rizab sungai, mereka ini harus diberi satu pembelaan. Di sini kerajaan berkorban untuk memberi bantuan tanpa bayaran balik. Ini kita bersetuju dan kerajaan sedang melakukan. Cuma yang saya minta daripada Dewan yang mulia ini supaya diperbanyakkan lagi peruntukan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera dan juga Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Seorang Ahli:** Sri Aman, Sri Aman.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti sekejap. Yang Berhormat bagi Bera, dia dah calon saya Timbalan Pengerusi, okey Yang Berhormat bagi Bera dulu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang kita bukan di Perhimpunan Agung UMNO. *[Ketawa]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya sokong. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat ada sebut tentang pemilikan rumah oleh petani, nelayan, pekerja kerajaan yang berpendapatan kecil dan sebagainya. Sebenarnya, setujukah atau tidak Yang Berhormat, misalnya rumah SPN, Rumah Mampu Milik yang dibuat oleh Syarikat Perumahan Negara, di luar bandar harganya RM35,000, di bandar-bandar kecil seperti di Bera misalnya, harganya RM42,000.

Jadi setujukah tidak Yang Berhormat jika saya katakan, kerana harga rumah murah sudah tidak jadi murah sekarang menyebabkan ramai yang tidak mampu memiliki rumah tersebut. Saya hendak memberi contoh Yang Berhormat, di kawasan saya di Bera ada satu projek perumahan kos murah yang dibuat. Sehingga ke hari ini baru satu per empat rumah itu diisi. Sebabnya yang tiga perempat lain, bila buat permohonan kepada bank ditolak kerana gaji mereka terlalu kecil untuk mendapat kelulusan pinjaman. Jadi bersetuju atau tidak Yang Berhormat kalau kita katakan bahawa harga rumah murah sekarang sudah tidak murah berbanding dengan pendapatan golongan-golongan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau hendak beri perumahan kepada rakyat yang miskin, harga perlu dikaji semula. Terima kasih.



**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bera. Memang hasrat kerajaan masalahnya sekarang ini sebab kadang-kadang syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan ini dia hendak untung lebih. Tidak salah mencari keuntungan kerana berniaga. Kita mengeluarkan modal, kita hendak keuntungan. Tetapi kita kena ingat keuntungan semata-mata tanpa mengira orang-orang yang memerlukan pertolongan ini kadang-kadang keuntungan yang dia dapat itu pun tidak memberi manfaat kepada dia.

Saya biasa tengok, Tuan Yang di-Pertua, jutawan tetapi dia hidup tidak ketahuan orang Kedah kata. Dengan kencing manis, dengan darah tinggi, dengan sakit jantung, dengan seminggu tiga kali asyik cuci buah pinggang. *Millionaire*, hendak buat apa? Sampai buah pun tidak boleh hendak makan pula. *[Ketawa]* Orang ini yang berpenyakit yang lain tidak boleh hendak makan, buah itu boleh lagi. Tetapi dia ini buah pun tidak boleh sudah, air kena sukat minum, jutawan. Hidup dia tidak ketahuan Yang Berhormat.

Jadi kita mengharapkan macam saya selalu kata *social obligation* ini kepada syarikat-syarikat perumahan ini tengoklah sama. *Subsidize* sedikitlah dengan *loan* kerajaan, *subsidize*lah sedikit, sudah kerajaan kata ini untuk meluluskan pelan perumahan *mix development* ini, sudah untung di atas rumah kedai, untung atas rumah banglo, untung di atas rumah *semi-D* dan sebagainya. Hendak kira apa ini yang marhaen-marhaen yang miskin ini? *Subsidize*lah, kerajaan kata berapa puluh ribu *subsidize* lagi RM5000, syarikat ini *subsidize*, berkat keuntungan itu, baru boleh dia jadi kaya. Ini yang duduk akan doa, Ya Allah ya Tuhanku bagilah syarikat ini untung. Fasal dia boleh, Tuan Yang di-Pertua, orang miskin ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh cakap, kalau saya cakap nanti saya hendak teriak.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Doa mereka Tuhan makbulkan, Tuan Yang di-Pertua, daripada doa. Rumah, kalau tidak ada Borang J dan yang tidak ada apa, orang kampung, kerja kampung hendak Borang J, datang dari mana? Pergi ke laut mengharap ikan, kalau angin baik, ada rezeki itu elok adalah ikan. Yang duduk di bendang itu empat relung, tiga relung hendak boleh sebulan berapa duit gaji? Hak yang potong getah itu cuba fikir kita tidak bangkit sembahyang subuh, dia letak *torchlight* di atas kepala pergi memotong getah itu, hendak bela anak, ular tidak kira

lagi. Kena hari tidak baik, ular di bawah kaki sudahlah susah ular pun patuk. Harimau tidak usah kiralah di Kalabakan, di Yan tidak adalah....

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Di Kinabatangan itu, Kinabatangan dia sendiri pun harimau sudah.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh Sri Aman, *sorry* saya lupa. Sila Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih kawan lama dari Jerai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi saya mendengar Yang Berhormat Jerai mengatakan kita menggunakan slip gaji. Jadi, macam mana setuju atau tidak kalau kita mencadangkan secara *formal*, secara *affirmative* minta kerajaan memberi laluan ataupun peluang kepada orang yang memikirkan mereka mampu membeli tidak kira sama ada mereka ada slip gaji ataupun tidak. Kita buka kepada orang yang menjual buah-buahan di kaki lima, sayur-sayuran di kaki lima ataupun orang yang menoreh getah. Oleh kerana kalau mereka tidak dapat bayar selepas beberapa bulan kerajaan boleh tarik bulan tetapi pada masa sekarang kita masih tidak dapat membuat fikiran dari luar kotak, *cannot think outside the box*.

Jadi, macam mana pendapat Yang Berhormat, kita membuka peluang ini kepada semua rakyat tidak kira sama ada, ada slip gaji ataupun tidak?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Sri Aman. Sri Aman ini adalah seorang wakil rakyat yang veteran, yang selalu bercakap fasal di Sarawak dengan juga masalah-masalah. Saya juga bersetuju kerana, Tuan Yang di-Pertua, kalau pun macam orang kata susah yang pergi ke laut, benda-benda yang berniaga sedikit-sedikit di kaki lima ini, hendak cari makan ini, hendak bela anak bini di rumah. Kalau kita beri rumah pada dia pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia satu hari pun dia tidak boleh bayar pun, kita kena ingat, kalau lima anak di rumah dengan ayahnya, mereka adalah rakyat kita, mereka adalah penghuni kita, mereka adalah makhluk Tuhan yang dilahirkan di dunia ini dan Tuhan telah kata, janganlah kau beranak dan merancang, setiap umat yang lahir itu ada rezekinya. Itu sebab dalam

Islam dia tidak bagi merancang keluarga, Tuan Yang di-Pertua, anak ramai pun tidak apa. Sebab rezeki itu Tuhan sudah janji dia akan beri, cuma usaha sahaja tetapi kalau asyik tidur dalam kain selimut sahaja taubat rezeki pun tidak mari, dia kena usaha. Jadi, itu satu.

Yang keduanya, kalau dia beli rumah, dia tidak bayar, ini rumah anak bini dia hendak pergi cari mana? Dia kena ikhtiarlah cari bayar tetapi kita dengan kerajaan, dengan syarikat-syarikat swasta kena fikir sama-sama untuk memastikan mereka duduk di rumah yang sewajarnya. Dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, baru ini saya pergi tengok ibu tunggal juga, Yang Berhormat bagi Ketereh. Anak dua, suami hilang entah ke mana, emak pergi mengaut lala, Tuan Yang di-Pertua, lala, yang siput-siput di tepi pantai hendak belanja anak dia ke sekolah. Saya tengok dengan mata kepala saya sendiri. Rumahnya saya tengok, Allah! Cukup azab. *[Telefon bimbit berbunyi]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hah! Panggilan telefon.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini dari kawasanlah, ini mesti kes rumah PPRT lah ini!

*[Dewan riuh dan gamat dengan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh duduklah Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh duduklah, boleh duduk atau keluar menjawab telefon.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak saya akan padam, saya padam, saya padam. Dia tidak mahu padam, okey, dia padam sudah. Inilah tugas wakil rakyat Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan gamat dengan ketawa]*

Telefon 24 jam tidak boleh tutup. Siang malam, tengah malam, kita sedang tidur, kadang-kadang deringan telefon masuk, "Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat, rumah kami sudah rebah." "Tolong Yang Berhormat, ini mati, mayat tidak boleh bawa keluar lagi." Maka wakil rakyat bangunlah kelip-kelip mata, adik-adik sekalian dengar ini. *[Sambil memandang ke arah pelajar-pelajar di galeri awam]* pergi melihat walaupun di subuh-subuh hari ataupun di waktu tengah malam buta. Jadi minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana telefon bunyi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu satu hari berapa kali telefon ada terima?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak tentu, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa kali agak-agaklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau musim hendak pergi universiti, boleh kata *every 10 minutes*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hari biasa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hari biasa, berapa kali?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau biasa pukul rata kurangnya 30 kali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hari ini baru satu kali sahaja. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak, dua kali. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terus kan ucapan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sebab itulah, sebab itulah pihak kerajaan terpilih orang yang tepat. Tuan Yang di-Pertua yang tepat, tertewas saya.

Jadi saya berharap selain daripada peruntukan RM20 bilion, kita setuju dan kita akan lulus dan Insya-Allah, rumah-rumah akan dimiliki oleh pegawai-pegawai kerajaan apabila tidak cukup kita akan tambah, bayar hutang elok-elok tetapi fokus saya sedikit hari ini ialah kalau terpaksa jual bon, kita jual bon lagi.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila, sila Puchong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Puchong, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak jual bonkah? *[Ketawa]*

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tadi Yang Berhormat kata bahawa sekarang ini pelbagai rakyat terutama di luar bandar mempunyai kekurangan dan kemampuan untuk memiliki rumah terutama rumah kos rendah dan sebagainya. Tambahan pula lagi mereka tidak ada *Form J* dan sebagainya dan juga ada banyak tanggungan kewangan setiap bulan. Bolehkah Yang Berhormat bagi Jerai bercadang dan mencadangkan kepada kerajaan bahawa untuk rumah-rumah kos rendah ini kita boleh

mungkin hapuskan cukai pintu ataupun kita *subsidizekan* cukai pintu itu supaya mengurangkan bebanan golongan-golongan ini kerana walaupun RM100 lebih setahu, kalau di kawasan FELDA RM50 setahun tetapi untuk golongan ini RM100 lebih ini mereka boleh menggunakan duit untuk membayar *fees* sekolah anak-anak dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat setuju atau bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya boleh dikurangkan ataupun dimansuhkan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju Yang Berhormat daripada Puchong yang prihatin, mungkin kawasan Yang Berhormat berada dalam kawasan Majlis Perbandaran, jadi dia kena bayar cukai pintu, macam saya mungkin dalam kampung jadi tidak bayarlah cukai pintu. Tetapi keseluruhannya tidak semesti orang duduk di bandar ini berada. Kadang-kadang depa susah. Saya tau, depa susah. Jadi saya minta hak Borang J dan sebagainya, kalau yang ini dihapuskan, sebagai Pengerusi Syarikat Perumahan Negara yang baru, sokongan daripada wakil rakyat kerajaan ini cukup. Sokongan daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen, minta maaf lah ya pembangkang, hak Barisan Nasional cukup untuk mengesahkan bahawa dia layak dan miskin serta patut mendapat bantuan kerajaan.

Tapi kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat cop, sign, sokong, sampai pejabat daerah, tolak. Orang-orang ini dia bukan main teriak dekat DO. Dia mai menangis "teriak" ini "menangis" Tuan Yang di-Pertua, dia mai menangis dekat wakil rakyat. Kelmarin, macam saya kata seorang emak mempunyai enam anak itu Tuan Yang di-Pertua, rumah tidak ada, anak dia halau, cerai dengan suami, suami tidak bagi duduk, mai kat saya, saya nak tolong macam mana. "Sabar makcik, saya ikhtiar rumah makcik". Teriak. "Terima kasihlah Dato', terima kasih bila boleh siap rumah Dato'". "Tidak apalah saya ikhtiar". "Bila Dato'?" "Saya ikhtiarlah makcik", kita pun nak habaq hari pun tidak berani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kudat bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, ya, Kudat. Kudat baru-baru ini dilancarkan Kudat Point. Hari ini pun Yang Berhormat Kudat pakai baju warna pink.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Puteri-puteri punya warna ini.  
*[Ketawa]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Seperti mana cadangan-cadangan yang telah dikemukakan untuk memperbanyakkan lagi rumah-rumah *affordable houses* ataupun rumah mampu milik ini, saya fikir kerajaan juga harus memikirkan iaitu bagaimana untuk menyediakan rumah yang mempunyai kos yang rendah, iaitu menggunakan teknologi-teknologi yang lebih terkini, misalnya menggunakan teknologi pasang siap atau *prefabricated* yang sudah pun dilaksanakan di beberapa negara seperti di Australia dan juga di negara-negara Barat seperti di Kanada yang saya sendiri pernah melihatnya.

Jadi saya dapat melihat bahawa sekiranya kerajaan dapat mengurangkan kos pembinaan rumah ini melalui teknologi yang terkini iaitu, *prefabricated technology* ini saya percaya kita akan dapat menyediakan lebih banyak rumah dengan harga yang murah dan dalam masa yang sama kita juga dapat mengurangkan masalah pergantungan negara kepada pekerja-pekerja asing, kerana pekerja-pekerja asing ini juga sebenarnya dibawa masuk semata-mata untuk membantu kita di dalam sektor pembinaan memandangkan rakyat kita ramai yang tidak ingin bekerja di dalam sektor pembinaan ini.

Jadi saya minta kepada Yang Berhormat Jerai supaya mencadangkan kepada kerajaan untuk membuat kajian dari masa ke semasa, supaya teknologi-teknologi yang tidak menggunakan buruh yang banyak dan juga dapat menjimatkan kos ini digunakan, kerana di Malaysia ini kita tidak mempunyai masalah *natural disaster*, dengan izin. Kita tidak ada masalah gempa bumi dan juga *typhoon*.

Jadi saya percaya pembinaan dengan menggunakan *prefabricated technology* ini kita akan dapat menyediakan lebih banyak rumah yang lebih murah, dan akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan rumah ini. Saya minta pandangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan yang cukup baik. Saya ingat pihak kerajaan kena mengkajilah keadaan-keadaan, kita nak buat rumah bagi selesa, kalau tidak, kita tidak usah buat, kesian kat depa ini. Kita buat bagi selesa, kerana bagi sayalah sebagai manusia dan kita semua sebagai manusia, kita ada perasaan, kita ada fikiran Tuhan bagi kat kita semua. Jadi kita kena ingat.

Selalunya Tuan Yang di-Pertua, orang yang naik ke atas ini dia tidak tengok ke belakang itu yang jadi masalah. Macam yang saya kata baru-baru ini di BSKL syarikat

yang telah didaftarkan untuk mengurus niaga berapa ratus syarikat. Apabila sampai annual report mereka, kita tengok keuntungan berpuluh-puluh juta, beratus-ratus juta, ada bilion. Setelah ditolak cukai, untung lagi. Kita sebagai Ahli Parlimen ada berapa, kita kira, berapa kerusi Parlimen kita. Kalaulah satu syarikat ini dia derma balik satu juta untuk satu Parlimen setahun, berapa banyak dah kita boleh selesai masalah rumah-rumah PPRT di kampung ini. Daripada depa pergi terbang kadang-kadang makan kuih pau pun pi London naik kapal terbang. Beli jet sendiri, hisap corot sebatang sampai RM500. Cuba ambil duit RM500 gulung, cucuh tengok, taubat dia tidak cucuh. Tapi tang corot tu dia cucuh. RM500 sebatang. Bau macam 'corot', di Sungai Petani cap ikan juga. Cuma kelas saja. Kalau hendak hisap itu kena pakai kot Tuan Yang di-Pertua. Bukan boleh pakai kain dengan singlet saja. Pasal RM500 sebatang. RM500 sebatang dia boleh cucuh, hak RM500 itu di kampung.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....sebulan dia boleh makan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ledang bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Ledang kawan saya. Sila.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jerai. Saya hendak tanya Jerai, rumah murah ini Tuan Yang di-Pertua sekarang harganya di antara RM25 ribu hingga RM35 ribu seperti yang disebut Ahli Parlimen daripada Kudat.

Memang sekarang saya difahamkan kajian telah pun dibuat oleh beberapa universiti bahawa teknologi baru boleh diperkenalkan untuk membina rumah-rumah murah dengan kos yang paling minimum antara RM10 ribu hingga RM15 ribu sahaja dengan teknologi terkini *prefabricated* dan sebagainya. Tetapi sebenarnya apabila saya bincang dengan kawan-kawan yang menyebabkan kos rumah murah menjadi bukan rumah murah ialah kos tanah, kos infra, kos tanah sahaja untuk makluman Tuan Yang di-Pertua tidak kurang RM10 ribu. Ia melibatkan 2 ribu kaki persegi. Kalau di bandar satu kaki mencecah harga tanah RM10 setiap kaki persegi, di situ saja sudah ada RM20 ribu. Jadi yang mahal tadi sebenarnya lebih kepada kos tanah, kos infra saja mungkin Yang Berhormat Jerai boleh cadangkan kepada kerajaan supaya kos-kos tersebut selain disubsidi oleh pembeli-pembeli yang tidak murah, iaitu rumah-rumah kos mahal dan sebagainya mungkin boleh ditanggung sedikit oleh pihak

kerajaan dan saya yakin ada beberapa negeri yang telah *adopt*, dengan izin kos ini seperti di Johor. Jika itu boleh berlaku saya yakin rumah murah boleh diturunkan paras harganya kepada harga yang minimum, yang mampu dibeli oleh orang ramai terutamanya yang tadi pegawai kerajaan di peringkat ke bawah ini mungkin mereka boleh pinjam duit daripada Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan untuk membeli rumah kos murah, tetapi pada masa yang sama juga rumah tersebut sesuai untuk didiami oleh mereka dengan kos yang mampu, dengan rupa bentuknya yang selesa tidaklah seperti yang berlaku sekarang, pernah saya sebutkan di Dewan yang mulia ini rumah murah, sudahlah tidak murah, pada masa yang sama juga amat tidak selesa, seperti di kawasan saya ada satu rumah murah dua tingkat, Yang Berhormat Jerai, mungkin di Jerai tidak ada.

Di Ledang ada rumah murah dua tingkat, tetapi antara ruang dapur dengan ruang tamu tidak ada dinding pemisah, tidak ada partition, dengan izin. Apabila saya bertandang ke rumah kawan saya, masuk ke ruang tamu nampak bilik airnya, dapurnya kerana tidak ada dinding sekatan. Dan seperti saya sebut dahulu kos untuk mengubah suai lebih mahal dari rumah murah, mereka sudahlah dibebani dengan harga rumah murah yang tidak murah, malah mereka masih juga menanggung repair, ubah suai rumah murah. Jadi, kita masih tertunggu-tunggu daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang akan mencadangkan garis panduan, pelan-pelan rumah murah supaya boleh diterima pakai dan dibangunkan oleh pemaju-pemaju supaya pelan tersebut apabila dibina rumah, selesa keadaannya dan harganya mampu dibeli, juga pada masa yang sama boleh disambung depan dan belakang dalam keadaan yang sewajarnya. Minta Yang Berhormat bagi Jerai penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu memang pandangan Yang Berhormat bagi Ledang yang jauh ke hadapan maknanya depa ada duduk dengan kawan-kawan berpakat untuk membantu kerajaan, hendak *design* semua itu. Apabila Yang Berhormat bagi Ledang bercakap tadi saya teringat, mungkin ini satu cadangan saya kepada kerajaan, syarikat-syarikat perumahan ataupun syarikat-syarikat swasta yang membuat rumah kos harga modal, dikecualikan daripada cukai daripada program projek perumahan itu, bagi *tax exemption* kepada mereka supaya kerajaan *contribute* sedikit, okey kerajaan tidak *taxkan* ke atas projek rumah kos rendah yang dibina ini, keuntungannya tidak ada sebab depa *sacrificed* bagi dengan harga yang minimum,



maka dikecualikan cukai daripada keuntungan program projek rumah tersebut. Ha, bagi depa *tax exemption*, pengorbanan kerajaan kepada mereka dan depa korban jugalah bagi kepada kerajaan, kepada rakyat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, Yang Berhormat, sila. Ini sudah lama baru *Backbenchers* bangkit, Yang Berhormat pembangkang, bagus. Sila, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Kita sudah bincang tentang 'Rumahku Syurgaku' dan setiap golongan manusia ini konsep 'Rumahku Syurgaku' ini sangat relatif bergantunglah kepada mereka daripada golongan yang mana. Golongan atasan sudah tentu mengidamkan rumah impian mereka dan bagi golongan miskin, golongan marhaen ini tentulah mereka memiliki tempat untuk berlindung. Saya lebih suka pada petang ini bersama berkongsi pengalaman dan pandangan dengan Yang Berhormat bagi Jerai tentang pembelaan kita kepada golongan miskin yang berpendapatan rendah ini.

Dalam aspek pengajian pembangunan manusia, dengan izin *human development*, ada suatu kaedah yang kita belajar iaitu tentang perumahan dan pendapatan manusia. Dalam aspek ini, apabila kita melihat bandar-bandar besar sebagai contoh di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain dan juga di kampung-kampung yang menghadapi masalah rakyat yang tidak ada lagi rumah ini, suatu konsep yang dikemukakan oleh pakar-pakar dalam *human development* ialah tentang rumah *nucleus*.

Rumah *nucleus* ini Tuan Yang di-Pertua, ialah sebuah rumah yang boleh didirikan oleh kerajaan dengan menyediakan rumah yang paling asas, inilah maksud rumah *nucleus* iaitu sebuah rumah yang kerajaan menyediakan tapak dan struktur dan rumah ini boleh diubahsuai mengikut keadaan semasa. Kalau si pemilik itu ada sedikit kewangan, dia boleh mengubahsuai rumah dia mengikut kemampuannya. Ini sangat praktikal kerana kos untuk membinanya hanya sekitar RM10,000 hingga RM15,000 dan mampu dimiliki oleh mereka yang benar-benar berhak mendapatkan rumah. Mengikut kajian ini pembayaran balik hanyalah sekitar RM100 hingga RM200.

Jadi saya rasa, pihak kementerian boleh mengkaji modul-modul ataupun cadangan-cadangan daripada pakar-pakar pembangunan manusia ini khususnya

memikirkan tentang perumahan dan penempatan manusia ini supaya hasrat kita untuk melihat 'Rumahku Syurgaku' ini akan dimiliki oleh semua rakyat Malaysia khususnya perjuangan kita iaitu orang-orang miskin dan pegawai-pegawai kerajaan peringkat rendah dapat memiliki rumah impian mereka.

Saya minta pandangan berkongsi pengalaman dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Memang, itu adalah satu pendapat dan pandangan yang baik dan kita pun dapat melihat apabila kerajaan yang membina rumah hari ini, terutama sekali untuk luar bandar, kita tengok rumah murah dulu, 10 hingga 20 tahun yang lalu, asalnya rumah kecillah, itulah syurga. Anak dia lima orang, enam orang depa duduk, kemudian bila anak itu berjaya dalam pendidikannya, dia pergi ke universiti dan balik bekerja, anak itu bagi sedikit, anak ini bagi sedikit, dia sambung dapur, dia sambung bilik air, dia sambung hujung, dia sambung tepi dan akhirnya rumah itu selesalah untuk ibu bapa dia. Akhirnya dia kutip lagi duit, himpun-himpun dan hantar pula ibu bapa pergi ke Mekah.

Jadi, yang pentingnya waktu sekarang ini, kita hendak memastikan bahawa macam yang saya cadangkan tadi, kalaulah sesebuah syarikat membuat rumah kos rendah bernilai katakanlah RM10 juta. Kos RM10 juta untuk kawasan perumahan kos rendah ini, minta kerajaan kecualikan daripada cukai keuntungan syarikatnya itu. Bermaknanya dia mendapat.....

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Yang Berhormat. Silakan, silakan Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Kita tahu bahawa setiap pemaju perumahan disyaratkan untuk membina beberapa jenis rumah dalam setiap skim perumahan mereka. Saya hendak mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai berkenaan dengan sesetengah pemaju perumahan yang disyaratkan membina rumah-rumah murah berserta dengan skim perumahan yang lain, rumah mewah, rumah teres dua tingkat, setingkat, apartmen dan sebagainya dan terdapat pemaju-pemaju perumahan yang sengaja melewati-lewatkan pembinaan rumah murah ini memandangkan bahawa pada pendapat mereka, rumah murah ini

tidak mendatangkan apa-apa keuntungan. Mereka menyiapkan rumah yang mewah ini, rumah yang sederhana, rumah yang cukup mendapat sambutan daripada pembeli dan akhirnya rumah-rumah murah ini tidak langsung didirikan.

Apabila skim itu telah selesai dibina, mereka tinggalkan saja skim perumahan tersebut tanpa mengambil kira kesusahan yang akan dialami oleh pembeli-pembeli rumah murah ini. Tambahan pula, Yang Berhormat bagi Jerai, terdapat pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab ini memperuntukkan lot bagi tujuan pembinaan rumah ini di kawasan-kawasan yang di belakang yang sudah tidak ada nilai komersialnya, yang di sebelah hadapannya itu dia peruntukkan untuk tujuan pembangunan rumah mewah, banglo, apartmen mewah dan sebagainya tetapi lot yang tidak ada nilai, yang hampir di hujung kampung, yang di tepi sungai dan yang di tepi jalan kereta api ini barulah diperuntukkan untuk rumah murah sebegini.

Jadi, saya memohon kalau boleh Yang Berhormat bagi Jerai memberi cadangan untuk diambil tindakan oleh pihak berwajib. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Ini pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab ...*[memandang ke arah tempat duduk pegawai-pegawai kerajaan]* kena tolong buatlah ini. Kita di Dewan Rakyat ini kita hendak lulus dah hak RM20 bilion ini, hendak tolong pegawai-pegawai kerajaan ini. Yang Berhormat bagi Hulu Langat minta supaya apabila kerajaan luluskan projek itu pastikan pertumbuhan perumahan itu seimbang, jangan buat hak orang kaya sahaja, hak orang miskin tidak buat. Maknanya yang ini terpulung kepada pegawai kerajaan, bila dia hendak luluskan *Certificate of Fitness* itu, dengan izin, dia kena pasti ikut, pasal apa hak rumah murah tidak buat lagi awak buat rumah orang kaya dahulu? Biar seimbanglah naik, bagi seimbang.

Kemudian dari segi lokasi ini, Yang Berhormat bagi Hulu Langat saya bersetuju. Mintalah sebab itulah, inilah yang sebenarnya budi bicara dan juga perasaan seseorang manusia itu.

Dia kena ingat, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya lalu di Kuala Lumpur, tengok rumah ya Allah, bukan main cantik. Kereta - garaj kereta itu boleh buat dekat 20 buah rumah kos murah di kampung. Bubuh kereta sahaja, bukan kereta mainan ini, kereta betul yang bayar *road tax*. Ini garaj kereta sahaja, pagar sudah tidak usah dikira lagi. Pagar itu pula boleh buat 20 buah rumah kos rendah di kampung saya. Bumbung tak usah kiralah tetapi tak apalah rezeki dia, kita hendak kata apa.

Cuma kalau dia tauke rumah, adalah perasaan sedikit. Anak-anak yang hendak main di padang bola dengan anak-anak orang kaya itu pun sama juga, kaki dua juga. Bukan dia kaki lebih anak orang kaya. Anak orang miskin kaki kurang – tidak, kaki dua juga. Cuma kencing manis dikerat kaki.

Kes kerat kaki, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercerita sedikit fasal tidur cukup lena. Tengok Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun dah lena. Kawan ini pergi main judi. Ketua Polis mai *raid*. Bila polis mai *raid*, orang semua lari, dia tidak lari. Polis tanya, “*Eh, awat awak tak lari? Awak samseng ya?*” Dia kata, “*Datuk tengok kakilah*”. “*Yalah awak ekslah, boleh jawab macam itu. “Tengok kakilah, Datuk.”*” Dia tarik seluar dia, rupanya dia kudung hendak lari macam mana?

**Ahli Dewan:** [*Ketawa*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ha, itu jaga Pasir Mas. Jadi saya minta kepada kerajaan hak yang kita lulus ini supaya memperingati bahawa, Tuan Yang di-Pertua, saya biasa dahulu bila mak, pak saya hendak beli rumah, masa itu pak saya pakai Kereta Ford Anglia. Ford Anglia yang cermin masuk ke dalam sedikit di belakang, pintu dua sahaja. Bawalah saya dengan emak saya serta adik saya. “*Jom, kita pergi tengok rumah yang hendak beli tu*”. Pergilah kami ini hendak tengok rumah. Punya seronok hendak beli rumah. Hak di kampung macam itu jugalah. Dengar kata hendak beli rumah kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, dia muat motor penuh *seat*. Hak dok atas raga depan, lain. Hak dok atas tangki minyak, lain. Hak pak bawa motor, hak mak dok belakang. Tengah mak dengan pak, kapit pula seorang lagi. Pi beramai-ramai hendak tengok rumah murah kerajaan hendak bagi kat depa itu.

Punya depa berasa seronok hendak dapat rumah. Itu dia nikmat, Tuan Yang di-Pertua. Nikmat orang yang susah bila dia dapat sesuatu, dia berasa cukup seronok. Sungguhpun rumah macam manalah kadang-kadang, tidak apalah, asal boleh tidur. Di serambi rumah itu kadang-kadang tidurlah berderet tarik kain selimut. Kepong dia bukan bercakap fasal ini. Kepong dia bercakap fasal hak yang tinggi-tinggi. Dia tidak bercakap fasal hal yang saya kata ini. Dia bercakap peratus (*percent*). Saya tidak bercakap fasal *percent*. Jadi ....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, Ketereh, sila. Ketereh baru balik umrahkah? Ha, patutlah kepala rambut pendek.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih. Saya bernazar buang rambut di Tanah Suci, itu yang rambut pendek sedikit. Terima kasih Jerai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik apabila Yang Berhormat bagi Jerai menyebut soal rakyat termiskin memerlukan rumah dan ia dekat dengan hati kita sebab kita wakil rakyat kampung. Kepong memang biasalah bincang fasal flat, fasal rumah mewah sebab dia orang bandar walaupun asalnya dari kampung. Dia tidak ingat asal usul.

Yang Berhormat bagi Jerai, yang jadi masalah sekarang ialah soal.... saya tidak risau sangat soal rumah orang yang boleh pinjam. Orang yang makan gaji dia boleh pinjam. Soal dia hendak pinjam banyak, dia hendak pinjam sikit, itu soal masing-masing sebab kalau sudah tahu pendapatan sedikit, janganlah cuba pinjam banyak. Burung merpati tidak boleh berdengki dengan ayam menyatakan kenapa saya burung merpati duduk *pigeon hole*, ayam, reban kamu besar. Begitu juga dengan kambing. Tidak boleh marah kepada kerbau kenapa kandang kamu besar, kandang saya kecil. Kerbau juga tidak boleh marah kepada kambing, kenapa kandang saya kotor walaupun besar tetapi kandang kambing tinggi dan bersih. Sebab itu memang sudah lumrah alam. Sudah dijadikan Allah begitu.

Yang menjadi *concern* kepada saya ialah soal orang miskin yang tidak boleh hendak pinjam. Orang miskin – PPRT, kumpulan yang tidak boleh pinjam. Yang ini kerajaan bagi subsidi – alhamdulillah, tetapi yang menimbulkan persoalan kepada saya Yang Berhormat bagi Jerai ialah, saya hendak bagi contoh di kawasan saya. Saya dah dapat kelulusan daripada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, terima kasih kepada Menteri [*Melihat ke arah tempat duduk Yang Berhormat Menteri*] Tidak ada. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri [*Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat Timbalan Menteri*] Pun tidak ada tetapi tidak apa pegawai dia ada. Terima kasih. Dia sudah bagi. Untuk kawasan saya, saya dah dapat daripada bulan empat lagi dah dapat RM600,000 untuk bina rumah rakyat termiskin tetapi dapatnya hanya sekadar dapat.

Kita pun ambil senarai. Kita pun cari nama. Kita pun pergi tengok, melawat tetapi pelaksanaannya sampai sekarang tidak berjalan. Bila ditanya kenapa? Soalnya ada jawatankuasa itu, ada jawatankuasa ini, ada masalah itu, ada masalah ini. Duitnya sudah ada. Kalau RM600,000 x 14 kawasan Parlimen di Kelantan, sudah RM3 juta. RM3 juta cukup banyak dan orang miskin ini kalau dapat rumah yang

RM12,000 ini, sebenarnya walaupun ia sarang merpati tetapi merpati berpuas hati kerana memang merpati duduk dalam sarang.

Jadi Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tekankan sangat soal *delivery system* yang ada. Duit memang dah ada tetapi kenapa payah sangat hendak keluar ini. Kepala paip ini kenapa tutup? Adakah masalah sesuatu ini? Tadi SPNB, sekarang yang termiskin pun jadi begitu. Saya minta supaya ini dilaksanakan dengan segera. Kalau boleh hujung minggu ini hendak balik, hendak tengok rumah itu dibuat dah. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Ketereh. Mungkin Yang Berhormat pun telah mendoakan di depan Kaabah supaya negara kita ini dimudahkan rezeki.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Saya turut berdoa menang Timbalan Pengerusi Tetap.

*[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ini seorang pemimpin yang wajar dan pandangan yang jauh ke depan. Memang betul, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita menganiyai orang-orang yang miskin ini, Tuhan akan membalas kepada orang yang bertanggungjawab. Apabila kerajaan sudah bagi peruntukan tetapi peruntukan ini tidak sampai kepada orang yang mengharap, orang ini sentiasa mendoakan kepada Tuhan supaya dapatlah kami rumah tetapi kerana kadang-kadang peraturan itu dan ini yang membuat kita menyusahkan, maka rakyat susah. Jadi bagi saya, kita niat masa kita buat kerja itu, kita kerja kerana Allah.

Saya sendiri Yang Berhormat sebagai wakil rakyat, saya tulis ini surat saya, saya berkhidmat kerana Allah, kerana saya buat kerana Allah, maka Allah akan menolong saya meringankan tugas saya, meringankan beban saya. Jadi setiap pegawai pun sedemikian rupa. Ingatlah, ini aku hendak tolong orang susah di kampung aku. Kalaulah ada sikit-sikit *red tape* itu ini, tidak usah, bubuhlah di sebelah. Niat kita dengan Tuhan, aku hendak tolong orang susah hendak beri dapat rumah. Insya-Allah, Tuhan akan angkat pangkat kita itu naik daripada kerani kepada *Chief Clerk*. Daripada *Chief Clerk* naik jadi eksekutif. Daripada eksekutif terus KSU, KSN apa semua. Nawaitu kita kena betul, kalau tidak rakyat akan marah kerajaan sedangkan kerajaan sudah bagi, "*Nah ambil duit*". Dah lulus dalam Dewan yang mulia ini belanjawan tetapi tidak kesampaian kepada rakyat.

Jadi, yang inilah saya hendak minta. Kesianlah pegawai kerajaan kepada kami ini orang politik. Kesianlah kami ini wakil rakyat, tidak tahan. Saya kalau mai di Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, telan Panadol hak aktif itu doktor Kepong. Kalau balik kampung, telan Ponstan – *pain killer*. Tidak tahan. Rayuan rakyat - susah. Jadi tolonglah kami sebagai pegawai kerajaan ini. Tolonglah kami tuan-tuan pegawai kerajaan. Adik-adik semua ini tolong doa, dok berjuang ini *[Memandang ke arah sekumpulan pelawat yang berada di galeri awam]*. .

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Labuan, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini Labuan. Sila Labuan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini kena rumah besar betul, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

*[Dewan gamat dengan ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Ini kalau tengok saiz, ada besar daripada saya lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya ini tidak ada besar sangat. Ada yang lebih besar daripada saya.

Saya hendak minta penjelasan sedikit. Tadi kita telah pun menyuarakan tentang pelbagai masalah yang kita hadapi berhubung kait dengan cara mana, bagaimana kita boleh membantu rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri dan kita juga telah mendesak SPNB, salah satu agensi kerajaan supaya bertindak proaktif ke arah menyelesaikan masalah kekusutan kita untuk memberikan rakyat ini rumah sendiri

Bersetujukah Yang Berhormat jika sekiranya di pihak SPNB sudah tidak ada lagi wang peruntukan untuk diguna pakai bagi memberikan pinjaman kepada Projek Rumah Mesra Rakyat ini, setujukah Yang Berhormat supaya kerajaan tanpa berlengah-lengah sebelum RM10 bilion yang akan diumumkan ini hilang bertaburan, diperuntukkan RM500 juta kepada SPNB khusus untuk Program Rumah Mesra Rakyat. Minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang betul kalau tak cukup kena tambah duit, Yang Berhormat bagi Labuan. Jadi, kalau kita kata dasar kita lulus, tahu-tahu duit tidak ada, dia hendak buat kerja macam mana. Siapa pun tidak boleh

buat main dengan duit, Tuan Speaker, main dengan duit. Jadi, saya mencadangkan macam ini, mungkin juga pihak-pihak bank ini dibuatkan satu konsortium untuk mereka *pool*kan peruntukan daripada semua bank ini, diadakan satu konsortium, kalau depa boleh buat konsortium untuk projek mega yang beratus-ratus juta tiga empat bank pakat bagi pinjaman, awat hangpa tak boleh pakatkah nak tolong puak-puak miskin ini, bagi orang miskin ini, *pool*kan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Boleh mencelah lagi Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Pasal Yang Berhormat cakap pasal bank ini. Saya geram dengan bank ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya nak tanya Yang Berhormat, bahagian Yang Berhormat bila mesyuarat? *[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Dah sanggup, *confirm*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay, berapa kali pun tak apalah. *[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, sebenarnya bank-bank komersial ini tidak perlu dia buat konsortium. Dia tidak ada masalah *liquidity*, dia tidak ada masalah soal dana. *Liquidity in the market*, dengan izin, untuk bank-bank komersial ini, Yang Berhormat, *I think surplus*, berlebihan. Cuma mereka tidak berminat memberi pinjaman kepada golongan yang berpendapatan rendah kerana kepada mereka *risk* pinjaman itu tinggi. *The chances of paying back* daripada mereka berpendapatan rendah ini mungkin *rationya* 70:30 – 70 tidak membayar, 30 membayar. Jadi, setujukah Yang Berhormat seperti yang saya katakan di awal perbahasan saya tadi bahawa bank-bank ini sudah tidak membantu lagi masyarakat terutamanya rakyat golongan berpendapatan rendah.

Bank-bank komersial kalau Yang Berhormat tengok dasar dia tidak bagi prioriti atau keutamaan bagi membantu yang namanya golongan berpendapatan rendah. Setujukah Yang Berhormat supaya kita meminta kerajaan memastikan dasar bahawa setiap bank komersial ini memberikan sekurang-kurangnya 5% daripada dana pinjaman yang mereka hendak agih-agihkan diperuntukkan kepada golongan berpendapatan rendah termasuklah pinjaman perumahan, pinjaman peniaga, pinjaman untuk penjaja dan sebagainya. Kalau tidak seperti Sri Gading kata tadi bawa 2 rol geran tanah pun dia akan minta kertas kerja. Nanti kalau hendak buat rumah kampung



pun dia akan minta arkitek punya pelan. Besok bayar arkitek lebih mahal daripada harga sebuah rumah kampung. Setujukah Yang Berhormat supaya kita minta kerajaan tunjuk bank ini supaya bantu golongan berpendapatan rendah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang Yang Berhormat, yang itu tanggungjawab sosial bank. Depa makan bunga, untung banyak dah. Setengah bank pakai konsep Islam, alhamdulillah. Saya tengok Bank Rakyat tiap-tiap tahun dia bayar zakat. RM2 juta dia bayar zakat. Sabit itu Tuhan bagi dia untung dan Bank Rakyat bayar dividen 15% kerana dia buat yang Islam suruh buat, untung bayar zakat, zakat ini hendak tolong orang susah. Doa orang susah Tuhan bagi bank itu berjaya. Orang yang melabur untung pula dapat 15%. Dalam keadaan gawat pun 14%, 15% dia bayar.

Bank-bank pun kena ingat hak yang tuang tak bayar hutang bank ini bukan orang marhaen ini, tak banyak. Yang tuang ini hak peniaga besar, hak pakai kot hak kain mahal-mahal, hak pakai kereta besar tu, hak pakai kereta Mercedes semua cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hisap corot RM500 punyalah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi Yang Berhormat kata hisap corot...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Corot RM500 [*Bercakap dalam bahasa Cina*] dengan izin, [*Ketawa*]. Hak ini yang dok tuang. Tak percaya buka akaun bank, *write-off million* depa ini. Sampai bank pula takut dekat depa. Bukan penghutang takut dekat bank, bank takut dekat penghutang. Kalau dengar penghutang ini demam dia pi beli ubat bagi, nah makan ubat, takut dia mati hutang tak bayar. Hak kampung ini tak usah kata bank, ceti lalu pun dia takut dah, dia malu.

Masa zaman dahulu tak ada Along, Tuan Speaker, ada ceti. Ceti dia pakai kain putih, dia lilit putih, dia pegang payung, dia gantung payung. Kalau panas baru dia buka payung. Ceti masuk kampung itu, tengok pi rumah siapa. Kalau rumah Badruddin, malu Badruddin itu hutang dekat ceti. Dia bukan buat apa, dia mai "Aya apa macam, pokok bunga sudah naik, bila mahu kasi bunga turun?" Dia tidak cakap banyak, itu cara ceti. Cara Along lainlah bukan? Ini Kepong boleh ceritalah.

Tetapi bank kena buat, saya setuju dengan Labuan. Labuan, jangan tidur Labuan saya dok cerita ini. *[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak lena. *[Ketawa]* Saya ingat Labuan lena. Bank kena fikir, sebab itu saya kata *pool the resources* yang ada bank ini kita buat satu konsortium untuk membantu kerajaan menyalurkan bantuan-bantuan ini kepada orang miskin. Dan hasil keuntungan depa banyak, apa salahnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Air warna hitam, semua air warna putih. Ayer Hitam bagus.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Jerai tadi bahawa kita tidak sepatutnya melihat soal keuntungan kalau kita hendak bagi rumah kepada orang-orang miskin. Masalahnya sekarang adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa NPL ini sebenarnya kalau kita buat secara perbandingan dengan orang-orang kaya yang buat perniagaan mungkin peruntukan kepada orang-orang miskin dari segi pinjaman perumahan itu amat sedikit sekali kalau dibanding dengan NPL dalam sektor perniagaan.

Jadi, apakah cadangan Yang Berhormat kepada SPNB bagaimana kita hendak mengatasi kekusutan ini kerana kita dapati banyak dari segi kelemahan penyampaian, tidak sampai kepada orang miskin. Apakah tindakan konkrit seumpamanya kalau kita boleh cadangkan kepada SPNB ini, kita sediakan sekian banyak peruntukan. Binalah rumah sekian banyak, mungkin 10,000, di mana. Kalau tidak, kita minta mensyaratkan mereka buat satu laporan *post-mortem*. Dengan cara ini barulah mereka serius dari segi sejauh mana kita mencapai matlamat kita untuk memastikan orang miskin itu memiliki rumah. Apakah komen Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh, itu paling baik sekali. Paling baik, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Kita percaya, saya ingat sebagai Pengerusi Eksekutif yang baru, Yang Berhormat, pertamanya tengok, cari duit, kemudian agih-agihkan mengikut negeri-negeri, kalau negeri yang banyak orang miskin, tambah. Hak yang kurang sikit bagi sama rata. Semua rakyat dapat. Kerana kita kena ingat di

Dewan yang mulia ini bila sesuatu pengumuman dibuat oleh kerajaan rakyat itu ternanti-nanti, macam menunggu buah yang tidak luruh.

Lani dia macam jadi orang susah, Tuan Speaker, dia jadi macam orang bisu kena gigit tebian. Dia bisu, tebian gigit dia, dia tidak tahu hendak cerita dekat orang, sakit macam mana, uukkkk...begitulah. Kebetulan orang susah, dia hendak pergi dekat siapa? Susahlah. Tengok pokok hujan dah susah. Biasa Tuan Speaker, saya pi tengok Mak Long, orang tua, semalam hujan, dia kata pindah rata penjuru rumah, sampai akhir sekali dia sandar di tiang pasal semua penjuru rumah dia bocor. Jadi, yang inilah saya walaupun kita berbasah pasal RM20 bilion bon untuk kerajaan, tetapi bon untuk orang miskin kena ada. Takut hak yang bon jadi 'James Bond' kita susah. *[Ketawa]* Kerana bon hak miskin ini kita tidak tolong dan dia jadi 'James Bond' susah kita. Kita tak mahu tengok rakyat Malaysia ini...

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** *[Bangun untuk keluar]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasakah Yang Berhormat? Hendak? Hendak balik, ingat abah hendak tanya pasal ini. *[Ketawa]* Tak apa, insya-Allah, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Lipis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Lipis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lagi sejuk.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jerai, bila kita bercerita tentang rumah memang rumah ini menjadi keperluan utama untuk sesiapa sahaja. Jadi, adalah menjadi hasrat kerajaan, saya percaya supaya rumah ini semua keluarga atau semua orang boleh mendapat rumah. Dalam konteks Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini, ia dikhususkan untuk pegawai-pegawai kerajaan, saya rasa untuk membuat pinjaman perumahan. Jadi, bon yang hendak dibuat oleh kerajaan ini kemungkinan besar untuk membiayai pinjaman pihak kerajaan yang telah dia ada supaya kita ada *liquidity*nya ataupun untuk memberi pinjaman kepada pegawai-pegawai kerajaan yang memerlukan rumah lagi pada masa hadapan supaya cukup pusingan modal untuk kerajaan memberi pinjaman kepada pegawai kerajaan untuk memastikan semua pegawai kerajaan daripada pangkat yang paling tinggi sehingga pangkat yang paling rendah boleh mendapat pinjaman kerajaan dengan segera.

Jadi, bersetuju atau tidak Yang Berhormat bagi Jerai untuk kita bertanya kepada Menteri Kewangan kalau tidak cukup ini kita tambah bon lagi supaya modal pusingan itu cukup. Sekian, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat, memang kalau macam Kepong kata, kita tadi bahas keluar dari tajuk. Tidak keluar dari tajuk .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong jawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Lipis. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau hendak pergi ke Lipis kena melalui Kepong, Tuan Yang di-Pertua, itu baru kita tala naik pergi ke Lipis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mungkin Yang Berhormat tidak dengar permintaan beliau.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat bagi Kepong dia tidak tidur. Dia bagus, dia tidak tidur yang dok tidur ini Bukit Gelugor fasal badan besar, dia cepat lena. Jadi Yang Berhormat kita berbincang hari ini walaupun kita ambil *point* daripada yang kita hendak RM20 bilion itu tidak apa sudah, tidak apalah pegawai kerajaan, besok boleh buat pinjaman dah, sedia borang semua *okeylah*. Kita sudah bersetuju ini, cuma macam Yang Berhormat kata tadilah, kita Ahli Parlimen pun bukan terah mana sangat, pinjaman perumahan Tuan Yang di-Pertua, tak terah mana. Tetapi tidak apa kita lilin, kita bakar diri kita untuk hendak bagi cerah orang lain tidak apa. *Loan* kereta pun terah mana, terah mana berapa puluh, setakat Wira sahajalah, Proton, tidak apa, tidak apa, yang itu tidak mengapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini semua bukan soalan dia. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, jadi Lipis, balik kepada Lipis, memang kerajaan dia lulus di atas anggaran. Dia kata anggaran, dia tidak fix, anggaran belanjawan negara bersabit dengan itu dia anggaran tambahan belanjawan dan sebagainya dan kita lulus di sini. Jadi bermaknanya, kalau tidak mencukupi maka kita boleh meminta kepada kerajaan ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sebenarnya tidak tepatlah, tidak apalah teruskan ucapan Yang Berhormat, jawapan memang tidak tepat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak Tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi saya memang mengikuti soalan Yang Berhormat bagi Lipis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau Yang Berhormat bagi Lipis hendak tambah apa-apa lagi? [*Ketawa*].

**Seorang Ahli:** Bera, Bera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, tidak mengapalah Yang Berhormat, Bera bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Bera. Inilah Tuan Yang di-Pertua, bila saya *emotional* fasal orang susah, kadang-kadang saya tidak boleh *concentrate*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat sudah cukup panjang.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Bera ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya rasa soal masalah pinjaman yang kita bincangkan, saya rasa bukan soal tidak ada kecairan ataupun tidak cukup wang dan sebagainya. Walau banyak sekalipun diluluskan, tetapi kalau pihak peminjam tidak sensitif kepada hasrat kerajaan untuk membantu pun tidak akan berjaya. Banyak dana-dana kerajaan yang diluluskan oleh kerajaan untuk membantu dalam perniagaan bumiputerakah, misalnya ada tabung yang diluluskan untuk membantu bumiputerakah, tetapi kadang-kadang apabila diberi kepada bank yang hanya bertugas untuk menguruskan pinjaman tersebut kadang-kadang didapati bank cara dia menguruskan itu seolah-olah dia menguruskan duit dia sendiri, payah hendak beri pinjaman dan sebagainya.

Jikalau ini berlaku berapa puluh bilion pun kita luluskan, kalau tidak ada *sensitivity* ataupun bank tidak faham tentang hasrat kerajaan untuk membela rakyat, saya rasa pun tidak akan berjaya. Jadi, setuju atau tidak Yang Berhormat kalau saya katakan, bahawa Yang Berhormat, setuju tidak kalau saya katakan bahawa bank perlu sensitif dan memahami hasrat kerajaan untuk membela ini barulah apa yang kita perkatakan pada hari ini akan berjaya, kalau tidak wal asal balik asal jugalah, walau banyak sekalipun perbelanjaankah apa benda pun yang kita luluskan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sebenarnya Yang Berhormat bagi Bera, apabila kita bercakap tentang pembelaan rakyat, sila-sila Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sila, ini banyak dapat menyelesaikan masalah orang miskin ini, pertanian, sayur apa semua ini, ya sila. Kita kena prihatin,

bertanggungjawab, amanah, ini amanah bila kerajaan memberi amanah, kita bercakap fasal amanah Bera, bila kerajaan memberi amanah kepada bank-bank hang tolong rakyat susah, kerana kerajaan dah dok tolong depa dah, bagi lesen banklah, bagi itu inilah, lembaga pengarah bank pula elaun berpuluh-puluh ribu, *entertainment allowance* sahaja pun berpuluh-puluh ribu, kereta percuma, pejabat percuma, semua percuma. Amanah ini kena dipikul, maknanya bila sudah kerajaan kata bank bagi, bagilah bantuan perumahan kepada yang miskin dan memang kita tahu Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pun depa tidak bayar. Bank dah kira *bottom line*, hang bayar tidak bayar faedah berjalan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)]\_**mempengerusikan Mesyuarat**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sampai tukar shift pun saya masih tidak habis bercakap lagi ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tidak mengapa ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terus, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila. Jadi amanah ini, harus dipikulkan bersama. Kemudian kadang-kadang hak yang meminjam pun kena bayar, ini juga amanah. Bila kita *sign*, kita *sign*, kita berjanji dan kita hendak bayar semuanya itu, kita kena bayar. Sebab itulah bila MARA bagi bantuan pendidikan, pinjaman pendidikan apa semua, saya biasa menjadi Ahli Lembaga Pengarah MARA, saya tengok sudah keluar kerja gaji beribu ringgit, tidak bayar ini hak pinjaman ini, atas alasan oh kerajaan ini, tetapi ingat bila kita berhutang, kita akan dihitung di akhirat kelak..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hutang bayarkah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat berhutang bayarkah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Insya-Allah, kalau elaun saya mai cukup bulan tidak potong, saya bayar semua. *[Ketawa]* Hak ini baru dapat ini, tiga

bulan ini, tiga bulan ini baru dapat elaun, budak-budak balik dah, biar cerita. Ini tidak mengapa, tiga bulan pun kita sabar, kita sabar.

**Seorang Ahli:** Zakat bayar tak?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hai, zakat kena bayar, Air Hitam pun tahu fasal zakat. Tidak tahu pula dia bayarkah atau tak bayar? ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia bayar cukai pendapatan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh, dia bayar cukai pendapatan, tetapi, ya Lipis, sila.

**Tuan Mohmad Shahrum bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pinjaman, saya rasa yang ini wang pinjaman perumahan, tidak ada masalah yang tidak membayar hutang, sebab yang meminjam ialah pegawai kerajaan dan mereka apabila sudah mendapat pinjaman ini, potongan dibuat melalui gaji. Hanya apa yang kita risaukan jika dia berhenti itu satu cerita yang lainlah, kita boleh dapatkan dengan cara yang lain. Jikalau mereka membeli rumah daripada pihak swasta, jika Bahagian Pinjaman Perumahan lambat mengeluarkan cek dan mereka dikenakan banyak faedah, jadi faedah itu mereka kena bayar sendiri, itu yang merisaukan sayalah, menyebabkan kadang-kadang mereka tidak boleh hendak membayar faedah itu.

Jadi, bersetuju atau tidak Yang Berhormat bagi Jerai, bahawa bila diberi pinjaman itu, faedah yang dikenakan kesan daripada kelewatan yang dibuat oleh Bahagian Pinjaman Perumahan itu dikira sekali termasuk sekali. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya sekali ini saya faham soalan Yang Berhormat. Sebab itu Yang Berhormat bagi Lipis, kita ada perbankan secara Islam. Yang ini, orang bukan Islam pun boleh ambil pinjaman, kalau Kepong, Air Hitam. Air Hitam dah pinjam dah. Jadi bermaknanya bunga tidak banyak. Itulah dalam Islam dia tidak beri makan bunga, tetapi berniaga pokok bunga, duit untung tidak apa, jangan berniaga makan bunga bank tidak boleh, jalan haramlah secara Islam. Tetapi kita ada perbankan Islam dan satu-satunya negara yang menjadi contoh kepada dunia begitu juga Dunia Islam tidakkah begitu Yang Berhormat, ya betullah itu bersetuju, yang Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan perbankan Islam.

Jadi, di sini soal faedah kerana kita akad jual beli ini di peringkat awal, mungkin kelewatan itu dan ini atas akad kita itu, dia tidak dikenakan faedah. Tidak begitu Yang Berhormat bagi Lipis? Jadi, saya berharap...

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila, Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Jerai dengan Pendang ini berjiran.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Berhubung dengan kelewatan sesuatu projek perumahan, Yang Berhormat bagi Jerai, sebelum itu terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Apabila sesuatu projek perumahan itu lewat disiapkan, maknanya orang yang membuat pinjaman itu terpaksa membayar balik pinjaman dan kebetulan kalau seseorang itu bekerja di tingkat yang gajinya rendah, maknanya dia terpaksa sewa rumah dan juga membayar balik pinjaman perumahan.

Jadi, apakah cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya kita pastikan mereka ini apabila rumah itu sudah siap, barulah potongan pinjaman perumahan itu dikenakan ke atas mereka. Maknanya mereka hanya bayar sewa sahaja, rumah ini bila sudah boleh duduk, baru dia bayar balik pinjaman perumahan itu. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun baru-baru ini telah mengatakan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk mencari jalan supaya bila rumah siap, baru jual. Macam kita buat kuih. Bila kuih itu sudah siap, baru orang beli. Kalau tengah dok buat, jangan bayar lagi.

Tetapi yang ini, saya difahamkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya bukan menterinya, saya difahamkan mereka sedang mengkaji supaya apabila rumah sudah siap barulah pembeli itu dapat membeli.

Pandangan Yang Berhormat bagi Pendang saya bersetujulah. Kadang-kadang tidak adillah kerana kelewatan disebabkan oleh pemaju. Dalam perjanjian itu sudah ditulis rumah itu siap dalam 18 bulan, tetapi tidak siap dalam 18 bulan, ia makan masa sampai 24 bulan. Jadi, potongan gaji itu sudah dipotong siap-siap.

Katalah gaji dia RM1,000. Dia dok sewa rumah dia sekarang ini RM200. Kemudian tinggal RM800. RM800 itulah hendak bayar api, air dan bela anak bini



semua. Kemudian dia kena potong pula pinjaman rumah, katalah RM200, jadi dia sudah keruk di sini RM200. Bermakna masalah bagi tuan yang beli rumah itu.

Saya bersetuju supaya perkara ini diambil kira sama ada pinjaman kerajaan atau pinjaman bank supaya jangan potong gaji lagi sebelum rumah itu siap. Bila CF rumah sudah keluar, dia tidak duduk, itu lain cerita. Bila CF keluar, potong gaji dia supaya dia dapat bayar balik.

Ini kadang-kadang cerdik juga, Tuan Speaker, yang hak dia duduk, duduk, yang hak sewa, sewa. Yang hak duduk setinggalan, Tuan Speaker, rumah sakan, kereta pun besar. Dia tidak mahu lari. Dapat rumah kerajaan, dia dok tunggu lagi, di sana kutip sewa. Kita pun cerdik, depa ini pun cerdik. Kita lagi cerdik pasal kita kerajaan. Ini berlaku, tetapi janganlah marah pula fasal perkara ini memang berlaku. Kerajaan bagi rumah, tidak mahu, hendak duduk juga di rumah setinggalan. Fasal apa, bukannya dia duduk, dia sewa. Ini masalah dia. Jadi, saya bersetuju.

Lagi satu saya minta, saya juga bertanya dengan pemaju-pemaju rumah ini, apa fasal *problem* banyak sangat. Dia kata, "Dato', selalunya bukan masalah *developer* ataupun pemaju perumahan, kadang-kadang Dato', banyak sangat *red tape*. Jadi, kami tidak boleh hendak percepat." Kadang-kadang pada permohonan asal itu, semua bersetuju fasal semua agensi kerajaan dok ada – bomba, Tenaga Nasional, api, air, jalan – semua duduk. Bila depa mula buat, mai satu ketika rumah siap, sudahlah *power station* tidak boleh masuk di situ ataupun *substation* tidak boleh guna. Tenaga Nasional tak dan hendak buat, kabel tidak adalah, yang itu yang ini. Jadi, *delay*. *Delay* depa taruk mai balik kepada orang yang buat rumah. Orang buat rumah pula sekarang ini ia ada Akta Perumahan, kena penalti dan sebagainya. Jadi, macam-macam.

Ini antara telur dengan ayam. Telurkah dulu atau ayamkah dulu? Jadi, dok fikir macam itu. Yang ini masalah. Saya minta pegawai-pegawai yang dok ada ini pun fikirilah bersama. Kami, wakil rakyat ini sudah tidak larat hendak fikir. Pening, tuantuan tolong fikir samalah.

Kadang-kadang dasar kita buat ini sudah cukup elok, tetapi fasal apa implementasinya itu tidak bagus, tang mana cacat celanya. Ha, tolong. Macam saya kata tadi, amanah semualah, daripada pegawai kerajaan, daripada wakil rakyat, daripada sesiapa sahaja, bila memegang sesuatu jawatan, amanah itu akan

dipersoalkan. Tidak kira sama ada dia kerja sebagai pegawai bawah ataupun pengarah dan sebagainya.

Di sini kita perlu ingat, kita tidak mahu melihat macam Amerika Syarikat, sebuah negara yang besar di dunia, yang berkuasa di dunia, yang kaya di dunia, yang segala-galanya milik mereka di dunia tetapi masih ada rakyatnya hidup di jalanan, masih ada rakyatnya hidup di bawah jambatan-jambatan dan masih ada rakyatnya yang menanggung penderitaan. Jadi, kita tidak mahu yang ini, Tuan Speaker.

Kita mahu supaya Malaysia yang sedang membangun ini kita tidak mahu melihat walau seorang pun yang dinamakan rakyat Malaysia ini hidup di bawah jambatan-jambatan, hidup di jalanan atau meminta sedekah di tepi-tepi jalan kerana ini akan mengecewakan kita sebagai sebuah negara yang membangun. Begitu juga kita dapat melihat kadang-kadang yang datang daripada luar negara menumpang cari makan di negara kita ini mendapat nikmat daripada kekayaan dan mereka boleh buat rumah di tanah-tanah haram dan sebagainya, rumah yang begitu besar dan indah, sedangkan rakyat kita menanggung penderitaan.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas dasar-dasar...

**Ir. Edmund Chong Ket Wah:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Sapi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Sapi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Sapi, apa khabar?

**Ir. Edmund Chong Ket Wah:** Khabar baik, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Berkenaan dengan CF ataupun *Occupation Certificate* (OC), bolehkah saya dapat pandangan Yang Berhormat bagi Jerai berkenaan dengan masalah ini. CF ini, dengan izin, *it is good to be certified by the consultant* untuk mempercepatkan kelulusan perumahan ataupun kuasa dipegang oleh majlis perbandaran. Boleh bagi pandangan? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Sapi. Batu itu batu, sapi itu lembu, betul tidak Yang Berhormat? Orang bilang sapi itu Batu Sapi dari Sabah itu. Memang inilah dasar kerajaan, Yang Berhormat bagi Batu Sapi kerana kerajaan hendak mempercepatkan masalah-masalah

ini. Ini lagi satu perkara yang timbul kepada amanahlah. Bermakna kalaulah sesiapa sahaja pun yang dipertanggungjawabkan, tetapi menjalankan tugasnya dengan penuh amanah, maka ia tidak akan menjadi masalah kepada rakyat dan kepada sesiapa pun.

Sekarang ini diserahkan kepada arkitek, Yang Berhormat ya, atau konsultan untuk meluluskan. Konsultan pun janganlah buat perangai pula. Ada sesuatu baru cepat, kalau tidak ada, lambat. Ini pun kita fahamlah, yang ini yang menjadi masalah. Kalau ada vitamin, dia cepat, Tuan Speaker. Vitamin tidak mai, depa lambat. Kadang-kadang masalahnya, dia mementingkan diri, hak yang menunggu menanggung kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri dan menggulung pandangan saya pada petang ini, sekali lagilah saya menaruh harapan yang cukup besar kepada pegawai-pegawai kerajaan yang menggerakkan jentera kerajaan, yang menghidupkan dasar-dasar kerajaan ini supaya bekerjalah dengan penuh tanggungjawab, dengan penuh amanah, dengan penuh semangat kasih sayang dan dengan penuh semangat ingin menolong melihat yang kurang berada itu, yang menaruh harapan itu dan yang miskin itu mendapat cita-cita mereka.

Sekurang-kurangnya mungkin kita tidak mendapat ganjaran di dunia sebagai seorang pegawai kerajaan yang bertugas, tetapi insya-Allah, di akhirat kita akan mendapat balasannya. Mungkin pada hari ini kita tidak mendapat, tetapi mungkin anak-anak dan cucu-cucu kita mendapat ganjaran daripada kerja baik kita untuk membela mereka yang memerlukan.

Dengan bon ini, saya percaya penuh pegawai-pegawai kerajaan akan berkhidmat dengan lebih bersemangat, taat setia kepada kerajaan kerana kerajaan melihat segala-galanya dan kerajaan menolong segala-galanya untuk kesejahteraan dan kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawab.

**4.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada ramai rakan-rakan Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dengan idea yang

baik, cadangan dan rungutan yang sangat baik diberikan dalam perbahasan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004 yang kita bentangkan ini.

Saya ingin menekankan bahawa pindaan kepada Akta Pinjaman Perumahan ini ialah untuk membolehkan kerajaan melaksanakan pensekuritian pinjaman perumahan, di mana selama ini pinjaman perumahan ini akan diberikan opsyen oleh kerajaan untuk menukarkan pinjaman perumahan yang dalam bentuk aset tidak mudah tunai kepada terimaan mudah tunai, secara *upfront* dengan izin dan akan dijadikan oleh pihak kerajaan sebagai kos untuk membiayai program-program pembangunan dan juga program pembiayaan perumahan sendiri dengan kos yang lebih rendah dan efisien.

Maka Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan dengan tabungan yang kita wujudkan ini insya-Allah yang selama ini dianggap sebagai statik dan beku tetapi boleh kita gunakan demi untuk kepentingan rakyat. Apa yang kita banyak bangkitkan dalam Dewan ini sebenarnya soal perumahan khususnya keperluan-keperluan kepada rakyat dan sebagainya. Jadi, insya-Allah saya percaya dengan perkara-perkara yang banyak dibangkitkan selama tiga hari, pegawai-pegawai kementerian juga penasihat kementerian pun ada, saya percaya insya-Allah akan dapat menggunakan tabungan ini bagi tujuan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, secara langsung pindaan ini tidak akan menjejaskan dasar dan strategi serta pelaksanaan perumahan kos rendah dan sederhana yang telah banyak diperbincangkan semasa sesi perbahasan. Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan menghargai isu-isu yang dibangkitkan mengenai perumahan kos rendah dan sederhana, insya-Allah Kementerian Kewangan bersama dengan kementerian yang lain dan agensi yang berkenaan akan meneliti segala pandangan dan cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tumpat telah membangkitkan mengenai implikasi penerbitan pensekuritian terhadap pasaran bon tempatan. Kerajaan tidak bercadang menerbitkan MBS bagi kesemua RM25 bilion dalam satu terbitan sahaja. Sebelum ianya diterbitkan kerajaan akan mengambil kira kedudukan pasaran seperti kadar kecairan pasaran tempatan, kos terbitan semasa dan terbitan bon oleh lain-lain pihak supaya tidak terdapat kesan *over crowding* dengan izin di pasaran tempatan. Ini akan dilaksanakan mengikut jadual dan dari masa ke semasa mengikut permintaan dalam pasaran. Di samping itu kerajaan juga akan memastikan

terbitan MBS ini sentiasa mewujudkan tanda aras yakni *benchmark* di pasaran bon tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, terbitan ini juga mempunyai risiko rendah memandangkan ianya berasaskan kepada aliran tunai dari pembayaran ansuran pinjaman oleh kakitangan kerajaan melalui potongan gaji. Oleh yang demikian ia akan mewujudkan kecairan dalam pasaran. Bon terutamanya bagi bon-bon yang mempunyai tempoh kematangan sederhana dan jangka panjang.

Mengenai kesan terhadap penarafan kredit negara, penerbitan ini tidak akan memberi kesan yang negatif malahan kerajaan menjangkakan terbitan ini akan memperolehi penarafan *triple 'A'* daripada agensi penarafan *Rating Agency Malaysian (RAM)* dan *Malaysian Rating Cooperation (MARC)*. Mengenai kesan terhadap peminjam perumahan kakitangan kerajaan, pensekuritian ini tidak akan memberi sebarang kesan terhadap mereka, terma dan syarat peminjam masih kekal termasuk kadar faedah pinjaman, tempoh bayaran balik dan had kelayakan.

Bagi Bahagian Pinjaman Perumahan pula, kedudukan mereka langsung tidak berubah dan fungsi mereka masih kekal sebagai penerima, pemproses dan pemberi kelulusan pinjaman kepada kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat dan Tanjong telah membangkitkan mengenai penggunaan hasil daripada pensekuritian ini. Hasil yang akan diterima dari setiap penerbitan pensekuritian ini akan digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan negara dan bukan sama sekali untuk membayar hutang-hutang kerajaan.

Saya memberi jaminan projek-projek yang akan dilaksanakan akan memberi faedah kepada semua rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah, juga apa yang kita bincangkan panjang lebar di Dewan ini untuk menyediakan prasarana dan kemudahan khususnya perumahan kepada rakyat.

Saya juga ingin menekankan bahawa kedudukan kewangan kerajaan pada masa ini adalah kukuh. Nisbah hutang Kerajaan Persekutuan telah berkurangan daripada 1.9% pada tahun 2003 kepada 0.6% yang dijangkakan pada tahun ini. Dari segi nisbah kepada KDNK, nisbah hutang luar Kerajaan Persekutuan juga telah berkurangan dari 9.5% kepada 8.2% dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat, Jasin dan Santubong yang telah membangkitkan beberapa isu berkaitan

dengan pinjaman perumahan kakitangan kerajaan. Mengenai tempoh kelulusan pinjaman, Piagam Pelanggan Bahagian Pinjaman Perumahan telah menetapkan bahawa tempoh bagi kelulusan pinjaman utama adalah 14 hari, bagi pinjaman kedua pula tempoh kelulusannya ialah 21 hari oleh kerana ianya memerlukan semakan ke atas kedudukan pinjaman pertama pemohon. Piagam Pelanggan ini akan hanya dapat dicapai sekiranya pihak peminjam dapat mengemukakan permohonan yang lengkap berserta dengan semua dokumen yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, setelah kelulusan diberikan proses pengeluaran bayaran ada kalanya mengambil masa memandangkan ianya melibatkan beberapa pihak seperti pemaju, peguam, pejabat tanah, mahkamah dan urusan pendaftaran milik gadaian dan penyerahan hak. Kelewatan mengambil tindakan oleh pihak-pihak ini adalah di luar kawalan Bahagian Pinjaman Perumahan dan merupakan faktor utama kelewatan.

Mengenai pinjaman perumahan kedua, pada masa ini kemudahan pinjaman kedua telah disediakan bagi perolehan rumah kedua dan kerja-kerja pengubahsuaian. Pada tahun 1999 kerajaan telah membenarkan pengambilan pinjaman bagi baki kelayakan. Pada tahun 2002 pula kerajaan telah membenarkan pinjaman kedua bagi perolehan rumah kedua berdasarkan kepada gaji peminjam dengan syarat pinjaman pertama telah diselesaikan atau baki pinjaman pertama tidak melebihi 1/3 dari jumlah pinjaman semasanya.

Kadar faedah pinjaman kedua ialah sebanyak 6% iaitu berasaskan kepada kos pinjaman kerajaan. Kadar ini adalah lebih rendah daripada kadar pinjaman perumahan institusi kewangan yang mengenakan pada kadar faedah berasaskan kepada kadar pasaran. Kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan berasaskan kepada margin di atas BLR. Pada masa ini BLR sebanyak 6% dan margin semasa sebanyak 0% sehingga 0.50%. Walau bagaimanapun, kadar BLR ini akan berubah mengikut keadaan pasaran, manakala kadar faedah perumahan kerajaan adalah tetap sepanjang tempoh pinjaman.

Mengenai gadaian kedua, mengikut peraturan sekarang, Bahagian Pinjaman Perumahan membenarkan peminjam memperolehi gadaian kedua tertakluk kepada kerajaan sebagai pemegang gadaian yang pertama. Bahagian Pinjaman Perumahan boleh membenarkan gadaian kedua kepada mana-mana institusi kewangan tertakluk kepada syarat institusi kewangan tersebut hendaklah bersetuju menjadi pemegang

gadaian kedua. Di samping itu, pinjaman dengan institusi kewangan tersebut hendaklah bertujuan seperti berikut:

- (i) untuk mencukupkan harga belian;
- (ii) untuk mengubahsuai rumah yang dibeli melalui pinjaman kerajaan;
- (iii) untuk membiayai kos perubatan peminjam; dan
- (iv) untuk membiayai kos pengajian anak-anak peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar perbincangan mengenai akta ini, telah ditumpukan kepada peranan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dalam menyediakan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah.

**Puan Lim Bee Kau:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Padang Serai bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila, Yang Berhormat.

**Puan Lim Bee Kau:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Di sini saya ingin mendapat sedikit penjelasan berkenaan dengan kelewatan pihak kementerian memberikan bayaran pinjaman kepada pemaju. Kita dapati kadang-kadang dalam kontrak ataupun perjanjian, pembeli kena buat bayaran bila CF keluar. Kita dapati ada banyak masa, bayaran daripada kementerian agak lambat dan pemaju telah cajkan *interest* dan peminjam itu, kebanyakan mereka kena tanggungkan *interest* ini. Jadi, kalau ikut ini, kelambatan itu bukan daripada pihak peminjam tetapi adalah kerana pihak kementerian.

Saya difahamkan bahawa pada masa dahulu apabila ada kelulusan dan CF sudah boleh beri bayaran, tetapi sekarang *Treasury* pelukan geran ataupun *tittle* sebelum bayaran dapat dikeluarkan. Jadi ini telah menyebabkan kelambatan berlaku dan peminjam kena tanggung *interest* ini. Sepatutnya kalau kelambatan itu daripada pihak kementerian, pihak kementerianlah yang patut menanggung *interest* ini. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih di atas pertanyaan wakil Padang Serai. Sebenarnya, kita sendiri tidak izinkan perkara itu berlaku, kemungkinan saya tidak tahu, ini mungkin kes-kes yang berbeza, kemungkinan berlaku caj belum selesai ataupun sebagainya, sebagaimana yang saya bangkitkan

tadi. Tetapi, sekiranya berlaku secara sengaja, saya percaya perkara ini boleh kita bangkitkan supaya tidak dibebankan kepada pembeli di atas sesuatu kelewatan, khususnya kepada pihak Bahagian Pinjaman Perumahan.

Saya percaya ini boleh kita tumpukan Yang Berhormat, sebagai perkara khusus untuk diselesaikan. Tetapi pada dasarnya saya percaya pihak Bahagian Pinjaman Perumahan, kelewatan yang berlaku, sama ada untuk membayar pinjaman dan sebagainya, sebagaimana yang saya katakan tadi, perkara-perkara yang teknikal, khususnya belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perbahasan ini tidak secara langsung berkait dengan pindaan akta yang kita cadangkan, saya percaya, saya akan menjawab isu-isu utama yang telah dibangkitkan khususnya bagi membantu Syarikat Perumahan Negara, tidak adil kepada kita untuk kita bebankan kepada syarikat ini semata-mata, walhal saya percaya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peranan Syarikat Perumahan Negara di dalam peranan yang singkat, membangunkan dan juga memulihkan keperluan rakyat kepada perumahan di negara kita ini sangat membanggakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman kita semua peranan utama Syarikat Perumahan Negara yang ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 dan operasinya hanya bermula tahun 1998, bermakna pada tahun ini baru sekitar enam tahun syarikat ini beroperasi dan kita lihat di antara peranan utama syarikat ini ialah untuk bertindak sebagai pemaju perumahan dan menyediakan perumahan yang mampu untuk dimiliki oleh semua rakyat berpendapatan rendah.

Peranan ini tidak bertindih dengan peranan Jabatan Perumahan Negara yang membina rumah untuk disewa. SPNB bertanggungjawab khususnya:

- (i) untuk membina rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana di bawah RM100 ribu seunit;
- (ii) sebagai ejen pelaksana untuk menyiapkan projek-projek perumahan terbengkalai;
- (iii) melaksanakan skim Perumahan Mesra Rakyat. Ini yang paling popular di Dewan kita ini, iaitu untuk membina dan menyiapkan rumah di atas tanah milik pemohon atau tanah yang diberikan



kebenaran kepada pemohon oleh keluarga terdekat dengan kos yang rendah bersama subsidi kerajaan;

- (iv) membeli rumah kos rendah yang telah siap dan tidak terjual dari pihak pemaju swasta untuk disewakan kepada bekas kakitangan kerajaan dan balu, yang banyak dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, termasuk tentera dan polis, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah, pada kadar yang paling minimum, iaitu sebanyak RM50 sebulan dan diberi pilihan kepada mereka untuk membeli unit berkenaan dalam tempoh tiga tahun; dan
- (v) membina rumah kuarters untuk tentera dan polis.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperjelaskan sedikit mengenai program Rumah Mesra Rakyat, kerajaan telah menyediakan *grant* sebanyak RM100 juta kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad bagi membina sebanyak 2,656 unit rumah untuk keluarga miskin. Tuan Yang di-Pertua, maksud 2,656 ini adalah dengan kadar sebuah rumah RM40,000, *grant* RM100 juta, bermakna 2,656 unit.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 16,000 borang telah diedarkan oleh SPNB dan pihak SPNB telah menerima balik, daripada 16,000 pengedaran borang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ADUN-ADUN dan sebagainya, sebanyak 4,000 borang diterima balik oleh SPNB. Dari jumlah ini, sebanyak 1,000 permohonan telah diluluskan, sementara 1,400 ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di samping itu, sebanyak 1,700 permohonan sedang di dalam pertimbangan, tertakluk kepada dokumen sokongan seperti geran tanah, surat penjamin, akuan berkanun yang diperolehi, kebenaran tuan-tuan tanah kepada pemohon dan sebagainya. Memandangkan SPNB telah pun memenuhi sasaran bilangan unit yang ditetapkan dan masih lagi terdapat sebanyak 12,000 borang yang masih belum dikembalikan, maka pengedaran borang baru terpaksa dihentikan sementara. Bagi borang yang belum dikembalikan, SPNB akan tetap memprosesnya untuk dipertimbangkan.

Jadi, inilah masalah yang dihadapi oleh SPNB, tetapi saya percaya, apa yang kita bangkitkan di dalam Dewan ini, ia akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan,

mudah-mudahan dengan kelulusan pensekuritian akta ini, dengan modal yang ada, pihak kerajaan akan menambah peruntukan untuk, barangkali *grant* yang seterusnya bagi syarikat ini, saya percaya sebagaimana yang kita bangkitkan, walaupun kita telah melantik Pengerusi Eksekutif pada syarikat ini di kalangan Ahli Yang Berhormat, tetapi saya percaya kalau tabungan itu tidak ada, maka jumlah 2,656 unit itu sendiri tidak akan bertambah, tidak akan dapat kita tambah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Silakan, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Orang muda, insya-Allah, MKT boleh menang. Cuma saya hendak tahu Yang Berhormat, daripada tinjau balas ataupun borang-borang yang telah dihantar ini, adakah Yang Berhormat sedar juga bahawa ada peraturan-peraturan yang diberi kadang-kadang menyusahkan, iaitu tidak boleh, contohnya, tanah. Tanah itu kadang-kadang, maklumlah tanah keluarga, emak bapa dia beri sepenjuru untuk buat rumah, tetapi tanah itu perlu dipegang oleh pihak syarikat perumahan dan sebagainya.

Jadi, ini menimbulkan masalah kepada pemohon-pemohon yang berkemampuan untuk membayar balik, tetapi tidak mempunyai tanah dan menumpang tanah-tanah keluarga ataupun tanah ibu bapa mereka.

Lagi satu tentang ada juga masalah yang saya terima, dia ini bekerja di LPN ataupun BERNAS, bekerja sebagai buruh am ini, BERNAS tidak memberi pinjaman. Jadi kerana dia bekerja, walaupun pendapatannya tidak besar tetapi dia bekerja, gaji pekerja am atau buruh awam ini tidak layak untuk mendapat pinjaman ataupun bantuan rumah mesra rakyat ini. Jadi apakah boleh pihak kementerian Yang Berhormat untuk menasihati atau kaji balik peraturan-peraturan yang telah kita persetujui itu supaya dikaji semula, memastikan bahawa jangan di satu pihak kita bersetuju untuk meluluskan, di satu pihak lagi kita mengetatkan peraturan-peraturan yang menyusahkan pemohon-pemohon.

Tadi saya dengar di luar, Yang Berhormat mengatakan bahawa peruntukan tidak mencukupi. Jelas yang kita bahaskan tadi bahawa Syarikat Perumahan Negara perlu *diinject* dengan peruntukan yang bertambah. Mungkin boleh saya cadangkan supaya bukan kerajaan yang faham individu itu, minta bank-bank pun sama untuk membantu. Macam yang saya cadangkan tadi, beberapa konsortium untuk membantu SPN untuk membereskan. Maksudnya jangan ada kuota, selagi ada permohonan yang layak kita bagilah seolah-olahnya macam Syarikat Perumahan Negara Berhad ini juga menjadi macam pinjaman perumahan untuk menjalankan aktiviti ini. Jadi, adakah Yang Berhormat boleh memperjelas dan mencadangkan kepada pihak kerajaan ini?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat yang kedua itu sebenarnya semua kita mencadangkan supaya peruntukan sama ada dari kerajaan ataupun sumbangan dari pihak lain akan ditambah kerana program rumah mesra rakyat ini memang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Apa tidak Yang Berhormat, rumah 1,000 kaki persegi, harga RM40,000 disubsidikan pula sebanyak RM9,333. Kalau kita bandingkan dengan kos-kos rumah yang lain, saya percaya Yang Berhormat, ia memang sangat menarik. Sebab itulah kita semua menjadi kelam kabut di atas perkara ini tetapi Yang Berhormat, saya setuju sebagaimana yang kita bangkitkan tadi, tanah merupakan tanah pemilik, maka kalau kita lihat kekurangan kos di sini adalah di atas tapak tadi, rumah-rumah kos murah kita terpaksa membayar tapak ataupun menambun kalau tapak itu dulunya termasuk dalam kos yang tinggi dan sebagainya.

Jadi, saya rasa dari segi Syarikat Perumahan Negara mereka perlu meneliti soal pemilikan tapak ini barangkali kalau dilihat syarat yang ada pada hari ini terlalu ringan di mana tapak ini tidak perlu dicagar kepada kerajaan tetapi hendaklah diserahkan kepada kerajaan. Walaupun begitu, ada juga tapak ini bukan didaftarkan atas nama pemohon tetapi pemohon hendaklah bekerja kuat sedikit untuk mendapatkan kebenaran. Barangkali di atas geran tapak berkenaan mempunyai nama yang banyak ataupun lebih daripada satu, maka kebenaran daripada tuan-tuan tanah ini sangat perlu diberikan kepada peminjam supaya insya-Allah dengan keadaan hari ini mungkin kebenaran diberi. Tetapi mungkin selepas tiga tahun arahan keluarga terdekat daripada tuan tanah berkenaan mungkin dengan melihat rumah cantik, rumah lebih daripada tuan tanah, mungkin arahan supaya dihalau ataupun dirobuhkan rumah berkenaan, ini satu masalah.

Jadi Yang Berhormat, sebab itulah pihak SPNB memerlukan akuan berkanun dengan Pesuruhjaya Sumpah dan sebagainya. Jadi kalau kita bagi ringan sangat pula, siapa tidak hendak ringan tetapi Yang Berhormat, ringan itu kita juga yang susah di belakang hari. Jadi antara kelayakan lain, kriteria lain.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu lagi penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu tidak apalah, kita jangan bagi kerajaan susah, rakyat susah. Maksud saya tadi, mungkin tanah itu tanah bapa dia, jadi dia hendak beri pada anak dia. Saya bersetuju maknanya bapa itu kena buat persetujuan dan sebagainya bahawa tanah ini dibenarkan, takut jadi pusaka, jadi masalah. Tetapi yang tadi Yang Berhormat kata tidak perlu dicagar kepada kerajaan tetapi dipegang oleh kerajaan. Pegang dengan cagar, sama maknanya [*Ketawa*] Jadi bapa dia kata, aku hendak bagi anak aku tumpang tanah, tanah aku hangpa buat apa? Dia tidak faham. Jadi ini yang saya katakan masalah tadi. Hak yang satu ini kita boleh bagi dengan syarat setuju. Depa pun pergilah pejabat Pesuruhjaya Sumpah dan sebagainya, setuju penjuror tanah ini diberi kepada si anu bin si anu untuk buat rumah.

Kemudian Syarikat Perumahan Negara kata sudah setuju, gerannya mana? Kita hendak ambil simpan. Orang tua itu tidak bagi, orang tua Yang Berhormat oi, tanah yang sekangkang kera pun gerannya disimpan bawah tilam, punya bererti bagi depa. Kadang-kadang tambah geran hendak ambil bagi orang simpan, Allah, Yang Berhormat, dia tidak bagi. Jadi yang inilah bermasalah. Jadi bolehkah atas persetujuan, cukuplah, pi mai pun bapa dia dok tang situ, pusaka pun tang situ, kalau dia tidak bayar, mungkin abang atau adik boleh tolong bantu, akhirnya kalau dia tidak setuju dia jual kepada abang atau adik dia pula. Jadi pakatan macam itulah pada pandangan saya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya percaya Pengerusi Eksekutif kita mencatat cadangan itu dan saya percaya pertolongan boleh kita berikan bersama dan dalam perbincangan sama ada yang paling tepat saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat menjelaskan dengan sejelajelasnya supaya orang-orang kita ini faham akan kepentingan bersama.

Saya percaya di pihak pegawai, mereka melaksanakan tugas yang kita gariskan, yang kita luluskan di sini atau peraturan-peraturan yang kita beri kepada mereka untuk melaksanakan.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Temerloh bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila Temerloh.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang rumah kos rendah. Biasanya bila mereka membeli rumah kos rendah ini kita gazetkan dia tidak boleh jual. Dari satu segi memang baik, kita tidak mahu dia dapat rumah lepas itu sewenang-wenangnya dia jual. Tetapi bagaimana kalau harga rumah itu meningkat ataupun naik?

Saya kira kita boleh berikan kelonggaran, Yang Berhormat, supaya kalau harga rumah itu naik dan dia hendak jual kerana hendak beli rumah lain yang lebih baik atau dia hendak jual hendak gunakan keuntungan daripada jualan rumah itu untuk hantar anak dia pergi belajar ke universiti dan sebagainya, saya kira kita boleh beri sedikit kelonggaran. Kerana apa, Yang Berhormat, Kalau tidak, kita menghadkan rakyat Malaysia ini, orang yang berpendapatan rendah ini terutamanya untuk dia meningkatkan tahap penguasaan hartanya. Sedangkan kalau orang itu beli rumah kos sederhana, kalau harga naik, dia boleh jual kemudian dia beli rumah yang lebih baik lagi. Tetapi yang berpendapatan rendah ini kita sekat, bila harga naik, kita tidak bagi jual.

Pada saya, kalau harga naik kalau dia hendak jual kerana dia hendak beli rumah yang lain yang lebih baik atau dia hendak gunakan keuntungan daripada jualan rumah itu untuk hantar anaknya pergi belajar ke universiti, sekolah dan sebagainya, saya kira kelonggaran perlu diberikan. Itu cadangan daripada saya, terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Cadangan yang baik daripada Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya percaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengambil kira soal ini. Soal Syarikat Perumahan Negara ini, saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam kita memandu syarikat ini supaya lebih berkesan, saya ingin maklumkan bahawa syarikat ini telah pun berjaya dalam tempoh yang pendek, enam tahun. Saya percaya dalam laporan yang diberikan

kepada saya sehingga 30 Jun hampir seluruh negeri melibatkan 22,738 unit rumah murah dan sederhana yang berkualiti setelah dibaik pulih, dibeli dan juga diselesaikan oleh syarikat ini.

Saya hendak maklumkan juga ini sebagai tabung, RM500 juta daripada pinjaman Kumpulan Wang Amanah Pencen di negara kita. Jadi kita peruntukkan sebanyak RM500 juta kepada Syarikat Perumahan Negara dan mereka gunakan dengan tahap keuntungan yang minimum, membina dan juga membaik pulih rumah-rumah murah ini dan dijual kepada mereka yang mampu dan saya percaya rumah-rumah yang dijual oleh syarikat ini sebenarnya bukan rumah murah tetapi kalau dibandingkan dengan pemaju swasta, sebagai rumah sederhana ataupun rumah yang baik dengan keluasan yang agak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ulang sekali lagi kriteria di bawah Skim Rumah Mesra Rakyat. Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun maklum, mereka yang layak untuk dikategorikan sebagai penerima ataupun boleh memohon di bawah skim ini adalah terdiri daripada nelayan, petani, peladang dan juga golongan yang berpendapatan rendah atau tidak tetap. Bermakna apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, pekerja dengan kontraktor Bernas yang disahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya boleh kita bangkitkan, kalau ada syarat-syarat yang lain. Bermakna, yang tadi boleh - jangan mereka berpendapatan tetap dan mempunyai skim pinjaman-pinjaman yang lain.

Yang kedua, tidak mempunyai rumah sendiri; yang ketiga, mempunyai rumah yang usang atau tidak sempurna; yang keempat, mempunyai tanah yang belum dicagarkan; yang kelima, jika tanah bukan kepunyaan pemohon, ia mestilah mendapat kebenaran daripada tuan-tuan tanah yang berkenaan; yang keenam, berkeluarga atau ibu tunggal – keluarga lebih besar lagi tinggi *priority*, keutamaan diberi; yang ketujuh, warganegara Malaysia dan berumur tidak melebihi 65 tahun. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat ....

**Tuan Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Bentong bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila Yang Berhormat bagi Bentong.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak minta penjelasan sedikit berhubung dengan syarat-syarat yang telah dinyatakan tadi. Dinyatakan bahawa apabila tanah itu adalah tanah sendiri, bagaimana pula kalau ia tanah peneroka – di FELDA, di mana tanah yang diperoleh itu masih lagi dibayar kepada FELDA dan tidak ada geran. Adakah kementerian boleh meluluskan? Tetapi itu memang tanah milik peneroka tersebut, tanah kosong dan rumah belum dibina. Mereka termasuk dalam kategori yang disenaraikan tadi tetapi bolehkah tanpa geran tanah, bolehkah kementerian pertimbangkan untuk meluluskan Rumah Mesra Rakyat ini?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan itu tanah milik FELDA, belum diserahkan kepada peserta, kosong? Saya percaya ia tidak layak untuk skim ini, kecuali FELDA berikhtiar mengeluarkan *title* sementara kepada pihak berkenaan. Ini adalah urusan antara FELDA dengan Pejabat Tanah. *[Disampuk]* Ya, ya.

Saya ingin ke belakang sedikit mengenai persoalan rumah murah yang tidak boleh dijual seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh sebentar tadi. Sebenarnya bagi perumahan yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara, ia boleh dijual selepas lima tahun, Yang Berhormat.

Saya sahkan tanah FELDA, mengikut pegawai kementerian, tidak boleh dikategorikan di bawah skim ini kecuali setelah diberi hak milik oleh Pejabat Tanah, sama ada sementara ataupun kekal.

Dari permohonan yang telah diterima, kebanyakan daripada mereka yang tidak memenuhi kriteria ataupun syarat-syarat di atas sebagaimana yang saya sebut tadi, sebagai contohnya, di Parlimen Sri Gading, permohonan yang diterima adalah sebanyak 34 permohonan. Terima kasih di atas kerjasama Ahli Parlimen Sri Gading dan ADUN-ADUN barangkali. Daripada 34 permohonan ini, yang layak hanya 9 sementara yang gagal memenuhi syarat-syarat, tidak cukup syarat dan sebagainya adalah 15. Sementara 10 lagi permohonan belum menyediakan dokumen yang lengkap.

Bagi 15 permohonan yang tidak memenuhi kriteria, antara sebab-sebab penolakan yang diberikan kepada mereka, antaranya adalah tidak mendapat pelepasan tuan tanah – 5 kes; pemohon mempunyai pendapatan tetap, boleh memohon di bank ataupun sebagainya – 5 kes; terdapat kaveat dalam hak milik

berkenaan - kaveat, maknanya ada kepentingan pihak lain – 2 kes. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hendak minta penjelasan. Apakah pula pilihan bagi mereka yang tidak mencukupi syarat di bawah program Syarikat Perumahan Negara, apakah kita membiarkan mereka begitu sahaja atau mereka ada pilihan lain untuk mendapatkan rumah? Misalnya, mungkin kerajaan mempunyai program-program yang lain sebab matlamat kita, sasaran kita ialah memberi rumah. Jadi, apabila ada pemohon yang tidak ada kelayakan untuk sistem sebegini, apakah kerajaan mempunyai alternatif lain ataupun cara lain untuk kita boleh menyediakan rumah-rumah kepada mereka yang memerlukan rumah? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sungguh-sungguh prihatin – tidak boleh cara ini kita guna cara yang lain. Sebenarnya apa yang kita jelaskan ini ialah peranan Syarikat Perumahan Negara di bawah skim ini – Skim Perumahan Mesra Rakyat, di mana RM100 juta diperuntukkan. Syaratnya adalah begitu tetapi kita harus sedar bahawa Kementerian Kewangan melalui kerajaan kita, telah menyediakan banyak program untuk perumahan rakyat. Yang paling daif – langsung tidak ada apa-apa - tanah tidak ada, ihsan sahaja ada, kita bina rumah PPRT melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan sebagainya.

**Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada tiga yang bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sebenarnya saya belum habis menjawab persoalan Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia abang, dia abang

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Jawab dulu yang belum habis.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Kita habiskan menjawab persoalan Yang Berhormat bagi Kinabatangan sekejap. Boleh Yang Berhormat bagi Kalabakan? Dan skim perumahan ini banyak, bermula dengan yang paling daif kita membaiki rumah. Kita masih ingat sejumlah RM5,139 bagi membaiki rumah-rumah



daif, orang termiskin. Yang kedua, kita membina rumah baru di bawah skim PPRT yang walaupun kita rasa pada kita yang rumahnya selesa tetapi pada mereka RM10,000 - saya lupa berapa, lebih RM10,000, amat selesa walaupun pada kita mungkin sebatang tiang rumah kita tidak sesuai untuk dibina dengan kos yang sebegitu rupa tetapi ini diberi secara percuma oleh kerajaan kepada rakyat, ini menyeluruh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh sambung sedikit?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan. Walau bagaimanapun, kita dukacita sedikit sebab untuk skim perumahan PPRT dan sebagainya ini, kerajaan tidak mencukupi kewangan. Jadi, persoalan saya, adakah kerajaan mempunyai cukup kewangan? Kalau cukup, apakah langkah-langkah untuk memberi peruntukan yang lebih banyak, khususnya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebab di Kinabatangan sahaja kita mempunyai permohonan yang bertahun-tahun tertangguh. Satu tahun kita pohon 80 rumah, kita hanya dapat 10 rumah, ini tidak menyelesaikan masalah. Jadi apakah sistem kerajaan yang ada ini? Kalau ada peruntukan salurlah sebab masalah kita ialah kewangan. Apakah kerajaan ada kewangan yang cukup untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu saya pandang ke belakang saya lihat pegawai kanan kementerian masih ada, penasihat kementerian masih ada, kita bentangkan rang undang-undang pada kali ini untuk kita dapatkan pencairan daripada skim pinjaman perumahan itu sebanyak RM25 bilion. RM25 bilion ini, kalau sebelum kita pinda akta ini, dia duduk dalam Wang Pinjaman Perumahan, tidak boleh diusik untuk program-program lain tetapi sekarang kita jual dalam bentuk bon. Bermakna RM25 bilion ini kita pindahkan daripada 25 tahun kepada *upfront* menjadikan tabungan yang kita cairkan.

Perkara yang kedua, di bawah seksyen 4A akta ini juga kita pindahkan wang ini daripada Tabung Perumahan kepada Tabung Kira-kira Wang Negara yang boleh diurus oleh kementerian dan juga kerajaan bagi pembangunan sebagaimana yang saya katakan tadi. Sangat tepat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada hari ini dan saya percaya pegawai kementerian amat prihatin, boleh kita tambah peruntukan khususnya bagi program pembangunan perumahan ini yang perlu kita

bangunkan di seluruh negara dengan keperluan yang lebih, saya percaya Syarikat Perumahan Negara lagi senang.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Inilah matlamat dan juga program akta kita pada pembentangan kita kali ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak bagi yang mana?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat bagi Kalabakan dulu, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kalabakan. Yang lain sila duduk.

**Dato' Abdul Ghapur bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat mengatakan Program Rumah Mesra Rakyat ini diperuntukkan sebanyak RM100 juta. Ini kita boleh menampung untuk pembinaan 2,600 buah rumah sahaja. Jadi kita telah pun edar sebanyak lebih 10,000 borang – 1,000 sudah di okey, 1,400 ditolak, 1,700 dalam pertimbangan.

Jadi RM100 juta sudah habis, bolehkah Yang Berhormat terangkan dari mana peruntukan yang kita mahu dapat nanti kerana saya fikir bon bernilai RM25 bilion ini nanti belum pasti boleh dapat disalurkan kepada Syarikat Perumahan Negara, berapa banyak kita tidak tahu dan kemudian bon ini pula untuk kerajaan, bukan untuk Syarikat Perumahan Negara. Kita di sini sudah *confused*. Kita kata pada mulanya yang RM25 bilion ini, sekurang-kurangnya RM5 bilion mahu diberi kepada Syarikat Perumahan Negara tetapi nampaknya Syarikat Perumahan Negara tidak ada kewangan – RM100 juta sudah habis. Jadi berapa banyak lagi kewangan yang harus disalurkan kepada Syarikat Perumahan Negara. Kalau tidak, mungkin kita di sini mengeluh dan meminta, macam-macam dicadangkan, Syarikat Perumahan Negara tidak ada kewangan. Jadi kita minta penjelasan yang sejelas-jelasnya. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Kalabakan. Sebenarnya inilah kebijaksanaan pegawai-pegawai di kementerian melihat struktur pinjaman perumahan ini sebenarnya sebagai aset yang boleh kita gunakan jana untuk

pembangunan negara. Yang Berhormat, kita harus faham, saya katakan tadi dalam pindaan rang undang-Undang ini, kebanyakan perbincangan yang kita bangkitkan, kita tumpukan kepada Syarikat Perumahan Negara di mana Syarikat Perumahan Negara ini hanyalah merupakan barangkali 0.00% ataupun lebih kecil daripada perkara yang kita bincang sebenarnya.

Jadi sangat tepat Yang Berhormat, apabila kita luluskan ini sebenarnya untuk kita masukkan ataupun kita jadikan pinjaman perumahan itu sebanyak RM25 billion sebenarnya maksud RM25 billion itu adalah jaminan peminjam-peminjam yang sedia ada, membayar setiap bulan kemudian dalam tempoh 25 tahun pinjaman bermakna kerajaan telah pun ada bentuk bayaran wang yang akan masuk dalam Tabung Pinjaman Perumahan Kerajaan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Labuan bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sedikit sahaja, boleh tidak Yang Berhormat?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Boleh, boleh, tidak mengapa, saya tunggu.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sekarang ini apabila kita tukar dalam bentuk awal, kita tidak payah tunggu 25 tahun untuk dapat duit ini, tetapi kita gunakan RM25 bilion ini dengan kita *create* bon di pasaran. Kemudian bon ini kita masuk ke dalam akaun kira-kira negara dan daripada akaun kira-kira negara inilah kita bahaskan di sini.

Saya percaya dengan Yang Berhormat semua kita bangkitkan soal kepentingan negara dan kepentingan rakyat supaya perumahan kita tumpukan, pembangunan luar bandar kita tumpukan dan saya beri jaminan tadi tidak kita tumpukan kepada pembayaran hutang. Kebetulan juga Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada selepas pilihan raya ini banyak rang undang-Undang pengumuman Menteri Kewangan khususnya RM10 billion, penaikan taraf jumlah siling Rancangan Malaysia Kelapan, saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat keliru. Sebenarnya bukan daripada tabung ini tetapi tabung ini sebenarnya untuk kita *create* pada masa akan datang dan saya percaya dengan kepercayaan kita beri kepada Pengerusi Syarikat Perumahan Negara sebagai salah satu langkah untuk kita bantu sesama kita dan keperluan sebenar negara, maka kita minta syarikat ini mengangkat satu

permohonan yang selaras, kerana tadi kita lihat dengan RM100 juta hanya 2,600 tetapi permohonan yang diterima oleh syarikat ini dalam masa yang singkat 16, 000.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum beri jalan Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** 16, 000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Labuan Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Okey, okey.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya, ya jadi inilah keperluan sebenarnya, jadi untuk pertimbangan peringkat Menteri Kewangan, peringkat Dewan dan seterusnya dan sebagainya daripada kerja kita pada hari ini. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita faham tentang pengsekuritian RM25 billion daripada pinjaman perumahan kerajaan yang hendak dicairkan dalam bentuk bon untuk mendapatkan *liquidity* untuk kementerian *role* balik untuk bagi pinjaman.

Apa yang saya minta dan ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada pencairan RM25 billion tersebut yang digunakan daripada pinjaman perumahan kakitangan awam ataupun kerajaan, apakah jumlah RM25 billion tersebut akan digunakan sepenuhnya semula untuk membangunkan ataupun memberi pinjaman perumahan kepada kakitangan awam dan disalurkan kepada agensi-agensi lain yang juga berfungsi untuk memberikan pinjaman sama ada SPNB atau sebagainya atau kerajaan gunakan pengsekuritian pinjaman perumahan ini untuk membiayai peruntukan-peruntukan lain digunakan untuk, kerana RM25 billion ini banyak, *is a lot of money, a hell lot of money*, bukannya RM25 juta, *we are talking about* RM25 billion, *is a hell lot of money* Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita hendak tahu lojiknya apakah Kementerian Kewangan akan gunakan balik wang ini balik kepada pinjaman perumahan atau akan digunakan separuh daripadanya untuk di buat jalan raya, untuk buat jambatan, beli kapal, ini saya hendak tanya. Kementerian kena jelaskan kerana pencairan RM25 billion ini angka yang besar, jika angka ini digunakan sepenuhnya untuk menangani masalah perumahan,

keperluan pinjaman perumahan, saya yakin tidak akan ada masalah. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Labuan. Pertamanya, saya minta maaf kita faham semua soal persekutitan ini, tetapi saya sudah katakan tadi sebenarnya persekutitan ini tidaklah kita cairkan RM25 billion sekali gus, dalam bentuk kaedah perlaksanaannya selepas kita luluskan rang undang-undang ini, pihak kementerian dengan bijaksana mengikut keperluan semasa, pasaran semasa dan sebagainya. Dan yang paling asas pihak kerajaan ingin gunakan dengan pencairan ini, sebenarnya untuk memantapkan pasaran bon tempatan dalam negara. Kalau selama ini bon tempatan yang dikeluarkan oleh kerajaan dalam tempoh jangka pendek, tetapi kita dengan keadaan modal ataupun keadaan kita yang jangka panjang tadi 25 tahun, saya percaya kita boleh gerakkan, boleh mantapkan pasaran tempatan, bon tempatan dengan menjadi *benchmark* kepada pasaran bon yang lebih panjang, tujuh tahun malah lebih 10 tahun dan sebagainya.

kaedah ini yang akan disusun oleh kementerian dan sekali gus akan diikuti oleh pihak-pihak swasta dan pihak-pihak yang lain yang ingin mengeluarkan bon di pasaran negara kita. Jadi berbalik kepada wakil Labuan kita tadi, saya berterima kasih kerana sebenarnya dengan pencairan ini insya-Allah diberi jaminan oleh pihak kerajaan tidak akan menggunakan sewenang-wenangnya, malah diberi keutamaan kepada kepentingan negara dan malah apabila wang ini dimasukkan ke dalam wang kira-kira negara tentu sekali setiap perbelanjaan ini akan diperincikan dan dilaporkan kepada Parlimen.

Jadi tidak perlu kita bimbang dan insya-Allah kita sama-sama main peranan bagi menjayakan apa yang kita luluskan pada rang undang-undang kali ini.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Labuan bangun lagi Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya Labuan, sila.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan yang cukup ringkas memandangkan di belakang sana banyak penasihat-penasihat kewangan daripada Kementerian Kewangan. Apa yang saya tanyakan tadi, okey, kita terimalah hakikatnya bahawa pencairan itu tidak akan dibuat sekali gus, *all*

*right*, kita terima. Jawapan supaya memantapkan pasaran bon, saya rasa jawapan itu tidak begitu mantap. Yang jelas kerajaan tidak ada duit, itu hakikatnya. Kita terpaksa *liquid it what ever* aset dalam bentuk persekutuan dan sebagainya untuk kita mendapatkan *liquidity* duit.

Saya minta penjelasan tadi jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri *general*, saya katakan tadi okey, walaupun *draw down* kepada pensekutuan ini dalam bentuk progresif ataupun *progress* contohnya. Bolehkah kerajaan berikan kita keyakinan bahawa hasil pencairan daripada total keseluruhan RM25 billion itu nanti tidak akan di *channel*kan kepada lain-lain maksud selain daripada memberi pinjaman perumahan. Ini harus jelas, jangan minta kami sokong, jangan minta kami setuju, selepas itu pengguna pakainya esok pandai-pandai kementerian pula mengatur, bermasalah esok tendang Bil ke mari, kami pula jadi Hang Tuah dan Hang Jebat. Ini yang saya minta pihak kementerian jawab, supaya senang kami jelaskan kepada rakyat *don't worry, wait another three more months time*, dengan izin *there will be money coming out, we will built houses for you because* kita ada RM7 billion yang akan dicairkan melalui pensekutuan bon dan sebagainya yang akan dibuat oleh Kementerian Kewangan.

Jadi saya minta penjelasan, soalan saya Timbalan Menteri, spesifik, saya minta pegawai-pegawai kerajaan yang memberikan jawapan kepada Timbalan Menteri, berikan jawapan spesifik juga, *yes or no?* Itu sahaja!

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat setuju. Saya sebagai Yang Berhormat mewakili kawasan pun setuju. Tetapi perkara ini belum berlaku Yang Berhormat. Kita merancang.....

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** .....kita merancang dan sama-sama saya katakan tadi wang ini sebenarnya akan dimasukkan ke dalam kira-kira negara *consolidated fund*.....

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Belum berlaku, nanti dia akan berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Susah kita hendak ramal Yang Berhormat, masa depan yang kita tidak tahu. Tetapi insya-Allah, sebenarnya saya katakan Yang Berhormat.....

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya tertarik dengan ucapan Timbalan Menteri, yang menyebutkan sama-samalah kita membincangkan. Saya hendak tanya apakah kementerian akan balik ke mari besok meminta pendapat kami sebelum wang tersebut digunakan setelah ia dicairkan kerana jika mengambil kira ungkapan Timbalan Menteri bermakna kami akan diberi penghormatan yang cukup besar bahawa sebelum duit itu diguna pakai nanti walaupun memang kita tahu belum diguna pakai, Alhamdulillahlah selalunya datang ke mari ini telah dipakai pun. Tetapi kalau belum diguna pakai itu kira Alhamdulillahlah.

Tetapi sekiranya seperti Yang Berhormat cakapkan tadi belum pun dipakai duit tersebut, apakah jika mengambil ungkapan manis Timbalan Menteri tadi bahawa apabila sudah dicairkan, sudah ada dana tersebut dalam Kementerian Kewangan dan sebagainya apakah akan ditanya balik kepada kami, "*Ladies and gentlemen, Yang Berhormat-Yang Berhormat, we got seven billion, now tell us how to disburse this money.*" Adakah begitu cara penggunaannya ataupun kementerian akan pakai secara dia, selepas itu baru kita kena akur dan ikut cara pelaksanaannya? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya tidak mahu membahaskan soal ini berpanjangan, Yang Berhormat. Soal 'yes' or 'no' tetapi sebenarnya ini cara kerajaan mencari tabungan yang saya maksud tadi tersirat dan tersurat. Kemudian kita tahu setiap kewangan kerajaan diperolehi melalui pinjaman dan sebagainya tentu sekali kita tidak mahu membebankan negara, tidak mahu membebankan rakyat. Jadi, sekarang ini kita lihat daripada skim ataupun daripada pembentangan kita kali ini kita meluluskan supaya satu bon ataupun satu cara kaedah kita dapat menggunakan wang daripada penerbitan bon ini bagi menjana pembangunan negara.

Seperti biasa, sebelum pembangunan negara kita laksanakan tentu sekali kita yang merancang, kementerian, agensi termasuk ahli-ahli Dewan dan sebagainya kita merancang dan diluluskan dalam belanjawan negara. Jadi berkait dengan RM25 bilion ini ia sememangnya tidak digunakan untuk perumahan semata-mata tetapi akan digunakan untuk keperluan pembangunan yang lain sebagaimana yang saya katakan tadi bagi memenuhi tabungan pembangunan kerajaan untuk membangunkan dengan tabungan yang murah. Di samping itu saya sekali lagi menafikan bukan ketidakcukupan tabungan kerajaan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kalabakan bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya. Sila.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya kurang faham, itulah sebabnya saya tanyakan RM25 bilion ini nanti bukannya semua untuk perumahan tetapi kita mahu jaminan daripada kementerian jangan apabila sampai masanya RM25 bilion ini bukannya semata-mata untuk pembangunan lain daripada perumahan sahaja. Kita mahu kepastian bahawa syarikat perumahan ini dapat banyak peruntukan daripada RM25 bilion ini kerana ini sudah dibincang beberapa hari dalam Dewan. Jadi kita mahu kepastian, itu sahaja, sebab kita khawatir kalau sekiranya RM25 bilion ini sudah diperolehi dan kemudian perumahan tinggal perumahan, masalah rakyat tidak boleh diselesaikan. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya RM25 bilion ini kita andaikan keseluruhan pinjaman perumahan ketika ini. Bukan kita ambil selepas ini lulus terus RM25 bilion. Andaian kita dengan jumlah peminjam dengan amaun yang ada dan dengan bayaran bulanan sejumlah 25 tahun ia akan menjumlahkan hampir RM25 bilion. Bermakna apabila kita meluluskan rang undang-undang pada hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan ada ruang untuk mengguna pakai dengan ketepatan keperluan semasa sebagaimana yang saya bangkitkan tadi dan saya percaya kebijaksanaan ini sebenarnya akan membantu kerajaan bagi menjana pembangunan yang kita perlukan.

Di samping kalau keperluan kita mendesak tetapi pihak kerajaan memikir kalau kita membuat pinjaman luar yang kadar faedahnya ataupun bebanan kos yang tinggi tentu sekali apabila kita luluskan ini kita ada ruang untuk menggunakan kos yang murah bagi tidak membebaskan negara. Tuan Yang di-Pertua,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun. Tanjong.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Silakan Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Dalam ucapan saya, saya ada menyentuh tentang bagaimana kementerian akan menilai *asset based security* ini adakah berdasarkan kepada jumlah pinjaman yang dikeluarkan iaitu dalam bentuk *visible* ataupun nilai harta yang sudah dibeli oleh peminjam kakitangan kerajaan yang sememangnya mempunyai perbezaan



dari segi nilai apabila bon-bon ini diterbitkan. Jadi, apakah kriteria yang akan digunakan oleh kementerian untuk menetapkan nilai *visible* ini?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Tanjong. Sebenarnya daripada nilai yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadilah iaitu nilai *visible* daripada peminjam yang membuat bayaran kepada kerajaan. Jadi, ia tidak berdasarkan aset pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, meneruskan penggulungan saya, di atas contoh yang saya beri kepada kawasan Parlimen Sri Gading dalam permohonan Skim Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Pembangunan Negara tadi, antara perkara yang lain, syarat yang tidak ditolak adalah antaranya umur melebihi syarat. Maksudnya tadi 65 tahun tetapi pemohonnya lebih 65 tahun. Yang akhirnya antara masalah yang ditolak adalah pemohon itu bujang, maksudnya lelaki bukan balu dan tidak lagi berkahwin.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai keperluan cagaran atau *caveat* ke atas tanah. Keperluan ini ialah untuk memastikan agar tanah-tanah tersebut tidak dicagarkan kepada lain-lain institusi kewangan bagi menjaga kepentingan pemilik rumah dan juga Syarikat Perumahan Negara Berhad. Maksudnya di atas isu tadi yang dibangkitkan oleh Jerai sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Perumahan Negara Berhad adalah sebuah syarikat yang bukan bermotifkan keuntungan dan ditubuhkan untuk memenuhi tanggungjawab sosial bagi menyediakan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah. Bagi Rumah Mesra Rakyat, SPNB tidak memperolehi apa-apa keuntungan malahan ia juga perlu kepada menanggung kos pentadbiran terutamanya kos kakitangan dan juga kos-kos lain termasuk kos insurans ke atas pinjaman.

Bagi perumahan mampu milik pula, Syarikat Perumahan Negara perlu memastikan dapat menampung kos pinjamannya yang pada masa ini dalam lingkungan 3.57 peratus berasaskan kepada harga jualan sebanyak RM35 ribu dan RM42 ribu seunit. Syarikat Perumahan Negara tidak memperoleh keuntungan malahan hanya mencukupi untuk menampung kos pembinaan dan infrastruktur.

Mengenai projek terbengkalai, setakat ini tiada projek yang dipulihkan atau diambil alih oleh Syarikat Perumahan Negara yang terbengkalai. Malahan Syarikat Perumahan Negara telah berjaya mengambil alih 173 projek perumahan kos rendah dan sederhana yang terbengkalai. Dari jumlah ini, Syarikat Perumahan Negara telah berjaya menyiapkan sebanyak 23 projek dengan CF telah berjaya dikeluarkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung jawapan besok.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut matikan pembesar suara.

Ahli-ahli Yang Berhormat waktu sekarang jam 5.30 petang, kita ada usul daripada Menteri.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16 (3)**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### **MENINGKATKAN TARAF PROFESIONALISME POLIS DALAM TUGAS PENYIASATAN JENYAH**

**5.31 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak polis memikul tanggungjawab yang amat berat dalam mengawal keselamatan dan ketenteraman awam. Rakyat biasa menaruh harapan kepada pihak polis untuk menegak keadilan dan juga mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.

Penubuhan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Profesionalisme Pasukan Polis adalah langkah yang baik kerana wujud pelbagai masalah yang ingin diatasi untuk menjadikan pasukan polis lebih prihatin dan lebih cekap mengatasi masalah rakyat.

Dalam kes satu laporan polis 5783/ 2003, Sungai Nibong, Daerah Timur Laut Georgetown, Pulau Pinang, pasukan polis berkenaan tidak menunjukkan profesionalisme dan prestasi yang diharap-harapkan dalam kerja-kerja penyiasatan.

Dalam kes ini, seorang pelajar Politeknik Seberang Perai bernama Lee Kean Kheng telah mengadu bahawa beliau dipukul selepas satu kejadian kemalangan di antara beliau dengan pemandu kereta Proton Iswara bernombor PEA 4988 pada 27 Oktober 2003. Pemandu tersebut juga menggunakan sebilah pisau yang panjangnya lebih kurang dua kaki dan mengancam Lee Kean Kheng.

Beberapa orang saksi juga membuat laporan polis seperti Sungai Nibong 5872/2003 dan Sungai Nibong 5873/2003 untuk menawarkan diri mereka sebagai saksi kepada kejadian tersebut. Gambar pemandu tersebut yang sempat dirakamkan oleh bapa mangsa itu juga telah diserahkan kepada pegawai penyiasat.

Nama dan alamat pemandu itu juga diketahui oleh pihak polis. Namun sehingga kini iaitu sudah melebihi lapan bulan, pihak polis masih belum memaklumkan kepada si mangsa hasil penyiasatan, apakah dan bilakah orang yang disyaki itu akan dihadapkan ke mahkamah di bawah Kanun Keseksaan.

Saya selaku Ahli Parlimen Kawasan Tanjong juga pernah menulis kepada Ketua Polis Daerah Timur Laut pada 2 April tahun ini untuk memohon ingin tahu mengenai kes ini tetapi tidak diberikan apa-apa jawapan pun. Saya rasa ada perlunya mangsa-mangsa yang telah membuat laporan polis dimaklumkan oleh pihak polis tentang perkembangan siasatan dan hasil siasatan untuk mencerminkan ketelusan dan semangat profesionalisme pasukan polis dalam menjalankan kerja-kerja penyiasatan.

Justeru, saya ingin tahu apakah status siasatan kes ini dan apakah hasil siasatan ke atas kes ini. Keyakinan rakyat terhadap pihak polis hanya boleh dipupuk apabila rakyat dapat melihat sikap dan tanggungjawab dan tindakan yang profesionalisme untuk menegakkan keadilan serta membanteras jenayah. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jawapan, Setiausaha Parlimen.

**5.34 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada

Yang Berhormat bagi Tanjong di atas ucapan penangguhan yang menyentuh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Mengikut Seksyen 120 Kanun Tatacara Jenayah, pihak polis dikehendaki menyiapkan siasatannya *without unnecessary delay*, dengan izin. Bagaimanapun, adalah menjadi satu ketetapan kepada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menyiapkan setiap kes dan aduan yang dibuat dengan pantas dan cepat. Oleh itu pihak PDRM sentiasa memberi perhatian dan mengambil tindakan terhadap aduan daripada orang ramai.

Laporan Polis Sungai Nibong 5783/2003 adalah merupakan laporan polis yang dibuat oleh seorang pelajar Politeknik Seberang Prai iaitu Encik Lee Kean Kheng. Beliau telah membuat laporan polis mengatakan beliau telah dipukul dan diugut dengan sebilah pisau selepas berlaku satu kejadian kemalangan di antara beliau dengan seorang pemandu kereta Proton Iswara nombor pendaftaran PEA 4988.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis sememangnya telah menyiasat kes ini dan tempoh masa sewajarnya telah digunakan bagi tujuan tersebut. Pada peringkat awal, siasatan polis menghadapi sedikit kesukaran untuk menentukan punca sebenar kecederaan yang dialami oleh pengadu. Kepastian punca kecederaan yang dialami oleh pengadu amat sukar ditentukan sama ada kecederaan tersebut disebabkan oleh pengadu terjatuh dari motosikal semasa kemalangan atau kecederaan akibat serangan sebagaimana yang dinyatakan oleh pengadu.

Oleh yang demikian, pihak polis menghadapi sedikit kesukaran untuk membuat rumusan. Keterangan daripada saksi-saksi sahaja tidak mencukupi dalam menuduh seseorang tetapi perlu disokong dengan *prerogative evidence*, yang lain dengan izin. Sebagai contoh, keterangan dari laporan pemeriksaan perubatan, keterangan forensik dan penemuan pisau seperti dakwaan yang dibuat oleh pengadu dan saksi dalam laporan polis bagi kes ini.

Berhubung dengan perkara ini, siasatan kes ini telah selesai dijalankan oleh pihak polis. Kertas siasatan telah dimajukan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwa Raya Pulau Pinang dan beliau telah mengarahkan supaya *suspect* dituduh di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksan iaitu kes dengan sengaja mendatangkan kecederaan. *Suspect* akan dituduh di mahkamah pada 20 Julai 2004. Perkembangan kes ini akan dimaklumkan kepada pengadu selepas tertuduh dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab pihak polis untuk menerima aduan awam dan sememangnya pihak polis akan melakukan siasatan secepat mungkin ke atas aduan-aduan yang diterima. Walau bagaimanapun, kadang kala pihak polis terpaksa mencari bukti-bukti lain bagi menyokong keterangan yang sedia ada dan ini akan mengambil tempoh masa tertentu seperti di dalam kes ini.

Dalam konteks kes ini, pihak polis telah mengambil tindakan untuk menyiapkan siasatan kes ini dalam tempoh masa *without unnecessary delay*, dengan izin, seperti mana yang dikehendaki dalam peruntukan Seksyen 120 Kanun Tatacara Jenayah (*Criminal Procedure Code*).

Walaupun bagaimanapun, pihak PDRM sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud dalam menjalankan usaha mengambil tindakan terhadap mana-mana aduan yang diterima malah pihak pengurusan atasan PDRM telah mengarahkan semua anggota polis yang bertugas di balai-balai polis supaya menerima semua aduan yang dibuat oleh orang ramai. Tindakan tatatertib akan diambil ke atas mana-mana anggota polis yang tidak mematuhi arahan tersebut.

#### **MASALAH PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM YANG TIDAK DISERAHKAN KEPADA PENDERA KES KEGANASAN RUMAH TANGGA**

**5.39 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kementerian-kementerian yang berkenaan terhadap masalah Perintah Perlindungan Interim yang tidak diserahkan kepada pendera kes keganasan rumah tangga.

Saya memberi dua kes contoh untuk menjelaskan *point* saya, dengan izin, *to illustrate my point*. Kes pertama ialah kes Karppagavalli a/p Subramaniam. Perintah Perlindungan dikeluarkan kepadanya oleh Mahkamah Majistret Dua, Bukit Mertajam pada 21 November 2003 dengan Laporan Polis MN.RPT.4292/2003 menghalang suaminya daripada menggunakan keganasan terhadapnya dan juga tidak menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan terhadapnya.

Pada 3 Januari 2004, suaminya cuba menyerang Karppagavalli. Beliau memecahkan kaca tingkap rumahnya. Karppagavalli melaporkan kepada polis tetapi

diberitahu oleh seorang Sarjan Ramlah bahawa pihak polis tidak dapat melakukan tangkapan kerana tidak diberikan satu salinan perintah perlindungan yang berkenaan. Selepas dibuat semakan, didapati Mahkamah Majistret telah menyerahkan dua salinan Perintah Perlindungan kepada seorang Inspektor Zaiton di Balai Polis Bukit Mertajam. Pihak polis adalah bertanggungjawab untuk menyerahkan Perintah Perlindungan kepada suaminya tetapi tugas ini tidak disempurnakan.

Kes kedua ialah kes Goh Yew Geok. Perkara yang sama juga berlaku kepada kes Goh Yew Geok dari Kuala Kedah. Mahkamah Majistret Alor Setar mengeluarkan Perintah Perlindungan kepadanya pada 18 April 2004 selepas lima kali beliau didera oleh suaminya. Pada 10 Mei, suaminya sekali lagi mengganas terhadapnya di depan orang ramai. Apabila beliau melaporkan kepada polis, barulah diberitahu bahawa pihak polis tidak menyerahkan Perintah Perlindungan kepada suaminya. Kes ini pun telah dikemukakan kepada Yang Berhormat bagi Alor Setar dan Kuala Kedah dan juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Akta Keganasan Rumah Tangga, Pegawai Penguat Kuasa maksudnya pihak polis, harus menyerahkan Perintah Perlindungan kepada pendera dalam tempoh 7 hari selepas ia dikeluarkan. Jika pendera setelah menerima Perintah Perlindungan masih melakukan keganasan terhadap mangsa, maka beliau boleh didakwa di mahkamah dan jika bersabit kesalahan, boleh didenda RM2,000 atau dipenjarakan 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam kedua-dua kes ini, suami mereka tidak dapat didakwa di mahkamah walaupun mereka melakukan keganasan selepas mahkamah mengeluarkan Perintah Perlindungan. Dalam perkataan yang lain, Perintah Perlindungan tidak membawa makna kepada mangsa berikutan dengan kegagalan polis untuk menyerahkannya kepada pendera. Demi memberikan perlindungan yang lebih berkesan kepada para mangsa, pihak kementerian....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, itu di luar daripada ...

**Puan Chong Eng:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Keluar daripada ...

**Puan Chong Eng:** Tidak ada. Ini peraturan yang tidak sama sahaja. *[Ketawa]* ... memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada para mangsa, pihak Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus menangani masalah penyerahan Perintah Perlindungan ini bersama dengan pihak majistret dan pihak polis.

Suatu mekanisme yang berkesan mesti dibentuk untuk memastikan Perintah Perlindungan dapat disampaikan kepada responden atau si pendera dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga. Saya memohon Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini bagaimana kementeriannya akan menjalankan tugas ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**5.43 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang dalam proses penyemakan dan penelitian untuk membuat pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Pihak kementerian sedar akan masalah yang dikemukakan dan sedang membuat penyelarasan ke atas perkara tersebut dengan pihak polis dan mahkamah.

Walau bagaimanapun, dalam kedua-dua kes berkenaan, pihak kementerian berpendapat bahawa pihak polis perlu memfailkan bukti penyampaian di mahkamah dalam masa 7 hari setelah perintah itu diserahkan dan bukannya 7 hari setelah perintah itu dikeluarkan oleh mahkamah. Ini adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 17 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) iaitu, dengan izin:-

*“Within twenty-four hours of the issuance of a protection order or interim protection order, as the case may be, the Registrar of the court in which it is issued shall forward a copy of the order to the officer-in-charge of the police district where the offender resides. The police officer concerned shall file proof of service with the Registrar of the court within seven days of service”.*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan Dewan yang mulia ini telah habis. Dewan ditangguhkan dan bersidang semula pada jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.***